

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"KITA mesti berhijrah. Jangan tahan-tahan memerap diri dalam keburukan, tetapi wajib berhijrah, meninggalkan jauh-jauh keburukan dengan menghampiri kebaikan".  
- Titah Sempena Awal Tahun Baharu 1441 Hijrah.



# Hujung Minggu

## Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسش ايمان  
MANISNYA IMAN

"DAN Allah mengasihi orang-orang yang suka membersihkan diri".  
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah at-Taubah, ayat 108).

Waktu Sembahyang

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|-------|-------|--------|------|-------|------|---------|-------|
| 4.42  | 4.52  | 6.15   | 6.39 | 12.28 | 3.51 | 6.38    | 7.52  |

Daerah Belait ditambah 3 Minit  
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 86

18 JULAI 2020 / 1441 ذوالقعدة 26

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA



دولت كباو دولي توان قاتيق  
Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

74  
15 Julai 2020

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

## Doa Kesyukuran Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-74



KEMENTERIAN Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya mengadakan Majlis Kesyukuran, Sembahyang Fardu Asar, Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-74. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman (Lihat muka 5).

IKUTI KAMI DI



APLIKASI  
MUDAH ALIH  
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam

infodept.bn infodept\_bn

## Berita Utama



DIGITALISASI kurangkan pengangguaran, perluas ekonomi ASEAN

Muka 7

## Kerjasama bersepadu memastikan kestabilan sistem pengangkutan

Siaran Akhbar :  
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Julai. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Motalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof selaku Pengerusi Mesyuarat Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN (ATM) bagi Tahun 2020 mempengerusikan bersama Menteri Pengangkutan Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Xiaopeng bagi Mesyuarat Khas Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN dan China mengenai COVID-19 (ASEAN-China Transport

Ministers' Special Meeting on COVID-19) yang diadakan pada 16 Julai 2020 secara Persidangan Video Khas (Video Conference).

Mesyuarat Khas Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN dan China mengenai COVID-19 itu diadakan dengan objektif bagi memastikan kestabilan dan keterbukaan sistem pengangkutan serta logistik antarabangsa dalam pemulihan ekonomi semasa menangani krisis penularan wabak COVID-19.

Ke muka 3



50 buah buku disumbangkan kepada Politeknik Brunei

Muka 11



IKERAB bergerak aktif ke arah kecemerlangan kampung

Muka 27

## STATISTIK TERKINI COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 17 JULAI 2020, 12.00 tengah hari

JUMLAH KES JANGKITAN 141

JUMLAH KEMATIAN 3

JUMLAH KES YANG SEMBUH 138

TALIAN KESIHATAN COVID-19 148

# Teknologi digital berpotensi tinggi mendorong kemajuan ekonomi negara



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan baginda Ke-74 bagi Tahun 2020 pada Selasa, 23 Zulkaedah 1441 Hijrah bersamaan 14 Julai 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillaahir Rahmaanir Raheem  
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,  
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa  
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'  
Wassalaamu 'Ala Asyaraful  
Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin,  
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee  
Ajma'een, Waba'du.

**A**LHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, di atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita sama-sama menyambut Hari Keputeraan beta yang Ke-74 dalam suasana aman dan selamat.

Terlebih dahulu, beta dengan tulus ikhlas ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang telah menghantar perutusan ucap selamat mereka kepada beta dan keluarga bersempena dengan sambutan ini.

Pada tahun ini, sambutan terpaksa berbeza, kerana dunia masih saja diancam oleh pandemik Koronavirus. Namun kita bersyukur, kerana dengan izin Allah jua, negara kita telah dapat mengawal penularan wabak tersebut.

Beta sekali lagi mengucapkan syabas kepada seluruh lapisan masyarakat, khasnya para petugas di barisan hadapan yang bertungkus-lumus menghadapi situasi ini.

Alhamdulillah, pada masa ini, sekolah-sekolah, gedung-gedung

perniagaan, tempat-tempat riadah dan lain-lain telah pun mula dibuka secara berfasa. Walau begitu, semua kita, masih saja dikehendaki untuk terus mematuhi atau mengikut apa jua arahan dan peraturan dari pihak berkuasa, khasnya Kementerian Kesihatan sebagai langkah kita berjaga-jaga.

Di mana-mana saja orang sibuk mengenai kesan wabak Koronavirus terhadap ekonomi, khasnya kesan terhadap harga minyak global, yang berada di tahap terjejas dan tidak menentu.

Sehubungan itu, kerajaan beta insyaaAllah, akan sentiasa memastikan kesan ini tidak memberi impak negatif kepada daya tahan negara dalam usahanya mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi menarik pelabur langsung asing, dan sekali gus mengukuhkan lagi status fiskal negara. Beta berpendapat, Lembaga Kemajuan Ekonomi di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi adalah tidak wajar bersendirian, tetapi perlu bekerjasama dengan Menteri-Menteri yang berkenaan dalam usaha menjana ekonomi negara.

Alhamdulillah, loji penapisan minyak dan petrokimia di Pulau Muara Besar telah pun mula mengeksport minyak yang dihasilkan di fasiliti berkenaan. Projek yang berskala besar ini diharap, akan dapat menyumbang kepada peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), dan sekali gus meningkatkan peluang-peluang pekerjaan bagi

anak-anak tempatan. Dalam suku kedua tahun hadapan insyaaAllah, loji ammonia dan urea bertaraf antarabangsa pula dijangka akan mula beroperasi. Loji ini bertempat di Sungai Liang Industrial Park yang dikendalikan oleh Brunei Fertilizer Industries Sendirian Berhad. Sehubungan itu, beta telah pun memperkenalkan penubuhan Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam sebagai badan teknikal kepada Kementerian Tenaga untuk memantau operasi minyak dan gas, termasuk mengawal selia sektor hulu dan hiliran.

Selaras dengan perkembangan dan kemajuan zaman, penggunaan online platform, termasuk penggunaan Artificial Intelligence dan aplikasi Big Data Analytic telah banyak membantu meningkatkan inovasi dan produktiviti seperti aplikasi BruHealth. Maka beta berpendapat, teknologi digital memang berpotensi tinggi untuk mendorong kemajuan ekonomi negara. Oleh itu, pada hemat beta, adalah tepat pada masanya untuk Negara Brunei Darussalam mempunyai Pelan Induk Ekonomi Digitalnya sendiri. Apatah lagi sejak akhir-akhir ini kita memang memerlukan perkhidmatan digital, yang merangkumi pembelajaran, perniagaan dan urus tadbir yang mampu menjadikan Bandar Seri Begawan sebagai Smart City, di mana untuk itu, beta telah memperkenalkan Pelan Induk Digital Ekonomi 2025 di bawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Alhamdulillah, berkat kerjasama di semua peringkat kementerian dan sektor swasta, kadar pengangguran pada tahun lepas adalah menurun. Melalui Labour Force Survey tahun 2018, kadar pengangguran diketahui 8.7 peratus, manakala pada tahun 2019 kadar tersebut ialah 6.8 peratus.

Beta yakin, Manpower Planning and Employment Council yang telah ditubuhkan pada bulan November tahun lepas, akan terus berusaha dalam sama-sama membantu bagi anak-anak tempatan mendapatkan pekerjaan.

Menyentuh pula bidang sumber-sumber utama, Alhamdulillah, kerajaan beta, melalui agensi berkenaan, akan terus berusaha ke arah memastikan bekalan makanan dalam negara adalah mencukupi dan terjamin. Maka untuk itu, beta berharap pengusaha, petani, peladang dan nelayan akan mengambil peluang meningkatkan produktiviti masing-masing sebagai langkah mencukupkan keperluan dan keselamatan makanan.

Ke muka 7

Dari Sidang Pengarang.

18 JULAI 2020 BERSAMAAN 1441 ذو القعدة 26

## SENTIASA MEMBERIKAN YANG TERBAIK

**N**EGARA Brunei Darussalam komited dalam mencapai 2030 Agenda for Sustainable Development and the Sustainable Development Goals (SDGs) selaras dengan Wawasan Brunei 2035 di mana melalui wawasan ini, negara berhasrat untuk mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi; dan mempunyai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak kendur-kendur berusaha untuk sentiasa memberikan yang terbaik kepada rakyat dan penduduk di negara ini.

Hasilnya, seperti yang juga dilaporkan melalui Laporan Voluntary National Review 2020, rakyat dan penduduk di negara ini menikmati kualiti kehidupan yang tinggi, selamat dan suasana yang makmur disebabkan adanya perkhidmatan asas dan standard infrastruktur kesihatan, pendidikan, air bersih serta sanitasi, perumahan, institusi perundangan, telekomunikasi dan pekerjaan yang tinggi.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga melaksanakan polisi serta pelan tindakan yang memastikan penyertaan inklusif melalui pemerksaan wanita, belia, yang berpendapatan rendah dan orang kelainan upaya.

Di negara kita juga, akses kepada semua peringkat pelajaran dan kewajipan menjalani pendidikan formal selama sembilan tahun menyumbang kepada kadar literasi yang tinggi iaitu 97.2 peratus.

Sementara itu dalam sektor kesihatan pula, usaha-usaha negara adalah setanding dengan negara-negara maju. Langkah signifikan dilaksanakan untuk memasti penyakit-penyakit berjangkit adalah terkawal dan ini boleh dilihat melalui respon negara yang berjaya ke arah membendung penularan pandemik COVID-19.

Manakala bagi perlindungan alam sekitar serta sumber aslinya, ia sentiasa menjadi keutamaan negara di mana 72 peratus dari jumlah keseluruhan tanah di negara ini masih diliputi hutan dengan 41 peratus darinya digazet sebagai hutan simpanan.

Di atas tadi adalah merupakan beberapa pencapaian negara menyumbang ke arah kejayaan SDGs yang dihasilkan berkat kerjasama semua pihak.

Dengan menggunakan pendekatan Whole of Nation, ia membantu ke arah menjurus mencapai kejayaan SDGs. InsyaaAllah, dengan pendekatan ini, negara akan terus mencapai kejayaan dan berjaya merealisasikan 2030 Agenda for Sustainable Development and the SDGs serta Wawasan Brunei 2035.

Bagi maklumat lanjut mengenai Laporan VNR 2020, ia boleh diperoleh melalui <https://sustainabledevelopment.un.org/memberstates/brunei> - Ketua Penyuntingan (Ss).

**RAMALAN CUACA 3 HARI**

| SABTU                                        | AHAD           | ISNIN          |
|----------------------------------------------|----------------|----------------|
| <b>BANDAR SERI BEGAWAN</b><br>32<br>25<br>°C | 32<br>25<br>°C | 31<br>25<br>°C |
| <b>PEKAN BANGAR</b><br>31<br>24<br>°C        | 32<br>24<br>°C | 32<br>24<br>°C |
| <b>PEKAN TUTONG</b><br>31<br>25<br>°C        | 32<br>25<br>°C | 32<br>25<br>°C |
| <b>KUALA BELAIT</b><br>31<br>24<br>°C        | 32<br>24<br>°C | 32<br>25<br>°C |

Wallahualam Bissawabi  
Jabatan Kaji cuaca  
Brunei Darussalam  
www.met.gov.bn

Talian Cuaca  
**114**

Brunei WX  
App

**WAKTU SEMBAHYANG**

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:  
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

| Masihi JULAI | HARI   | Hijrah ZULKAEDAH / ZULHIJAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|--------------|--------|-----------------------------|-------|-------|--------|------|-------|------|---------|-------|
| 18           | SABTU  | 26                          | 4.42  | 4.52  | 6.15   | 6.39 | 12.28 | 3.51 | 6.38    | 7.52  |
| 19           | AHAD   | 27                          | 4.42  | 4.52  | 6.16   | 6.39 | 12.28 | 3.51 | 6.38    | 7.52  |
| 20           | ISNIN  | 28                          | 4.43  | 4.53  | 6.16   | 6.39 | 12.28 | 3.51 | 6.38    | 7.52  |
| 21           | SELASA | 29                          | 4.43  | 4.53  | 6.16   | 6.40 | 12.28 | 3.51 | 6.38    | 7.52  |
| 22           | RABU   | 1                           | 4.43  | 4.53  | 6.16   | 6.40 | 12.28 | 3.51 | 6.38    | 7.52  |
| 23           | KHAMIS | 2                           | 4.43  | 4.53  | 6.16   | 6.40 | 12.28 | 3.51 | 6.37    | 7.51  |
| 24           | JUMAAT | 3                           | 4.44  | 4.54  | 6.16   | 6.40 | 12.28 | 3.51 | 6.37    | 7.51  |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN** 991 | **POLIS** 993 | **BOMBA** 995 | **PENYELAMAT** 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam  
**123**

NDMC  
**2380214**

# Kerjasama bersepadu memastikan kestabilan sistem pengangkutan



**YANG** Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi selaku Pengerusi Mesyuarat Menteri-Menteri Pengangkutan ASEAN (ATM) bagi Tahun 2020 mempengerusikan bersama Menteri Pengangkutan Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Xiaopeng bagi Mesyuarat Khas Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN dan China mengenai COVID-19 yang diadakan secara Persidangan Video Khas (Video Conference).

## Siaran Akhbar :

Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,

Ihsan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

### Dari muka 1

Mesyuarat Khas ini dihadiri oleh Menteri-Menteri Pengangkutan ASEAN dan Republik Rakyat China dan turut disertai oleh Setiausaha Agung ASEAN. Semasa Mesyuarat Khas tersebut, Menteri-Menteri Pengangkutan ASEAN dan Republik Rakyat China serta Setiausaha Agung ASEAN bertukar-tukar pendapat serta berkongsi pengalaman di sektor pengangkutan dalam mendukung usaha membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 dan untuk mengukuhkan kerjasama dalam

perkembangan kesalinghubungan sektor pengangkutan serantau.

Dalam ucapan pembukaan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi selaku Pengerusi Bersama, beliau menyentuh mengenai komitmen Ketua-ketua Negara ASEAN semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-36 dalam melaksanakan dasar yang didasarkan (*targeted policies*) untuk menangani cabaran pandemik COVID-19 di rantau ini dan dunia.

Dalam pada itu, kesalinghubungan pengangkutan merupakan salah satu sektor yang sangat terjejas oleh wabak

tersebut. Mengikut fakta yang dikongsikan oleh beberapa buah badan antarabangsa, terdapat penurunan sebanyak 48-61 peratus bagi penumpang udara, kerugian berjumlah USD97 bilion bagi hasil lapangan-lapangan terbang, penurunan sebanyak 25 peratus dalam perkapalan dan penurunan hasil sebanyak 40 peratus bagi pengendali kargo pengangkutan darat.

Sehubungan ini, kerjasama antara negara-negara di peringkat rantau dan antarabangsa adalah penting dalam menangani dan mengurangkan pandemik ini.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi juga telah mengongsikan usaha dan inisiatif dalam sektor pengangkutan yang dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam dalam menangani wabak COVID-19. Beliau turut

mengongsikan mengenai bantuan kepada pengendali-pengendali perkhidmatan pengangkutan, memanfaatkan teknologi terkini, serta usaha pemulihan (*recovery efforts*) bagi sektor pengangkutan.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi juga menekankan peranan sektor pengangkutan dalam menghadapi penularan wabak COVID-19. Dalam hal ini, Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan pelaksanaan program dan inisiatif di bawah rangka kerjasama pengangkutan ASEAN-China ke arah mendukung usaha-usaha bagi mencapai matlamat Pelan Strategik Pengangkutan ASEAN.

Kerjasama serantau adalah penting untuk mengukuhkan usaha masing-masing, bukan sahaja dalam mengatasi cabaran

berikutan penularan COVID-19, tetapi juga untuk perkembangan sosial dan ekonomi yang berdaya tahan.

Hasil utama Mesyuarat Khas adalah pengesahan satu Kenyataan Bersama Menteri-Menteri (Joint Ministerial Statement) bertajuk 'Ensuring Smooth Transport and Logistics to Combat COVID-19 and Reactivate the Economy' oleh Menteri-Menteri Pengangkutan ASEAN dan Republik Rakyat China.

Dalam kenyataan bersama itu, Menteri-Menteri Pengangkutan ASEAN-China mengesahkan komitmen meningkatkan kerjasama yang sedia ada termasuk perihai memudah cara aktiviti logistik dalam penghantaran, pembekalan dan pembuatan barangan keperluan dalam menangani wabak COVID-19.

Kenyataan bersama itu juga menggalakkan inisiatif meningkatkan kerjasama dan penyelarasan bersama organisasi berbilang hala di bawah rangka kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations), termasuk Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization), Pertubuhan Maritim Antarabangsa (International Maritime Organization), Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (International Civil Aviation Organization) dan dalam masa yang sama, menekankan kepatuhan kepada piawaian-piawaian antarabangsa untuk kemudahan aktiviti logistik dan pengangkutan.

Selain itu, Menteri-Menteri Pengangkutan ASEAN-China juga bersetuju untuk meningkatkan pertukaran dan perkongsian maklumat, pengetahuan dan amalan terbaik bagi meningkatkan kemampuan pengendalian pandemik di setiap tempat merentas sempadan darat, pelabuhan dan lapangan terbang sambil memastikan langkah berjaga-jaga kesihatan terjamin.

Turut hadir semasa Mesyuarat Khas tersebut adalah Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof selaku Pengerusi Pegawai-Pegawai Kanan Pengangkutan ASEAN (ASEAN Senior Transport Officials Meeting - STOM) dan Ketua STOM bagi Negara Brunei Darussalam beserta Pegawai-Pegawai kanan dari MTIC dan jabatan-jabatan serta pihak berkuasa di bawahnya.

## COVID-19 : 381 sampel ujian dilaksana dalam tempoh 24 jam

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 17 Julai. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai Status Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), setakat jam 12.00 tengah hari, alhamdulillah tiada kes baharu jangkitan COVID-19 dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di NBD masih kekal 141 orang.

Melalui Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan, dimaklumkan bahawa seramai 452 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, manakala seramai 3,284 orang menamatkan pengasingan diri

mandatori sejak bulan Mac 2020 lalu.

Seterusnya, Kementerian Kesihatan turut memaklumkan bahawa sebanyak 381 sampel Ujian Virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dalam tempoh 24 jam lalu, di mana membawa jumlah ujian makmal secara keseluruhan yang dijalankan sejak Januari 2020 adalah sebanyak 35,245 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi [healthinfo.gov.bn](http://healthinfo.gov.bn).

### Ringkasan Kes

| Kes Baru Hari Ini | Jumlah Keseluruhan Kes |          |        |
|-------------------|------------------------|----------|--------|
| 0                 | 141                    |          |        |
|                   | Kes Aktif              | Kematian | Sembuh |
|                   | 0                      | 3        | 138    |

### Ringkasan Pengasingan Diri

| Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori | Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020) |
|---------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------|
| 452                                                     | 3,284                                                                    |

### Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

| Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam | Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020) |
|----------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------|
| 381 sampel                                         | 35,245 ujian                                                    |

# COVID-19 : Tiada jangkitan baharu

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 16 Julai. - Negara Brunei Darussalam (NBD) terus kekal mencatatkan tiada kes baharu penyakit COVID-19, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 kekal kepada 141 orang.

Melalui siaran akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan turut memaklumkan kepada orang ramai bahawa seramai 453 orang masih menjalani pengasingan diri mandatori, manakala seramai 3,273 orang telah menamatkan pengasingan diri

mandatori sejak bulan Mac 2020 lalu.

Seterusnya, sebanyak 67 ujian Virus SARS-CoV-2 telah dilaksanakan dalam tempoh 24 jam yang lalu dan 34,864 jumlah keseluruhan ujian makmal telah dijalankan sejak bulan Januari 2020.

Bagi orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut dan perkembangan terkini mengenai penyakit COVID-19 di negara ini, boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan di [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi [healthinfo.gov.bn](http://healthinfo.gov.bn).

## Ringkasan Kes

| Kes Baru Hari Ini | Jumlah Keseluruhan Kes |          |        |
|-------------------|------------------------|----------|--------|
| 0                 | 141                    |          |        |
|                   | Kes Aktif              | Kematian | Sembuh |
|                   | 0                      | 3        | 138    |

## Ringkasan Pengasingan Diri

| Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori | Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020) |
|---------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------|
| 453                                                     | 3,273                                                                    |

## Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

| Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam | Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020) |
|----------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------|
| 67 sampel                                          | 34,864 ujian                                                    |

# Perubahan waktu operasi

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 16 Julai. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai perubahan waktu operasi bagi ujian *swab* di Kompleks Sukan, Hospital RIPAS ialah bermula pada jam 7.00 pagi hingga 10.00 malam, setiap hari, bermula 16 Julai 2020 dan operasi ini akan ditutup pada hari

Nasihat Kesihatan 148 yang telah dikemaskinikan.

Perubahan operasi bagi perkhidmatan ujian *swab* di Kompleks Sukan, Hospital RIPAS ialah bermula pada jam 7.00 pagi hingga 10.00 malam, setiap hari, bermula 16 Julai 2020 dan operasi ini akan ditutup pada hari

kelepasan awam.

Seterusnya, bagi perkhidmatan BruHealth Helpline pula beroperasi setiap Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula pada jam 7.45 pagi hingga 12.15 tengah hari, kemudian diteruskan pada jam 1.30 petang hingga 4.30 petang dan akan bermula pada 16 Julai 2020. Pada Jumaat pula, bermula pada jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Operasi ini juga

akan ditutup pada setiap hari selepas awam dan Ahad.

Manakala bagi perkhidmatan BruHealth Help Desk, iaitu di dua buah tempat yang berbeza, Rimba Point Shopping Complex Mall akan beroperasi pada Jumaat, bermula pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan diteruskan pada jam 2.00 petang hingga 5.00 petang. Kemudian pada Sabtu dan Ahad, operasi bermula pada jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang dan waktu beroperasi ini akan mula dijalankan pada 17 Julai 2020.

Di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) pula, waktu beroperasi BruHealth Help Desk bermula pada jam 10.00 pagi hingga 5.00 petang, iaitu pada Ahad dan akan dimulakan pada 17 Julai 2020.

Akhir sekali, perkhidmatan

Talian Nasihat Kesihatan 148 akan beroperasi setiap Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula pada jam 7.45 pagi hingga 12.15 tengah hari dan diteruskan dari 1.30 petang hingga 4.30 petang. Pada Jumaat pula, Talian Nasihat Kesihatan bermula pada jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan perkhidmatan ini akan ditutup pada hari selepas awam dan setiap Ahad. Pengemaskinian waktu operasi bagi Talian Nasihat Kesihatan 148 ini akan dimulai pada 16 Julai 2020.

Kementerian Kesihatan ingin memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dihadapi daripada perubahan waktu operasi tersebut. Untuk maklumat lanjut, orang ramai juga boleh menghubungi Talian Darussalam 123 pada bila-bila masa.

| Perkhidmatan                                                            | Waktu Beroperasi                                                                                                                                                                              | Mulai         |
|-------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|
| Ujian Swab di Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha | Setiap Hari<br>7.00 pagi – 10.00 malam<br><i>*Tutup pada hari selepas awam</i>                                                                                                                | 16 Julai 2020 |
| BruHealth Helpline                                                      | Isnin – Khamis & Sabtu<br>7.45 pagi – 12.15 tengah hari<br>1.30 petang – 4.30 petang<br><br>Jumaat<br>8.00 pagi – 12 tengah hari<br><i>*Tutup pada setiap hari Ahad dan hari selepas awam</i> | 16 Julai 2020 |
| BruHealth Help desk                                                     | Rimba Point Shopping Complex Mall<br><br>Jumaat<br>9.00 pagi – 12 tengah hari<br>2.00 petang – 5.00 petang<br><br>Sabtu dan Ahad<br>9.00 pagi – 5.00 petang                                   | 17 Julai 2020 |
| BruHealth Help desk                                                     | Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah<br><br>Ahad<br>10.00 pagi – 5.00 petang                                                                                                         | 17 Julai 2020 |
| Talian Nasihat Kesihatan 148                                            | Isnin – Khamis & Sabtu<br>7.45 pagi – 12.15 tengah hari<br>1.30 petang – 4.30 petang<br><br>Jumaat<br>8.00 pagi – 12 tengah hari<br><i>*Tutup pada setiap hari Ahad dan hari selepas awam</i> | 16 Julai 2020 |

## Langgar Perintah Sijil, Label Halal : Pemilik restoran didenda

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 15 Julai. - Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syar'iah, dengan ini, memaklumkan orang ramai bahawa pemilik Restoran Ismahana yang diberikan Sijil Halal oleh Majlis Ugama Islam Brunei, beralamat di Unit 8, Block 'G', Sufri Complex disabitkan salah pada Khamis, 25 Jun 2020 oleh Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan atas kesalahan di bawah Bab 37 dari Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 kerana melanggar kehendak dan syarat yang dikenakan di bawah Perintah ini, iaitu membawa masuk makanan yang diragui kehalalannya ke dalam premis, seperti berikut, iaitu, tiga bungkusan sayap ayam jenama Rose seberat 2kg; dan Setengah bungkusan sayap ayam jenama Rose seberat 1kg.

Bungkusan-bungkusan sayap ayam tersebut didapati di dalam premis syarikat semasa Pegawai-pegawai Penguatkuasa Bahagian Kawalan Makanan Halal membuat pemantauan ke atas premis syarikat tersebut.

Pemilik Restoran Ismahana dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND2,000.

Sehubungan itu, adalah diingatkan kepada setiap syarikat yang diberikan Sijil Halal dan Permit Halal untuk sentiasa mematuhi kehendak dan syarat Sijil Halal juga Permit Halal, termasuk Piawaian Brunei Darussalam untuk Makanan Halal PBD24 : 2007 dan garis panduan yang ditetapkan.

Jabatan Hal Ehwal Syar'iah melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal akan sentiasa menjalankan Audit Pemantauan dari semasa ke semasa ke atas syarikat-syarikat yang diberikan Sijil Halal atau Permit Halal untuk memastikan kehendak dan syarat Sijil Halal juga Permit Halal sentiasa dipatuhi oleh pemegang Sijil Halal atau Permit Halal dan bagi menjaga pemakanan halal di negara ini.

# Doa Kesyukuran Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-74

## Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei



**YANG** Berhormat Menteri Pertahanan Kedua (tengah) semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Quran dan Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-74.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 17 Julai. - Majlis Khatam Al-Quran dan Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-74 diadakan oleh Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) hari ini yang berlangsung di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison.

Majlis tersebut dihadiri oleh Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof. Turut hadir ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud dan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah.

Juga hadir, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, Pemerintah Angkatan Bersama, Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah - pengarah, Komandan - komandan dan Pegawai - pegawai Kanan Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Menteri Pertahanan Kedua, diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran, Takhtim, Doa Khatam dan Doa Kesyukuran yang diketuai oleh Imam Surau Ad-Difa', Awang Shuib bin Abdullah.

Dalam masa yang sama, majlis yang diunkayahkan ini turut

diadakan bersesuaian dengan garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan

bagi sama-sama membendung penularan jangkitan wabak COVID-19.

## Kementerian Pembangunan

Berita dan Foto :  
Mohamad Azmi Awang Damit

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 16 Julai. - Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-74, Kementerian Pembangunan mengadakan Majlis Doa Kesyukuran yang berlangsung di Surau Kementerian berkenaan.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Pada majlis ini, Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-74 dibacakan oleh Penolong Pegawai Projek Tingkat I, Divisyen Penyelarasan Polisi dan Perancangan Strategik, Kementerian Pembangunan,

Awang Mohammad Khairul bin Jackariah.

Majlis turut diselenggarakan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dan diikuti dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang), Kementerian Pembangunan, Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd. Yaakub.

## Kementerian Kewangan dan Ekonomi



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (dua, kanan) semasa hadir pada Majlis Kesyukuran, Sembahyang Fardu Asar, Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-74.

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 16 Julai. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MoFE) serta jabatan-jabatan di dalamnya petang tadi mengadakan Majlis Kesyukuran, Sembahyang Fardu Asar, Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-74.

Majlis yang mengambil tempat di Surau, Tingkat 3, Island Block, MoFE itu dikelolakan oleh Bahagian Belanjawan dan Rancangan Kemajuan Negara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman, dan Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Atur cara majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Mohd. Amin bin Haji Salim, yang kemudian diikuti dengan bacaan Doa Kesyukuran

dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Majlis berkenaan diadakan sebagai melahirkan kesyukuran akan kepimpinan Kebawah DYMM dan seterusnya merafakkan doa ke hadrat Allah

Subhanahu Wata'ala, semoga baginda dilanjutkan usia, sihat walafiat dan kekal karar memerintah negara dengan berlandaskan iman dan panduan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.



**YANG** Berhormat Menteri Pembangunan (tengah) semasa hadir pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-74.

# Doa Kesyukuran Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-74

## Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (tengah) semasa hadir pada Majlis Doa Kesyukuran dan Khatam Al-Quran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-74.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 16 Julai. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Khatam Al-Quran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-74 berlangsung di Dewan Digadong bagi peserta lelaki dan Surau bagi peserta perempuan, di Bangunan KKBS. Majlis tersebut juga

dilaksanakan secara berasingan di pejabat masing-masing secara serentak melalui kaedah penggunaan pembesar suara (*speaker*) dalam bangunan, penstriman langsung (*live streaming*) melalui platform digital seperti Facebook,

Microsoft Team dan Zoom mengambil kira langkah berjaga-jaga dan pelaksanaan *de-escalation* COVID-19.

Majlis Khatam Al-Quran dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Majlis diteruskan dengan Dikir Marhaban oleh para pegawai dan kakitangan KKBS, seterusnya bacaan Doa Khatam dan Doa Perlindungan daripada wabak COVID-19 oleh Tenaga Pengajar Al-Quran, Jabatan Belia dan Sukan, Awang Haji Abd. Halim bin Mohd. Fuad. Seterusnya bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Pengajar Pusat Pembangunan Belia, Awang Muhammad Khaizuran Amali bin Awang

Haji Kamsani.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Setiausaha Tetap, KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kesukanan), KKBS, Kolonel (B) Pengiran Haji Maidin bin Pengiran Haji Said; Timbalan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Saidah binti Haji Wahid @ Burut; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah; serta Pengarah - pengarah, Pegawai - pegawai Kanan, Warga KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya, dan juga golongan belia-belie dari Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) dan Pusat Pembangunan Belia (PBB) di tempat-tempat yang telah ditetapkan.

## Allah kurniakan nikmat terindah buat NBD

Berita dan Foto : Ihsan Osman Abu Bakar

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 17 Julai. - 15 Julai adalah tarikh keramat bagi negara kita, Brunei Darussalam kerana setiap tahun, tarikh ini, kita sambutan dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan melalui beberapa acara keraian yang sangat bermakna.

Menurut Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned semua rakyat dan penduduk adalah mendukung dan menyambutnya dengan semangat yang tinggi.

Sememangnya amat wajar begitu kerana detik ini, tarikh 15 Julai adalah tarikh raja kita, pemimpin kita, kepala negara dan ketua kerajaan bagi Negara Brunei Darussalam diputuskan. Bagindalah tonggak dan pelakar sejarah moden bagi negara kita, Brunei Darussalam yang merdeka.

"Pada tahun ini, sambutan disesuaikan dengan keadaan, dengan mengambil kira langkah berhati-hati dari jangkitan wabak COVID-19. Namun walaupun, acara agak berbeza, tetapi semangat kita rakyat, tetap segar, tetap tidak pudar.

"Walaupun sebahagian acara tidak dapat diadakan, namun salah satu acara besar, iaitu sembahyang dan membaca doa kesyukuran, alhamdulillah masih saja dapat diteruskan. Ini bererti, sambutan tetap unggul, masih berhias dengan ibadat, *bersimbah* dengan cahaya zikir dan Al-Quran dan ditandai oleh doa : Munajat kepada Allah memohonkan keselamatan raja.

"Perlu disedari, bahawa hikmah kita berkumpul dalam acara seperti ini adalah ia dikategorikan sebagai majlis ilmu, di mana majlis ilmu itu, menurut hadis, dikongsi sama oleh para malaikat membawa kerahmatan dan keberkatan," jelas Yang Berhormat Mufti Kerajaan ketika menyampaikan Ceramah Khas sempena Dirgahayu Raja

Kita, yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei, pada 17 Julai 2020.

Yang Berhormat menegaskan, menyebut tentang kebajikan, berupa amal baik atau amal soleh seseorang tidaklah ia ditegah. Malah dalam keadaan-keadaan tertentu apabila amal soleh itu disebut, ia boleh mendatangkan syafaat atau pertolongan kepada orang yang empunya amal itu.

Berdalil kepada petunjuk hadis, katanya, kita adalah dibolehkan untuk *marista* atau menyebut-nyebut amal kebajikan yang pernah dilakukan dalam hidup. Jika amal itu dibuat dengan niat suci, semata-mata kerana mencari atau mengharapkan reda Allah, maka ia adalah mampu untuk jadi syafaat bagi menolong pelakunya keluar daripada musibah dunia dan akhirat.

Inilah makanya, tegas Yang Berhormat, bersempena dengan menyambut dan merayakan ulang tahun hari keputeraan raja kita, sangatlah sesuai, malah besar faedahnya *marista-rista* amal kebajikan baginda, kerana amal-amal kebajikan raja itu adalah berstatus pimpinan dan tauladan untuk dicontohi. Amal kebajikan juga adalah satu jenis nikmat yang sangat disukai oleh Allah, dan malah menyuruh supaya setiap nikmat itu disebut-sebut selalu.

Kebajikan yang paling utama ialah apa-apa sahaja yang baik dalam agama, dalam makna perkara itu adalah perkara agama.

Maka di sini, katanya, sebagai sifatnya nikmat, kebajikan raja patut kita sebut untuk jadi ikutan atau tauladan. Kebajikan baginda itu tentu saja banyak, tidak mungkin untuk disebut semuanya, melainkan setakat beberapa sahaja, sesuai dengan keadaan dan masa.

"Kebetulan masa ini, dunia masih sahaja sibuk menghadapi COVID-19, di mana Brunei juga turut terkesan sama. Jadi, saya terpanggil untuk melihat

komitmen raja kita dalam menangani musibah ini : Apa pendekatan baginda? Apa anjuran dan galakan baginda untuk kita dan Brunei lakukan.

"Sangatlah mustahak untuk *dirista*, malah untuk direkod apa-apa yang berkaitan dengan kerja-kerja kebajikan yang dilakukan atau dianjurkan atau digalakkan oleh raja yang impaknya atau kesannya mampu untuk menghalang atau menolak wabak yang menggerunkan ini.

"Kedengarannya, perkara ini seperti saja aneh, tetapi tidak! Ia adalah benar-benar perkara yang boleh berlaku, bahawa wabak itu boleh ditolak, sekurang-kurangnya disangga atau dihalang. Tetapi dengan apa ia dapat ditolak atau dihalang itu?

"Inilah yang akan kita lihat dari budi bicara kebajikan raja," jelas Yang Berhormat lagi.

Sehubungan itu, Yang Berhormat di dalam ceramahnya menyeru orang ramai untuk mengamati-titah - titah baginda mengenai jangkitan wabak COVID-19.

Sepertimana titah baginda pada 21 Mac 2020, "Dari perkembangan yang berlaku di seluruh dunia, semua orang boleh menjangkakan bahawa ini mungkin menjadi ancaman bagi jangka masa yang panjang. Kerana itu, Brunei mesti bersedia secara bersepadu untuk membentengi diri daripada wabak ini. Secara fizikal, kita didorong untuk mengutamakan kebersihan, menggunakan topeng muka dan *hand sanitizer*. Tetapi ini saja belum memadai, melainkan mesti juga komited dengan faktor psikologi, iaitu bersabar dan bertenang serta yakin kepada pertolongan Allah".

Yang Berhormat menekankan ungkapan 'pertolongan Allah' dan juga beberapa rangkap lain daripada perutusan yang sama, di mana baginda menekankan selaku bangsa yang berakidah, di samping meneruskan usaha-usaha bersifat jasmani (fizikal), kita juga dituntut untuk menggandakan usaha-usaha bersifat kerohanian (*spiritual*)

dengan membanyakkan doa dan zikir kepada Allah serta melakukan *amar makruf* dan *nahi munkar*.

Berikut, jelas Yang Berhormat, baginda meminta pihak berkenaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama supaya menyediakan teks doa dan zikir untuk kemudahan, dengan mengutamakan yang mudah-mudah, tetapi warid, untuk orang ramai mudah melakukannya.

"Mengapa mesti berdoa? Kerana kalau kita belajar dari Al-Quran, setiap bala atau musibah itu, termasuk wabak, adalah ia satu peringatan atau hukuman daripada Allah. Oleh itu, memang tepat apabila raja kita bertitah, cuma satu sahaja harapan yang tinggal, iaitu kita sama-sama datang kepada Allah dengan merendah diri, mengaku berdosa sambil memohon belas kasihan-Nya," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, menyebut mengenai doa : Ada doa biasa yang boleh dibaca pada bila-bila masa di luar sembahyang, dan ada juga doa khusus, yang dibaca dalam sembahyang, seperti Doa Qunut Sembahyang Subuh dan Doa Qunut Nazilah dalam Sembahyang Jumaat atau boleh juga dibuat dalam sembahyang-semahyang fardu lima waktu.

Tentang doa khusus ini pun, katanya, ia turut diambil berat oleh raja kita, melalui titah baginda bersempena menyambut kedatangan bulan Ramadan pada tahun ini, 1441 / 2020, "Menyebut tentang kelebihan doa, beta teringat kepada Doa Qunut Nazilah, yang dibaca pada hari Jumaat dalam sembahyang Jumaat. Hingga sekarang, sudah beberapa Jumaat kita tidak dapat menunaikan Fardu Jumaat, dalam makna, dengan sendirinya Qunut Nazilah tidak dapat dibaca.

"Pada hemat beta, Qunut Nazilah masih saja perlu diteruskan, terutama dalam situasi kita menghadapi wabak COVID-19. Qunut Nazilah tidak semestinya hanya dilakukan di masjid secara



**YANG Berhormat Mufti Kerajaan semasa menyampaikan Ceramah Khas sempena Dirgahayu Raja Kita, yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei.**

berjemaah pada hari Jumaat, malah ia juga boleh dibuat di rumah, sama ada secara berjemaah dengan keluarga atau bersendirian di dalam sembahyang-sembahyang fardu lima waktu".

Begitu pimpinan raja kita dalam perkara doa, tegas Yang Berhormat, dan ia membuktikan raja kita memang benar-benar mahu supaya doa dan Al-Quran dijadikan ubat penawar dan senjata bagi menolak musibah ini, sepertimana yang ditekankan dalam titah sempena Memperingati Nuzul Al-Quran 1441 / 2020.

Mengenai berubat atau cara bagaimana untuk meraih keselamatan dengan Al-Quran, raja kita, tegasnya, telah menyebut satu contoh, iaitu dengan melazimi membaca surah tertentu, seperti titah ini, "Beta ingin menganjurkan supaya kita sama-sama melazimkan diri membaca Surah Yaa Siin, selain surah-surah yang lain dalam Al-Quran, kerana Yaa Siin fadilatnya sangat banyak untuk keselamatan kita di dunia dan di akhirat. InsyaaAllah, dengan berkat Yaa Siin juga, COVID-19 akan berundur meninggalkan kita dan negara".



**SETIAUSAHA Tetap (Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi semasa merasmikan Go Digital ASEAN.**

**Berita dan Foto :  
Marlinawaty Hussin**

**BERAKAS**, Khamis, 16 Julai. - Darussalam Enterprise (DARE) sebagai wakil agensi fokal Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Jawatankuasa Penyelidikan ASEAN bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (ACCMSME) menjadi tuan rumah bagi pelancaran program Go Digital ASEAN.

Go Digital ASEAN merupakan inisiatif serantau anjuran ACCMSME dan The Asia Foundation, serta disokong oleh Google.org dengan kerjasama dua rakan pelaksana tempatan, iaitu Big Begawan Project dan Persatuan Usahawan Muda Brunei (YEAB).

Pelancaran berkenaan dirasmikan oleh Setiausaha Tetap (Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Pengiran Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani di Auditorium,

Bangunan D&T, Kampung Anggerek Desa.

Turut hadir pada pelancaran berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Pelancaran tersebut disertai secara digital oleh wakil-wakil dari The Asia Foundation, Google.org dan Sekretariat ASEAN.

Menurut Dayang Norlela binti Suhailee, Ketua Business Advisory and Services DARE selaku Ketua ACCMSME Brunei Darussalam, kerjasama tersebut menunjukkan pentingnya sinergi dan perkongsian dengan badan-badan bukan kerajaan dalam mendukung pelaksanaan Agenda Tindakan ACCMSME mengenai Digitalisasi Usaha Mikro Kecil dan Sederhana (MSME) ASEAN melalui Inisiatif Pembangunan Kapasiti, yang juga menyumbang kepada tujuan ACCMSME bagi 'MSME yang kompetitif dan inovatif secara global' di bawah Pelan Tindakan Strategik untuk Pembangunan SME 2016-2025 (SAPSMED 2025).

Berikutan cabaran ekonomi yang ditimbulkan oleh wabak COVID-19 dan kesannya terhadap operasi perniagaan jelas Dayang Norlela, TAF dan Google.org mengkaji dan membuat perubahan terhadap pelaksanaan inisiatif Go Digital ASEAN bagi memfokuskan usaha dalam membantu MSME dan orang-orang yang terlibat bagi

menggunakan digitalisasi untuk menghadapi krisis ini dan mengekalkan perniagaan yang berdaya tahan.

Sementara itu, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif DARE, Javed Ahmad berkata, program Go Digital ASEAN menghubungkan jurang digital melalui latihan literasi digital yang disesuaikan dan direka untuk melengkapkan MSME serta belia yang tidak bekerja, terutama di kawasan terpencil.

"Inisiatif ini adalah hasil kerjasama dengan The Asia Foundation dan sokongan geran USD3.3 juta oleh Google.org," ujar Javed Ahmad.

Menurut beliau lagi, DARE telah mengumumkan pelaksanaan edisi dalam talian Industry Business Academy (IBA) dengan kerjasama coursera bagi memberi peluang kepada MSME untuk mempelajari kemahiran perniagaan secara jarak jauh.

"Dengan inisiatif seperti Go Digital ASEAN dan IBA Online, ini bertepatan dengan pelancaran Majlis Ekonomi Digital pada 4 Jun 2020 lalu mengenai Pelan Induk Ekonomi Digital lima tahun 2025 selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bagi NBD menjadi Negara Pintar," jelas Javed



**TURUT hadir pada pelancaran tersebut, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (depan, tengah).**

Ahmad.

Go Digital ASEAN direka untuk melengkapkan 200,000 orang serta perusahaan mikro dan kecil di seluruh negara anggota ASEAN dengan kemahiran serta alat digital yang penting.

Program ini bertujuan untuk menangani peningkatan kadar pengangguran di negara ini dan memperluaskan peluang ekonomi di seluruh ASEAN untuk mengurangkan kesan negatif COVID-19 dengan membantu perusahaan mengetahui tentang program atau bantuan yang dapat menolong mereka untuk terus beroperasi semasa pandemik ini.

Rakan-rakan pelaksana tempatan akan menggunakan

sebahagian daripada dana untuk mengembangkan modul latihan literasi digital bagi 4,000 usahawan mikro dan belia yang tidak bekerja, termasuk daripada etnik minoriti dan mereka yang kurang upaya.

Di negara ini, inisiatif tersebut akan memberikan latihan kemahiran kepada para belia dan pemilik perniagaan untuk membuka pasaran bagi produk mereka, membuat kempen pasaran digital sendiri dan menyediakan alat untuk mengawasi dan menyesuaikan diri dengan kempen-kempen pasaran.

Sementara itu, latihan berkenaan akan diadakan di keempat-empat daerah.

#### Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 16 Julai. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menyertai sesi Voluntary National Review semasa United Nations High-Level Political Forum on Sustainable Development secara dalam talian (*online*) pada Rabu, 15 Julai 2020.

High-Level Political Forum on Sustainable Development yang diadakan setiap tahun, merupakan platform utama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mengkaji semula pelaksanaan negara-negara Ahli

PBB bagi 2030 Agenda for Sustainable Development dan Sustainable Development Goals (SDGs).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menyampaikan kenyataan bagi NBD, antara lainnya menekankan komitmen dan menggariskan pencapaian-pencapaian negara setakat ini dalam mencapai SDGs.

Persediaan bagi Voluntary National Review tersebut telah diterajui oleh Jawatankuasa Khas Persediaan Voluntary National Review bagi Negara Brunei Darussalam, yang dipengerusikan bersama oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia

Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Erywan bin Pehin Dato Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Penyediaan Laporan Voluntary National Review NBD menggunakan pendekatan secara

menyeluruh (Whole of Nation), di mana ia juga turut melibatkan sektor swasta dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs).

Laporan Voluntary National Review bagi NBD bolehlah dimuat turun melalui laman sesawang di <https://sustainabledevelopment.un.org/memberstates/brunei>.

## HASRAT NEGARA

# Teknologi digital berpotensi tinggi mendorong kemajuan ekonomi negara

**Dari muka 2**

Sebagai satu cara untuk memenuhi keperluan dan keselamatan ialah dengan membina Jambatan Penghubung Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong. Sekarang jambatan ini telah pun digunakan sebagai kemudahan yang dinanti-nanti. Ia tidak syak lagi merupakan 'lambang kemodenan' terunggul bagi Negara Brunei Darussalam. Menyebut mengenai 'lambang kemodenan' ini, mengingatkan beta kepada siapa yang telah kita nobatkan sebagai

'Arkitek Brunei Moden'. Lalu dengan ingatan ini telah memberi inspirasi kepada beta untuk menamakan jambatan ini dengan nama : 'Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin'. Semoga dengan menyebut nama ini akan membawa rahmat kepada baginda.

Bersukut dengan Hari Keputeraan beta ini, Sistem Kebajikan Negara (SKN) akan mula dapat digunakan oleh mereka yang berhajat untuk mendapatkan bantuan kebajikan, sama ada melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan atau dari Majlis Ugama Islam Brunei. Dengan terlaksananya sistem ini, maklumat tentang rakyat dan penduduk yang

benar-benar memerlukan bantuan akan dapat disimpan, sehingga tidak ada lagi mereka yang tercicir, serta sekali gus mengelakkan dari ketirisan bantuan yang dihulurkan. Sistem ini juga akan dijadikan asas untuk membuat perancangan, berupa latihan, bagi kebaikan mereka.

Di peringkat serantau dan antarabangsa, Negara Brunei Darussalam akan mengekalkan hubungan rapat dengan negara-negara sahabat melalui ruang dan peluang memanfaatkan hubungan dua hala dan juga pelbagai hala, khasnya dalam aspek diplomasi dan ekonomi. Kestabilan di rantau ASEAN, Asia-Pasifik, bahkan di peringkat

global adalah tujuan yang utama.

Akhirnya, beta dengan tulus ikhlas merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh lapisan rakyat dan penduduk, warga Perkhidmatan Awam, Pasukan-Pasukan Keselamatan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta, termasuk mereka yang bertugas di luar negara di atas sumbangan dan sokongan mereka kepada kerajaan beta. Semoga Allah jua yang akan memberkati kita dan negara. Amin.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# 455 jalani pengasingan diri mandatori

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 15 Julai. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai Status Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), setakat jam 12.00 tengah hari, alhamdulillah tiada kes baharu jangkitan COVID-19 dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di NBD masih kekal 141 orang.

Melalui Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan, dimaklumkan bahawa seramai 455 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, manakala seramai 3,184 orang menamatkan pengasingan diri

mandatori sejak bulan Mac 2020 lalu.

Seterusnya, Kementerian Kesihatan turut memaklumkan bahawa sebanyak 313 sampel Ujian Virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dalam tempoh 24 jam lalu, di mana membawa jumlah ujian makmal secara keseluruhan yang dijalankan sejak Januari 2020 adalah sebanyak 34,797 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi [healthinfo.gov.bn](http://healthinfo.gov.bn).

## Ringkasan Kes

| Kes Baru Hari Ini | Jumlah Keseluruhan Kes |          |        |
|-------------------|------------------------|----------|--------|
| 0                 | 141                    |          |        |
|                   | Kes Aktif              | Kematian | Sembuh |
|                   | 0                      | 3        | 138    |

## Ringkasan Pengasingan Diri

| Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori | Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020) |
|---------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------|
| 455                                                     | 3,184                                                                    |

## Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

| Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam | Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020) |
|----------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------|
| 313 sampel                                         | 34,797 ujian                                                    |

# 21 das tembakan meriam sempena Hari Keputeraan raja dikasihi



TEMBAKAN meriam sebanyak 21 das dilepaskan bagi menandakan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan raja yang dikasihi, berlangsung berdekatan Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara (atas, kiri), sementara gambar atas, pelepasan tembakan meriam disempurnakan oleh seramai 18 anggota Polis Tentera, ABDB, diketuai oleh 886 Kapten Haji Alihassan bin Haji Japar.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 15 Julai. - Tanggal 15 Julai merupakan hari bersejarah bagi rakyat dan penduduk di negara ini sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Seperti lazimnya, tembakan meriam sebanyak 21 das dilepaskan bagi menandakan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan raja yang dikasihi, berlangsung berdekatan Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara.

Pelepasan tembakan meriam disempurnakan oleh seramai 18 anggota Polis Tentera, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), diketuai oleh 886 Kapten Haji Alihassan bin Haji Japar.

Hadir menyaksikan upacara

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

tersebut, Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Salmin bin Haji Burut; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), KHEDN, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan juga Pegawai-pegawai Kanan dari Jabatan Adat Istiadat Negara, Kementerian Pertahanan dan KHEDN.

Bersempera Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-74, semalam semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara mengadakan Majlis Kesyukuran, Sembahyang Fardu Maghrib, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Doa Kesyukuran untuk sama-sama merafakkan doa kepada Allah agar Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

dilanjutkan usia, dikurniakan kesihatan yang baik dan memerintah negara dalam aman juga sejahtera di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Bagi memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda pada tahun ini, gerai-gerai perayaan juga akan diadakan di keempat-empat daerah bagi kunjungan orang ramai.

Namun perlu diingat dalam kita meraikan sambutan yang penuh bermakna ini adalah disarankan kepada semua rakyat dan masyarakat untuk sentiasa melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dengan mematuhi garis panduan Kementerian Kesihatan bagi sama-sama membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini.

## PANDUAN UNTUK MAKANAN DIPAMERKAN SECARA TERBUKA

Seperti 'Salad bars', bahan segar & produk roti




**Sentiasa membersihkan & menyah-kuman** semua permukaan & peralatan.



**Menyediakan sanitiser tangan** untuk pelanggan yang keluar & masuk dari premis makanan.



Produk-produk yang dipamerkan secara layan-sendiri & terbuka hendaklah disimpan didalam pembungkus plastik, clingwrap atau kertas.



Penyepit makanan yang bersih mestilah digunakan oleh pelanggan yang ingin mengambil makanan dari kabinet pameran plexiglass.

Talian Nasihat Kesihatan 148 | [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn)

# Kaji Selidik BSI : Mengukur tahap keyakinan perniagaan

Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 17 Julai. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) akan menjalankan Kaji Selidik ke atas Perniagaan-perniagaan yang terpilih untuk meninjau Indeks Sentimen Perniagaan (Business Sentiment Index - BSI) mulai Sabtu, 1 Ogos 2020.

Perniagaan-perniagaan yang terpilih akan dihubungi oleh kakitangan AMBD untuk menetapkan tarikh bagi temu bual tersebut.

Untuk memastikan kesihatan dan keselamatan mereka yang terlibat dalam temu bual tersebut, langkah berjaga-jaga terhadap wabak COVID-19 akan diambil berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.

Temu bual akan dijalankan oleh kakitangan AMBD yang akan memperkenalkan diri sebelum sesi temu bual dimulakan.

Kaji selidik ini dijangka akan dilaksanakan secara berterusan pada setiap bulan.

BSI yang akan diterbitkan secara bulanan ini, bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan-perniagaan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Lebih 600 perniagaan daripada pelbagai sektor di NBD dipilih untuk mengambil bahagian dalam kaji selidik ini.

Soalan-soalan yang akan diajukan adalah berkaitan dengan keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, jumlah pekerja juga kos untuk menjalankan perniagaan.

Tiada maklumat peribadi akan ditanya, selain daripada nama dan maklumat untuk menghubungi responden dan sebarang maklumat yang dikongsi adalah sulit.

Memantau tahap keyakinan perniagaan adalah penting,

mengambil kira ia adalah salah satu petunjuk utama bagi iklim perniagaan dan tahap keadaan ekonomi bagi sesebuah negara secara amnya.

Keyakinan para peniaga merupakan satu elemen penting bagi jangkaan pertumbuhan perniagaan dan pelaburan, di samping peningkatan peluang pekerjaan.

BSI akan memberikan maklumat tambahan yang bermanfaat mengenai keadaan ekonomi NBD dari perspektif para peniaga di negara ini.

Maklumat yang dikumpul secara berterusan ini juga akan dapat membantu para penggubal dasar untuk menghasilkan dasar-dasar yang tertentu ke arah pembangunan ekonomi.

Bagi maklumat lanjut mengenai BSI dan soalan-soalan yang akan diajukan kepada para perniagaan, sila layari Laman Sesawang AMBD di [www.ambd.gov.bn](http://www.ambd.gov.bn).

Para responden yang ingin mengesahkan penemu bual boleh menghubungi AMBD menerusi talian +673 2388388.

# Jab Gym, Community for Brunei bekerjasama kumpul dana buat Pusat Ehsan



JAB Juice Bar menyediakan pelbagai jenis jus, dari jus segar hingga ke smoothie pek protein untuk pemulihan otot.

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 17 Julai. - Jab Gym dan Community for Brunei kini bekerjasama untuk mengumpulkan dana bagi Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam melalui kempen Corporate Social Responsibility (CSR).

Kedua-dua pihak tersebut akan bekerjasama untuk

mengumpulkan dana bagi Pusat Ehsan melalui penjualan jus premium yang dibuat oleh Jab Juice Bar dan Premium Granola Energy Bar, yang dibuat oleh Kelas Vokasional Pusat Ehsan 2020.

Orang ramai berpeluang untuk membeli produk-produk tersebut dari Laman Sesawang Community for Brunei dengan menggunakan pembayaran menerusi Mastercard,

Kad Debit atau Kad Kredit dan boleh berkunjung terus ke Jab Gym.

Kempen Jab Juice akan berlangsung mulai 17 Julai hingga 28 Ogos 2020.

Jab Juice Bar menyediakan pelbagai jenis jus, dari jus segar hingga ke smoothie pek protein untuk pemulihan otot.

Mereka secara khusus menyesuaikan menu mereka untuk mendapatkan keseimbangan daripada segi rasa dan pemakanan yang tepat.

Para pelanggan juga dapat membuat pilihan minuman mengikut cita rasa masing-masing setelah bersenam.

Jab Gym berminat untuk menjadi pusat kesihatan mesra alam dan mengelakkan daripada menggunakan plastik sekali pakai.

Sehubungan itu, Jab Gym akan menggunakan botol kaca untuk penjualan jus bagi kempen ini, di mana ia boleh dibawa kembali ke gim untuk dikitar semula.

100 peratus hasil daripada kempen tersebut akan disumbangkan ke Pusat Ehsan untuk membantu mereka meneruskan program mereka, iaitu memberikan latihan, bantuan dan rawatan kepada individu yang berkeperluan khas hingga mereka mencapai potensi sepenuhnya dalam masyarakat.

Inisiatif tersebut dihasrat akan dapat memberi kesan kepada komuniti berkeperluan khas di Negara Brunei Darussalam, terutama sepanjang usaha menentang wabak COVID-19.

Di samping itu, ia diharap akan dapat memberi sokongan dan keterlibatan yang lebih besar kepada semua anggota masyarakat yang memerlukan bantuan.

SIAPAKAH YANG PERLU MENGGUNAKAN PENUTUP MULUT DAN HIDUNG?

Penutup mulut dan hidung secara amnya tidak perlu digunakan bagi orang yang sihat.

Gunakan penutup mulut dan hidung JIKA anda

demam, batuk, selsema

Cara penggunaan penutup mulut dan hidung yang betul.

Tutup keseluruhan mulut, hidung dan dagu dengan lapisan bewarna menghadap keluar.

Pastikan ianya tertutup rapi dengan membentuk kepingan logam mengikut bentuk hidung.

Tanggalkan dengan hanya memegang tali penyangkut telinga selepas selesai memakainya.

Untuk lebih berkesan, kerap menukar penutup mulut dan hidung anda, atau jika ianya kotor atau basah.

Cuci tangan dengan air dan sabun selepas membuang penutup mulut dan hidung dengan betul.

Imbas di sini untuk keterangan lanjut

[www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) | [f](#) [i](#) [t](#) 123



PREMIUM Granola Energy Bar yang dibuat oleh Kelas Vokasional Pusat Ehsan 2020 (atas dan atas kiri).

Semua orang berperanan dalam mempengaruhi perubahan sosial dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) mendorong masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup sihat bersama Juice Bar, sekali gus menyokong golongan berkeperluan khas.

Community for Brunei merupakan Inisiatif CSR (yang dikendalikan dengan kerjasama The Collective Art Events, Alicia Newn dan Think Axis), di bawah BIBD yang menekankan nilai-nilai sosial dan kebajikan.

Ia mengetengahkan pasaran maya, yang direka untuk membantu perniagaan kecil dan sederhana.

Platform tersebut memanfaatkan teknologi untuk menyatukan masyarakat, menyediakan ekosistem dalam talian dengan gerbang pembayaran digital bersepadu sebagai sebahagian daripada usaha BIBD untuk mendorong masyarakat digital ke arah ekonomi tanpa tunai.

Jab Gym merupakan pusat kecergasan tinju pertama di negara ini yang menggabungkan senaman, gaya hidup dan kemewahan.

Antara kemudahan kecergasan terkini, mereka menawarkan latihan tinju tahap tinggi, peralatan gim terkini dan kelas senaman yang pelbagai, terdiri daripada yoga dan tinju hinggalah TRX juga latihan *high intensity circuit*.

Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam adalah salah satu NGO yang terdapat di negara ini, di mana lebih daripada 260 individu berkeperluan khas berada di bawah tanggungjawab pusat tersebut.

Visi mereka adalah untuk membolehkan komuniti berkeperluan khas menjalani kehidupan yang bermakna dalam masyarakat dan Program Pusat Ehsan turut menyokong individu berkeperluan khas dalam pendidikan, latihan juga pemulihan fizikal.



**M**ARILAH kita bertakwa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya iaitu mentaati Allah dan Rasul-Nya. Berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan mengikuti sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang berjaya, selamat dan bahagia di dunia dan juga di akhirat.

Sekarang kita sudah pun berada di penghujung bulan Zulkaedah, ini bererti tidak lama lagi kita akan melangkah ke bulan Zulhijah. Dalam bulan Zulhijah yang bakal menjelang ini, pada kelaziman seluruh umat Islam akan meraikan Hari Raya Aidiladha dan melaksanakan ibadah korban.

Ketahuilah, ibadah korban itu adalah amalan yang disukai Allah Subhanahu

# Ibadah korban membentuk sifat mahmudah

Wata'ala. Daripada Aisyah Radiallahuanha, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

مَا عَمِلَ آدَمِيُّ مِنْ عَمَلٍ يَوْمَ النَّحْرِ أَحَبَّ إِلَى اللَّهِ مِنْ إِهْرَاقِ الدَّمِ.

**Maksudnya :** "Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak Adam pada Hari Raya Korban yang lebih disukai Allah melainkan menumpahkan darah (menyembelih binatang korban)". (Hadis diriwayatkan oleh Imam Termizi)

Hukum berkorban itu adalah sunat muakkadah iaitu sunat yang sangat dituntut bagi orang Islam yang baligh, berakal, merdeka dan berkemampuan untuk melaksanakannya. Adapun maksud berkemampuan di sini ialah orang yang mampu untuk berkorban setelah ada lebihan dari keperluannya pada Hari Raya Adha dan hari-hari tasyrik. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Barang siapa yang mempunyai kelapangan (mampu) untuk berkorban tetapi dia tidak berkorban, maka janganlah dia datang mendekati tempat kami bersembahyang ini". (Hadis diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah)

Selain itu, waktu bagi menyembelih binatang korban itu ialah selepas naik matahari pada Hari Raya Adha, iaitu setelah selesai Sembahyang Sunat Hari Raya Adha pada 10 Zulhijah sehingga terbenam matahari akhir hari tasyrik iaitu hari Ke-13 Zulhijah. Oleh yang demikian,

jika ibadah korban itu dilakukan sebelum waktu tersebut, maka tidaklah ia dikira sebagai ibadah korban. Daripada Al-Bara bin Azib Radiallahuanu : Telah bersabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam :

مَنْ نَحَرَ قَبْلَ الصَّلَاةِ فَإِنَّمَا هُوَ حَتَمٌ قَدَّمَهُ لِأَهْلِهِ لَيْسَ مِنَ التَّسْلُكِ فِي شَيْءٍ.

**Maksudnya :** "Siapa yang menyembelih sebelum sembahyang, maka yang demikian itu hanyalah daging biasa yang dibahagi-bahagikan kepada keluarga, bukanlah yang demikian itu termasuk dalam ibadah korban". (Hadis diriwayatkan oleh Imam Bukhari)

Ibadah korban yang dilaksanakan itu, selain ia sebagai satu ibadah yang menghasilkan ganjaran pahala, ia juga adalah medan tarbiah bagi membentuk sifat mahmudah atau terpuji dan nilai-nilai Islam yang luhur dalam diri seseorang. Antara sikap dan sifat mahmudah yang dapat dibentuk melalui ibadah korban itu ialah :

**Pertama :** Mendidik jiwa ke arah takwa dan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

**Kedua :** Mengikis sifat tamak dan mewujudkan sifat murah hati kerana membelanjakan harta ke jalan Allah Subhanahu Wata'ala.

**Ketiga :** Menanam sifat ikhlas dalam melaksanakan apa juga ibadah yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

**Keempat :** Menyemai sikap sentiasa

bersyukur terhadap segala nikmat dan rezeki yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

**Kelima :** Menjalin dan memupuk sikap mahabbah dan pemedulian terhadap masyarakat. Ini jelas melalui pengagihan daging-daging korban tersebut yang menunjukkan sikap pemedulian kita kepada yang berhak menerimanya, khususnya kepada para fakir miskin dan golongan yang memerlukan.

Akhirnya, marilah kita sama-sama meningkatkan lagi ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan melakukan amal kebajikan seperti melaksanakan ibadah korban bagi golongan yang berkemampuan. Mudah-mudahan dengan ibadah korban yang kita lakukan itu, rezeki kita akan semakin bertambah berkat dan dijauhi dari segala musibah dan malapetaka. Semoga segala amal kebajikan yang kita lakukan atas dasar keikhlasan dan ketakwaan itu diterima Allah Subhanahu Wata'ala dan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda. *Amin Yaa Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya :** "Daging dan darah binatang korban itu sekali-kali tidak akan sampai kepada Allah tetapi yang sampai kepada-Nya ialah ketakwaan kamu. Demikianlah dia memudahkannya untuk kamu supaya kamu membesarkan Allah atas hidayat-Nya kepada kamu. Dan sampaikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang berbuat kebaikan". (Surah Al-Hajj, ayat 37).

## Pengisian minggu orientasi UTB dalam norma baharu

Siaran Akhbar dan Foto :  
Universiti Teknologi Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 17 Julai. - Berdasarkan norma baharu yang diadaptasikan ketika ini, Universiti Teknologi Brunei (UTB) mengalu-alukan pelajar prasiswazah serta pascasiswazah baharu dengan orientasi dalam talian, iaitu dari proses pendaftaran hingga aktiviti-aktiviti minggu orientasi.

Lebih daripada 400 pelajar baharu mendaftar untuk mengikuti Kursus Program Sarjana Muda dan Sarjana di universiti berkenaan. Pada tahun ini, orientasi dianjurkan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar UTB (MPPUTB) dan dibuat melalui platform dalam talian di mana pelajar baharu dikehendaki untuk mendaftar dalam mengikuti aktiviti yang telah ditetapkan di mana penyertaan pelajar adalah diwajibkan.

Dalam mengalu-alukan pelajar baharu, video prarakaman dan sumber lain seperti ucapan Naib Canselor, mesej dari Penolong Naib Canselor dan lawatan-lawatan kampus melalui dalam talian telah dimuat naik untuk pelajar-pelajar baharu.

Dalam ucapan Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman berkongsi dengan para pendaftar baharu mengenai visi universiti iaitu 'To become A Global University Impacting Society' di mana beliau juga menekankan mengenai kepentingan menyumbang kepada komuniti dan bagaimana UTB sentiasa responsif terhadap keperluan masyarakat.

"Sebagai seorang pelajar UTB, pelajar akan mempunyai banyak peluang untuk berbakti kepada masyarakat melalui projek-projek akademik anda serta melalui aktiviti ko-kurikulum," katanya.

Dengan memanfaatkan peluang yang ada khususnya memberi kesan kepada negara, Naib Canselor UTB juga menggesa para pelajar untuk mengikuti perkembangan peristiwa di dunia yang sentiasa berubah dan berdaya saing, khususnya di peringkat global. Kesalinghubungan dunia disebabkan teknologi dan internet malah ia memerlukan pengetahuan serta kemahiran tertentu yang perlu dimiliki oleh pelajar khususnya pada Abad Ke-21 ini.

"Selidiki dunia, nilai perspektif awda, sampaikan idea dan ambil tindakan. Keluar dari zon selesa, rentas sempadan namun ia tidak bermaksud awda melanggar peraturan tetapi melangkaui zon selesa awda," tambahnya.

Pelajar juga digalakkan untuk mengambil kesempatan belajar dan memperoleh pengetahuan baharu, mengembangkan kemahiran insaniah, menjadi kreatif, inovatif, dapat menyesuaikan diri dan mempunyai keberanian intelektual dalam diri mereka serta meningkatkan sifat peribadi mereka dengan cara yang mendalam khususnya dalam melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu selepas pengajian dan persediaan kerja. Di universiti, para pelajar dapat memperoleh pengalaman global dari ExperiencePLUS dan kelab global seperti TedX.


Selain menjadikan pelajaran

sebagai keutamaan, Naib Canselor UTB juga mendorong para pelajar untuk melihat perkara-perkara di luar akademik untuk masa yang tidak dapat dilupakan semasa berada di UTB. "Salah satu cara untuk membina lingkaran sosial awda adalah dengan menyertai banyak kelab dan aktiviti di kampus yang menarik".

Di samping itu, terdapat pelbagai acara sepanjang tahun akan dibuat di mana menjadikan pengalaman belajar di kampus menjadi seronok seperti penyertaan dalam peringkat kelab, universiti dan juga peringkat kebangsaan. Beliau turut menekankan akan kepentingan menghadiri semua aktiviti yang dianjurkan oleh pihak universiti sekali gus mempamerkan komitmen mereka terhadap UTB.

"Melalui acara-acara ini, di sinilah anda dapat menjalankan keseimbangan hidup-belajar-sosial untuk pengalaman hidup universiti yang memuaskan," kata Naib Canselor UTB. Naib Canselor UTB turut meneruskan ucapan mengenai menyesuaikan hidup dengan norma yang baharu.

"Saya meminta semua pelajar untuk mengikuti semua panduan dan prosedur yang disediakan oleh pasukan Business Continuity Plan (BCP), dalam memastikan aspek keselamatan di seluruh komuniti UTB terjamin. Pastikan semasa memasuki dan keluar dari premis universiti, untuk melakukan pemeriksaan suhu badan dan mengimbas Kod QR dengan aplikasi BruHealth. Semasa berada di kampus, jaga jarak fizikal sekurang-kurangnya satu meter antara satu sama lain, amalkan



VIDEO prarakaman ucapan Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei dimuat naik bagi mengalu-alukan pelajar baharu.

etika batuk dan bersin yang betul dan pastikan kebersihan diri dan tangan setiap masa".

Naib Canselor UTB kemudiannya mengakhiri ucapan dengan mengucapkan terima kasih kepada Dekan dan Kakitangan Pejabat Hal Ehwal Pelajar; Presiden dan Anggota MPPUTB dan Pengarah ICTC atas kerja keras mereka untuk memastikan kejayaan minggu orientasi dijalankan secara dalam talian.

Aktiviti orientasi menarik yang lain juga merangkumi siri ceramah yang terdiri daripada motivasi, kaunseling, keagamaan, keusahawanan, bimbingan kerjaya, Melayu Islam Beraja (MIB).

Taklimat melalui siri video dan pembentangan dari fakulti, sekolah dan jabatan; dan kuiz mengenai orientasi juga disediakan serta dapat diakses secara dalam talian untuk memberi lebih banyak maklumat dan pengenalan universiti kepada pelajar baharu.

Dekan Hal Ehwal Pelajar, Dayangku Ida Nurul-Fitri binti Pengiran Haji Kahar mengingatkan semua pelajar

baharu untuk mencuba orientasi dalam talian sebaik sahaja mendapat akses dan jangan meninggalkannya lebih dekat dengan tarikh akhir siap iaitu pada 25 Julai. Ini untuk memastikan sistem berjalan lancar untuk semua pelajar baharu. Menjalankan orientasi dalam keadaan normal baharu menjadikan pengalaman nilai tambah bagi penganjur orientasi berkenaan.

"Memulakan orientasi dalam dekad baharu, walaupun dalam talian, kami berusaha untuk mengekalkan gabungan ceramah dalaman dan luaran yang baik serta aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan latihan ringan. Ini adalah amalan yang baik untuk pelajar baharu kami untuk mengikuti arahan secara bebas sebagai sebahagian daripada memasuki kehidupan Universiti," tambah Dayangku Ida Nurul-Fitri.

Orientasi tersebut juga merangkumi UTB 3km Virtual Walk and Run dan Program Sukarelawan sebagai sebahagian daripada program orientasi yang bermula dari 6 hingga 25 Julai 2020.



**PEMANGKU** Pengarah Politeknik Brunei, Awang Alias bin Haji Abu Bakar (kiri) semasa menerima sumbangan buku daripada Pengasas dan Pengurus Editor Qasrun Nafis Publishing House, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos (kanan).

# 50 buah buku disumbangkan kepada Politeknik Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 17 Julai. - Politeknik Brunei baru-baru ini telah menerima sumbangan buku dari Pengasas dan Pengurus Editor Qasrun Nafis Publishing House, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato

Siaran Akhbar dan Foto : Politeknik Brunei

Paduka Haji Mohd. Yunos yang diadakan di One Stop Centre, Politeknik Brunei, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan.

Sumbangan buku tersebut diterima oleh Pemangku Pengarah Politeknik Brunei, Awang Alias bin Haji Abu Bakar. Acara tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Politeknik Brunei.

Juga hadir semasa penyerahan sumbangan tersebut ialah Pemangku Ketua Jabatan Pembelajaran dan Perpustakaan, Awang Abdul Muiz bin Ahmad Hussin bersama Ketua-ketua Jabatan, Ketua Sekolah, Pegawai dan Pensyarah Politeknik Brunei. Bagi pihak Qasrun Nafis

Publishing House dihadiri oleh Pegawai Eksekutif, Noor Ismah Azeedah.

Sebanyak 50 buah buku berjudul 'Brunei The Origins' dan 'Sultan Hassanah Bolkiah : Fulfilling Maqasid Al-Shariah' disumbangkan ke Politeknik Brunei untuk modul yang berkaitan dengan Melayu Islam Beraja. Acara tersebut diselenggarakan dengan penyampaian tanda penghargaan oleh Pemangku Pengarah Politeknik Brunei kepada Pengasas dan Pengurus Editor Qasrun Nafis Publishing House, Awang Haji Mohd. Rozan.

Sumbangan buku tersebut diharap akan dapat memperbanyakkan lagi bahan bacaan dan sumber penyelidikan di Jabatan Pembelajaran dan Perpustakaan Politeknik Brunei di mana jabatan tersebut terus berusaha untuk mengembangkan sumbernya dalam menyokong pembelajaran sepanjang hayat.



**SESI** bergambar ramai pada majlis tersebut.



Oleh : Sastra Sarini Haji Julaini

**P**ELBAGAI usaha dan inisiatif dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah memastikan rakyat dan penduduk di negara ini hidup dalam keadaan yang stabil, harmoni, menikmati kehidupan yang terjamin dan selamat.

Antara beberapa usaha yang dimaksudkan seperti yang digariskan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan baginda yang Ke-74 baru-baru ini ialah memastikan kesihatan COVID-19 tidak memberi impak negatif kepada daya tahan negara dalam usaha mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi menarik pelabur langsung asing, dan sekali gus mengukuhkan status fiskal negara. Seperti yang sedia maklum, wabak COVID-19 yang melanda seluruh dunia pada masa ini memberi kesan yang sangat buruk bukan sahaja mengubah kehidupan normal malahan juga kepada kelangsungan ekonomi.

Dalam hal ekonomi juga, alhamdulillah, satu lagi pencapaian besar ialah dengan pengeksporan minyak yang dihasilkan melalui loji penapisan minyak dan petrokimia di Pulau Muara Besar. Ini diharap bukan sahaja memberi sumbangan kepada peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) malahan juga meningkatkan peluang pekerjaan dalam kalangan anak-anak tempatan.

Sementara itu, insyaaAllah pada suku

## SKN pastikan tidak ada tercicir

kedua tahun hadapan, loji amonia dan urea bertaraf antarabangsa dijangka akan beroperasi di mana loji ini yang bertempat di Sungai Liang Industrial Park akan dikendalikan oleh Brunei Fertilizer Industries Sendirian Berhad. Dalam hal ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia memperkenalkan penubuhan Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam sebagai badan teknikal kepada Kementerian Tenaga untuk memantau operasi minyak dan gas termasuk mengawal selia sektor hulu dan hiliran.

Mengenai peluang pekerjaan dalam kalangan anak-anak tempatan pula, alhamdulillah, kadar pengangguran pada tahun lepas menurun. Melalui Labour Force Survey 2018, kadar pengangguran diketahui 8.7 peratus, manakala pada tahun 2019 kadar tersebut ialah 6.8 peratus.

Selaras dengan dunia sekarang yang lebih menjurus kepada digital, di mana platform talian termasuk penggunaan Artificial Intelligence dan aplikasi Big Data Analytic banyak membantu meningkatkan inovasi dan produktiviti seperti aplikasi BruHealth, ia juga, seperti titah baginda, berpotensi tinggi untuk mendorong kemajuan ekonomi negara. Justeru pada hemaat baginda, adalah tepat pada masanya bagi negara mempunyai pelan induk ekonomi digitalnya sendiri.

"Apatah lagi sejak akhir-akhir ini kita memang memerlukan perkhidmatan digital, yang merangkumi pembelajaran, perniagaan dan urus tadbir yang mampu menjadikan Bandar Seri Begawan sebagai Smart City, di mana untuk itu, beta telah memperkenalkan Pelan Induk Digital 2025 di bawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi," titah baginda.

Mengenai bidang sumber-sumber utama pula, Kerajaan Kebawah DYMM melalui agensi berkenaan, akan terus berusaha untuk memastikan bekalan makanan dalam negara ada mencukupi dan terjamin.

Baginda melahirkan harapan agar pengusaha, petani, peladang dan nelayan akan mengambil peluang meningkatkan produktiviti masing-masing sebagai langkah mencukupkan keperluan dan keselamatan makanan.

Berkata mengenai keselamatan, salah satu cara untuk memenuhi keperluan dan keselamatan, titah baginda ialah dengan membina Jambatan Penghubung Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong. Jambatan yang telah digunakan ini sebagai kemudahan yang dinanti-nanti tidak syak lagi merupakan 'lambang kemodenan' yang terunggul bagi negara ini.

"Menyebut mengenai 'lambang kemodenan' ini, mengingatkan beta kepada siapa yang telah kita nobatkan sebagai 'Arkitek Brunei Modern'. Lalu dengan ingatan ini telah memberi inspirasi kepada beta untuk menamakan jambatan ini dengan nama : 'Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin'. Semoga dengan menyebut nama ini akan membawa rahmat kepada baginda," titah baginda.

Mengenai kebajikan rakyat juga, Sistem Kebajikan Negara (SKN) akan mula dapat digunakan oleh mereka yang berhajat untuk mendapatkan bantuan kebajikan mulai 15 Julai 2020. Bantuan kebajikan adalah sama ada melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan atau dari Majlis Ugama Islam Brunei. Dengan terlaksananya sistem ini, maklumat tentang rakyat dan penduduk yang benar-benar memerlukan bantuan akan dapat disimpan, sehingga tidak ada lagi mereka yang tercicir, serta sekali gus mengelakkan dari ketirisan bantuan yang dihulurkan. Sistem ini juga akan dijadikan asas untuk membuat perancangan, berupa latihan, bagi kebaikan mereka.

Alhamdulillah, pada tahun ini, atas limpah rahmat dan izin Allah Subhanahu Wata'ala kita sama-sama menyambut Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Ke-74 dalam suasana aman dan selamat.

Walaupun sambutan pada tahun ini berbeza dari tahun-tahun sebelumnya disebabkan oleh pandemik Koronavirus, kita bersyukur kerana dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, negara dapat mengawal penularan wabak tersebut. Dengan terkawal wabak ini juga, kita masih perlu berwaspada dan mengambil langkah berjaga-jaga agar wabak ini akan terus terkawal.

Dalam kesan wabak ini yang juga memberi kesan kepada sektor ekonomi, kita seharusnya bersyukur kerana dengan pimpinan Kebawah DYMM yang bijaksana dan sentiasa prihatin akan kemaslahatan rakyat dan penduduk di negara ini, kerajaan baginda sentiasa berusaha agar kesan wabak ini tidak memberi impak negatif terutama dalam melahirkan suasana kondusif bagi menarik pelabur langsung asing dan seterusnya mengukuhkan status fiskal negara.

Pelbagai inisiatif dihulurkan oleh kerajaan baginda agar mereka yang terjejas boleh menjalankan kehidupan seharian dalam keadaan terjamin dan selamat. Di luar aspek COVID-19 pula, kerajaan sentiasa dan tidak kendur-kendur memberikan sokongan dan bantuan agar tiada sesiapa pun tercicir sama ada dari pelajaran, kesihatan dan banyak lagi.

Maka sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, kita semestinya perlu bersyukur kerana dikurniakan seorang raja dan pemimpin yang adil, berfikir jauh, sentiasa prihatin dan dekat kepada rakyatnya.

Marilah kita sama-sama berdoa agar baginda serta kerabat diraja sekalian dilanjutkan usia, sihat walafiat serta kekal karar memerintah di atas takhta singgahsana dengan inayah, serta dalam perlindungan, petunjuk, taufik dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala. *Aminn... amin... Ya Rabba Alamin.*

# Beri kefahaman jelas mengenai Caj Perkhidmatan

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 16 Julai. - Semua warganegara termasuk penduduk Brunei Darussalam yang hendak keluar dari atau masuk ke Negara Brunei Darussalam melalui pos-pos kawalan darat sama ada menggunakan kenderaan ataupun berjalan kaki (*pedestrian*) dikenakan pembayaran Caj Perkhidmatan (CaP) sebanyak BND3.00 setiap seorang bagi setiap satu hala perjalanan bermula 1 Ogos 2020.

Contoh, jika seseorang ingin keluar negara melalui Pos Kawalan Kuala Lurah akan dikenakan caj sebanyak BND3.00 dan jika ia masuk semula dari Kuala Lurah dikenakan lagi caj sebanyak BND3.00 yang menjadikan jumlah cajnya sebanyak BND6.00 atau contoh, sekiranya dalam sebuah kereta ada lima orang membawa jumlah caj sebanyak BND15.00 untuk keluar dan masuk semula dikenakan lagi caj BND15.00 di mana menjadikan jumlahnya BND30.00.

Dalam temu bual bersama Pelita Brunei, Pemangku Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Awang Haji Mushin bin Haji Ahmad seterusnya berkata bahawa selepas Kuala Lurah, contohnya seseorang tersebut ingin ke Temburong melalui jalan darat ujung jalan, ia akan dikenakan lagi caj bayaran sebanyak BND3.00.

"Setiap kali kita melintasi pos-pos kawalan Brunei akan dikenakan caj sebanyak BND3.00 setiap seorang bagi setiap satu hala perjalanan," ujarnya semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei pada sesi Jerayawara Pelaksanaan Perintah Bayaran Keluar dan Bayaran Masuk, 2020 (Exit and Entry Charges Order, 2020) yang berlangsung di Dewan Teater, Kementerian Kewangan dan

Ekonomi, di sini.

Menurutnya lagi, pembayaran-pembayaran caj yang dikenakan tersebut adalah tidak sama seperti pembayaran caj Tol Jambatan Rasau, Kuala Belait. Jika caj Tol Jambatan Rasau, Kuala Belait dikenakan caj setiap kenderaan sahaja dan tidak mengira jumlah keramaian namun pembayaran CaP ini dikenakan caj terhadap setiap seorang.

Beliau juga mengongsikan objektif Pelaksanaan Perintah Bayaran Keluar dan Bayaran Masuk, 2020 (Exit and Entry Charges Order, 2020) ialah untuk menyelaraskan pengenaan caj ke atas orang-orang yang keluar dari atau masuk ke Negara Brunei Darussalam melalui udara dan laut yang telah pun dilaksanakan pada



**SETIAUSAHA Tetap (Prestasi dan Korporat), Kementerian Kewangan dan Ekonomi (dua, kanan) semasa berucap pada Jerayawara Pelaksanaan Perintah Bayaran Keluar dan Bayaran Masuk, 2020.**

masa ini.

Pada jerayawara tersebut, taklimat mengenai CaP serta tatacara pendaftaran dan pembayaran disampaikan oleh Setiausaha Tetap (Prestasi dan

Korporat), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dayang Suraya binti Haji Jaidin.

Jerayawara disampaikan bertujuan bagi memberikan pemahaman yang lebih jelas

mengenai CaP, khususnya kepada semua penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung yang berperanan penting sebagai ejen perantara pihak kerajaan dengan rakyat dan penduduk negara.



**ANTARA yang hadir pada jerayawara berkenaan ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (tiga, kiri dan tiga, kanan).**

## Pendidikan *anti-doping* terhadap atlet, komuniti sukan diperluas

Oleh : Hajah Siti Zuriah Haji Awang Sulaiman

Foto : Ihsan Jawatankuasa Anti-Doping Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 16 Julai. - Jawatankuasa Anti-Doping Brunei Darussalam baru-baru ini mengadakan sesi

taklimat bagi persatuan-persatuan sukan kebangsaan yang disejajarkan dengan penyerahan buku maklumat *anti-doping*.

Negara Brunei Darussalam telah menandatangani International Convention Against Doping in Sports di bawah United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) dan diratifikasikan pada 31 Mac 2008.

Sehubungan itu, antara lima

perkara yang terkandung di dalam dokumen tersebut ialah bagi setiap negara (State Parties) untuk menyokong pendidikan *anti-doping* kepada atlet dan komuniti sukan secara meluas (*support the provision of anti-doping education to athletes and the wider sporting community*).

Dalam hal ini, sebagai tambahan kepada program pendidikan *anti-doping* yang telah dilaksanakan, pihak BDADC ingin menyelaraskan lagi program ini kepada persatuan-persatuan

sukan kebangsaan dengan menyampaikan maklumat mengenai *anti-doping* kepada persatuan-persatuan sukan.

Sesi taklimat yang telah diadakan pada 27 Jun dan 4 Julai yang lalu itu disampaikan oleh Setiausaha Jawatankuasa Anti-Doping Brunei Darussalam, Awang Sukardi bin Kaderi berlangsung di Pejabat BDADC, Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN), Jalan Anggerek Desa.

Sementara itu, penyerahan buku maklumat *anti-doping* kepada wakil-wakil persatuan sukan kebangsaan disampaikan oleh Pengarah BKBN, Kolonel (B) Pengiran Haji Zulkifli bin Pengiran Haji Ismail selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Anti-Doping Brunei Darussalam.

Sehingga kini, sejumlah 32 buah persatuan sukan kebangsaan telah menyertai sesi taklimat dan menerima buku *anti-doping* berkenaan dan sesi seterusnya akan diselenggarakan lagi bagi persatuan-persatuan yang lain.

**JAWATANKUASA Anti-Doping Brunei Darussalam** baru-baru ini mengadakan sesi taklimat bagi persatuan-persatuan sukan kebangsaan yang disejajarkan dengan penyerahan buku maklumat *anti-doping*.



# Allah kurniakan nikmat terindah buat NBD

Dari muka 6

Tidak diragukan lagi, tegas Yang Berhormat, doa dan Al-Quran, nisbah kepada apa saja jenis keburukan, kejahatan dan penyakit, di mana kedua-duanya itu ubat dan senjata. Khusus bagi wabak Koronavirus, doa dan Al-Quran adalah 'Vaksin Ketuhanan' yang mampu mengubat dan menolaknya tanpa dapat disangkal-sangkal lagi, berdasarkan Al-Quran dan Al-Hadis sendiri.

Beralih kepada amal kebajikan baginda dalam perkara sedekah, Yang Berhormat menyebut bahawa manfaat sedekah itu adalah sama saja, boleh jadi Vaksin Ketuhanan paling kuat untuk menolak musibah, dan hadis telah memberi gambaran jelas betapa kuat dan gagahnya sedekah itu. Kerana itulah, ia jadi ubat dan malah wajar diberi status vaksin yang mampu melawan wabak, di samping menjanjikan 'pahala' yang amat-amat tersendiri.

Menyebut kebajikan raja dalam perkara sedekah, katanya, mula-mula kita pulangkan dulu segala pujian kepada Allah semata-mata yang telah mentakdirkan Raja Brunei Darussalam menjadi raja yang ringan tangan, dalam makna ringan di sini ialah murah menghulurkan sedekah dan derma.

Allah Subhanahu Wata'ala, jelasnya adalah lebih mengetahui akan satu contoh bukti kepemurahan raja, iaitu tertubuhnya Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Menurut Yang Berhormat, YSHHB dititahkan penubuhannya bersempena dengan detik menyambut Jubli Perak baginda Menaiki Takhta pada

9 Rabiulakhir 1413 Hijrah bersamaan 5 Oktober 1992 Masihi.

"Kalau dikira dari tarikh ini, usia Yayasan telah pun melimpasi suku abad. Bayangkan, berapa banyak sudah sumbangan yang disumbangkannya sehingga kini. Di antara tujuan penubuhan Yayasan ini lagi ialah merangkumi aspek-aspek keagamaan, kebajikan, pendidikan dan pembangunan selaku amal jariah raja dan ahli kerabat baginda.

"Amal jariah itu, antara lain, menghulurkan bantuan kewangan atau biasiswa, termasuk bantuan kepada seseorang atau pertubuhan atau badan bukan kerajaan yang menjalankan usaha-usaha dakwah yang diiktiraf oleh kerajaan, tidak ketinggalan juga bantuan kepada golongan miskin, orang-orang cacat, saudara-saudara baharu dan pelbagai lagi jika dibutirkan.

"Yayasan ini terus berkembang, menandakan ia adalah diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Selain sedekah atau sumbangan melalui Yayasan, raja kita juga mempunyai skim lain, berupa kurnia peribadi baginda kepada golongan tertentu yang disampaikan menjelang Hari Raya Idulfitri.

"Kurnia ini meliputi untuk semua daerah. Kita dapatlah membayangkan, betapa gembira dan bersyukur mereka yang menerima kurnia tersebut. Tidak diragukan lagi, kegembiraan dan kesyukuran itu boleh jadi doa untuk baginda kerana Allah sedia tahu akan isi hati para penerima dan isi hati itulah doa.

"Pada tahun 2018, misalnya, jumlah penerima di seluruh negara ialah 19,576 orang. Pada

tahun 2019, penerima berjumlah 19,913 orang dan pada tahun 2020, jumlah itu meningkat seramai 21,454 orang," jelas Yang Berhormat lagi.

Dalam keseluruhan jumlah pada setiap tahun ini, tegas Yang Berhormat, Allah tetap melihat kepada hati para penerima itu melonjak kegembiraan dan penuh bersyukur. Jadi, tidakkah kerana adanya amal kebajikan yang menggembirakan ini, Allah akan membalas dengan rahmat-Nya siapa yang menjadi punca berlakunya kegembiraan itu, iaitu raja kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Peluang kita sangatlah terhad untuk *marista* semua nikmat Allah yang dikurniakan kepada raja kita. Hanya kita secara umum dan ringkas akan menyebutnya begini : adalah satu nikmat, Allah mengurniakan kepada Brunei, raja yang adil; adalah satu nikmat, Allah mengurniakan kepada Brunei, raja yang prihatin; adalah satu nikmat, Allah mengurniakan kepada Brunei, raja yang bijaksana; adalah satu nikmat, Allah mengurniakan kepada Brunei, raja yang pemurah; adalah satu nikmat, Allah mengurniakan kepada Brunei, raja yang pengasih; adalah satu nikmat, Allah mengurniakan kepada Brunei, raja yang berani, berani menegakkan hukum Allah; adalah satu nikmat, Allah mengurniakan kepada Brunei, raja yang penyabar yang tidak gentar dengan celaan-celaan demi kebenaran. Semua nikmat-nikmat ini, selaku ia nikmat, Allah suruh untuk kita menyebutnya. Tidak salah jika ia disebut," tegas Yang Berhormat lagi.

# Lima dekad pencapaian terkini Ideal Group Holdings Sdn. Bhd.

Siaran Akhbar : Ideal Group Holdings Sdn. Bhd.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 16 Julai. - Ideal Group Holdings Sdn. Bhd. melangkah satu kejayaan setelah lima dekad mempunyai visi yang kuat dengan menambahbaikkan logo baharu dan pelancaran digital di bawah enam buah anak syarikat mereka, iaitu Ideal Multifeed Farm (Brunei) Sdn. Bhd.; Ideal Hatchery (B) Sdn. Bhd.; Ideal Marketing (B) Sdn. Bhd.; Ideal Feed Mills Sdn. Bhd.; Ideal Pharma and Constructions Sdn. Bhd.; dan Ideal Food Industries Sdn. Bhd.

Pembaharuan tersebut juga merangkumi pembungkusan pek produk yang dibekalkan di seluruh negara, mulai 16 Julai 2020. Pembaharuan itu menandakan kejayaan syarikat berkenaan sebagai sebuah jenama pertama di Negara Brunei Darussalam yang berkembang maju, khususnya dalam industri ternakan tempatan setelah 51 tahun.

Tambahan lagi, Ideal Multifeed Farm (Brunei) Sdn. Bhd. merupakan dasar kejayaan yang saling berhubungan dengan anak-anak syarikat yang lain sehingga mampu memanifestasikan dan membuahkan perkhidmatan yang bernilai dalam masa lima dekad, di mana mempengaruhi 25 tahun bagi Ideal Hatchery (B) Sdn. Bhd.; dan Ideal Marketing (B) Sdn. Bhd. sehingga sekarang.

Justeru, 16 Julai adalah tarikh memperingati Ideal Multifeed Farm (Brunei) Sdn. Bhd. pertama kali ditubuhkan pada 16 Julai 1969, di mana ia ketika itu hanya merupakan sebuah ladang penetasan kecil.

Pelancaran digital ini dilancarkan melalui laman sesawang syarikat berkenaan yang baharu dan dirancang untuk penggunaan langsung dan pihak-pihak berkepentingan. Laman sesawang ini juga menawarkan pelbagai maklumat, terutamanya di bawah syarikat Ideal Marketing (B) Sdn. Bhd.

Kedai pedaging syarikat Ideal Sdn. Bhd juga boleh diakses oleh pengguna mengikut katalog produk pilihan ternakan segar. Dengan itu, perkhidmatan penghantaran juga tersedia untuk pelanggan yang berada di rumah atau premis-premis perniagaan.

Pratonton mengenai logo baharu turut ditayangkan melalui penggunaan platform media sosial, seperti Instagram di bawah *@idealbrunei* dan Facebook *idealbrunei*.

Laman Sesawang Ideal Brunei kini tersedia untuk diakses melalui alamat ini, iaitu *www.idealbrunei.com* untuk orang ramai melihat semua ciri dan maklumat yang disediakan di bawah enam buah anak syarikat berkenaan.

The Ideal Café and Grill turut tersedia melalui laman sesawang tersebut, di mana juga memaparkan pelbagai pilihan menu dan perkhidmatan yang diharap ia boleh dijadikan sebagai platform berkesan untuk para pengguna membuat pilihan. Lembaga Pengarah-pengarah Syarikat turut melahirkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan juga mana-mana kementerian dan jabatan yang berkaitan, pihak yang berkepentingan, pelanggan, pembekal dan kakitangan yang menyumbang ke arah pertumbuhan dan pencapaian yang diraih pada hari ini.

Sebarang pertanyaan lanjut, bolehlah menghubungi Ideal Group Holdings Sdn. Bhd. menerusi talian +673 2680186 / 7. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan syarikat di media sosial Facebook *Ideal Brunei* dan di Instagram *@Idealbrunei* untuk pengemaskinian yang terkini.

# Maklumat tular diperjelas

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei


**TUTONG**, Jumaat, 17 Julai. - (PPDB) ingin mengesahkan Pasukan Polis Diraja Brunei bahawa Balai Polis Tutong PPDB

## MAKLUMAT PALSU

Forwarded

Hati-hati...waspada

Orang tahanan LOKAP balai Polis Tutong LARI  
POLIS SEDANG Mencari...



menerima satu laporan berkenaan seorang lelaki, warganegara Indonesia, yang sedang dalam pencarian oleh sebuah agensi penguat kuasa undang-undang di negara ini.

Di samping itu, PPDB menerima maklumat tular di media sosial menyatakan bahawa 'Orang tahanan lokap Balai Polis Tutong lari'.

Berikutan maklumat ini, PPDB dengan tegas menafikan dan tidak pernah mengeluarkan sebarang kenyataan seperti ini.

Walau bagaimanapun, pihak Polis sedang berusaha untuk membantu bagi pencarian individu tersebut dan memohon orang ramai jika ada menemui sebarang individu yang mencurigakan agar segera menghubungi Talian Kecemasan PPDB, 993 atau memaklumkan ke Balai-balai Polis berdekatan.

# DARI MAHKAMAH

## Serangan seksual, kes diperdengarkan 23 Julai

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 16 Julai. - Seorang lelaki penduduk tempatan, Haji Jamaluddin bin Haji Md. Yassin, berumur 52 tahun dibicarakan atas dakwaan melakukan serangan seksual terhadap seorang kanak-kanak lelaki.

Defendan telah direman selama seminggu bagi memberi ruang kepada pihak mahkamah untuk melakukan penyiasatan lanjut. Majistret Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid memutuskan untuk memperdengarkan lagi perbicaraan pada 23 Julai 2020 pada jam 2.30 petang.

Tertuduh didakwa melakukan serangan seksual terhadap mangsa yang berusia 16 tahun, pada Januari 2020 di sebuah kereta pacuan empat roda yang bermaksud untuk menjatuhkan maruah dengan melakukan perbuatan yang tidak senonoh terhadap mangsa.

Pendakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nor Hafizah binti Ahmad.

# Penarikan balik produk makanan dicemari bahan terkawal

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 16 Julai. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa satu produk makanan didapati mengandungi bahan racun berjadual terkawal, iaitu Sibutramine yang boleh membahayakan kesihatan. Dapatan ini adalah hasil dari ujian makmal yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan ke atas beberapa contoh produk makanan yang terdapat di pasaran tempatan. Penggunaan bahan-bahan berkenaan dalam makanan adalah ditegah di bawah Peraturan-Peraturan Kesihatan

Awam (Makanan), (P1 Penggal 182).

Produk berkenaan ialah 'Extra Lookslim, Lemon Tea Flavoured, 15 paket x 15g', dari kilang atau pengedar AS Legacy Sdn. Bhd., No. 6 & 8, Jalan Pekaka 8/1D PJU 5, Prestij Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia, yang dicemari dengan Sibutramine.

Sibutramine ialah sejenis bahan yang direka sebagai agen pelangsing badan. Walau bagaimanapun, penggunaannya dalam rawatan obesiti adalah ditegah kerana kesannya yang boleh memudaratkan jantung dan hati. Pengambilan Sibutramine

juga boleh menyebabkan kesan sampingan yang serius seperti tekanan darah tinggi, denyutan jantung yang tidak menentu dan sukar untuk tidur, dan dalam kes-kes yang paling teruk, ia boleh menyebabkan kerosakan pada buah pinggang dan hati.

Sehubungan ini, Kementerian Kesihatan menghendaki supaya :

- Para pengguna yang memiliki produk tersebut (jika ada) untuk menghentikan pengambilannya dengan serta-merta dan hendaklah menyerahkannya ke Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar atau Pejabat-pejabat Kesihatan di daerah-daerah untuk

dimusnahkan; dan

- Para pengimport dan peniaga adalah dikehendaki untuk menarik balik produk tersebut daripada pasaran dan menyerahkannya ke Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar atau Pejabat-pejabat Kesihatan di daerah-daerah juga untuk dimusnahkan.

Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan bahawa sepertimana yang diperuntukkan di bawah Bab 9 cerai (1) sub-perenggan (a) Akta Kesihatan Awam (Makanan) (Penggal 182) bahawa sesiapa yang menyediakan, menjual atau mengimport makanan yang boleh

memudaratkan kesihatan boleh dipenjara selama lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Orang ramai juga diingatkan bahawa adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 17 Akta Racun 1956 (Penggal 114) untuk menjual mana-mana produk yang mengandungi bahan yang dikawal di bawah Akta berkenaan. Sesiapa yang melanggar peruntukan ini boleh dikenakan denda sebanyak BND8,000 atau penjara enam bulan, jika didapati bersalah. Selain itu, sesiapa yang melakukan sesuatu atas kecuaiannya sendiri yang membahayakan atau mungkin membahayakan nyawa manusia, boleh didenda sebanyak BND16,000 dan 12 bulan penjara, jika didapati bersalah.

Untuk maklumat lanjut mengenai pengimportan produk makanan boleh diperoleh dari Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan, juga boleh menghubungi melalui talian +673 2237417 dan Faksimile +673 2237467.

Manakala untuk maklumat lanjut mengenai bahan racun yang dikawal di bawah Akta Racun boleh diperoleh dari Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Tingkat 1 Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi Kampung Madaras, Negara Brunei Darussalam, juga boleh menghubungi talian +673 2393298 sambungan 208, Faksimile +673 2393291 dan e-mel ke [pharmacy.enforcement@moh.gov.bn](mailto:pharmacy.enforcement@moh.gov.bn).



## Penutupan sementara jalan raya bagi kerja pembaikan

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 16 Julai. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai terutama kepada pengguna jalan raya mengenai penutupan sementara jalan raya di selekoh berdekatan dengan Simpang 133 bermula Khamis, 16 Julai 2020 pada jam 8.30 pagi. Manakala penutupan kedua di Simpang Sungai Dua akan bermula 6 Ogos 2020 pada jam 8.30 pagi.

Penutupan sementara ini yang mengambil masa kira-kira selama enam minggu bermula 16 Julai 2020 hingga 27 Ogos 2020 ini adalah untuk memberi laluan bagi pelaksanaan kerja-kerja

pembaikan jalan raya di selekoh tersebut.

Sehubungan itu, pihak JKR juga ingin mengingatkan kepada para pengguna jalan raya supaya akan dapat berhati-hati, mengurangkan had laju dan sentiasa mematuhi papan-papan tanda keselamatan lalu lintas yang dipasang di kawasan berkenaan demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Bagi sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak JKR melalui Talian Darussalam : 123 atau Facebook : Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam dan e-mel JKR : [pro@pwd.gov.bn](mailto:pro@pwd.gov.bn).

## Pengguna Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, berwaspada cuaca tidak menentu

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 16 Julai. - Berikutan kejadian pokok kayu tumbang di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin menasihati para pengguna jambatan untuk mengambil langkah-langkah berwaspada dan lebih berhati-hati semasa menggunakan jambatan berkenaan, terutama sekali dalam keadaan hujan lebat dan angin kencang.

Untuk maklumat juga, pokok kayu tumbang berkenaan kini sedang dibersihkan oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku. Dalam hal ini, pihak JBP akan melaksanakan kerja-kerja pemotongan kayu di sepanjang

jambatan berkenaan (kawasan Labu Estate) dalam masa terdekat. Para pengguna jalan raya juga adalah dinasihatkan untuk mematuhi had laju maksima ketika waktu hujan, iaitu 70km/j.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mematuhi tanda-tanda lalu lintas yang disediakan serta memandu dengan perlahan ketika mendekati kawasan berkenaan bagi menjaga keselamatan dan kesejahteraan semua pihak.

Sebarang pertanyaan dan aduan, orang ramai bolehlah menghubungi JKR melalui Talian Darussalam : 123 atau Livechat +673 8333123, Facebook : JKR, Brunei Darussalam atau e-mel : [pro@pwd.gov.bn](mailto:pro@pwd.gov.bn).

| No. | Nama Produk                                         | Pengilang/ Pengedar                                                                                                 | Dicemari dengan |
|-----|-----------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------|
| I.  | Extra Lookslim, Lemon Tea Flavoured, 15 paket x 15g | AS Legacy Sdn Bhd, No. 6&8 Jalan Pekaka 8/1D PJU 5, Prestij Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia | Sibutramine     |



# MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Sentiasa Berwaspada Di Jalan Raya'. Tarikh Tutup : 22 Julai 2020
2. 'Lindungi Diri Dari Penipuan Kewangan'. Tarikh Tutup : 29 Julai 2020
3. 'Memelihara Hubungan Baik Dengan Jiran Tetangga'. Tarikh Tutup : 5 Ogos 2020

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**  
 Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
 Lapangan Terbang Lama, Berakas  
 Bandar Seri Begawan, BB3510  
 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Menangi**  
**BND75**  
 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# Projek FEED bantu tingkat taraf hidup masyarakat



PESERTA Projek FEED, Dayang Mirnawatul Syahiidah binti Abdullah yang kini mempunyai gerai jualan di Pekan Tutong (kiri) dan Awang Mohd. Afandi bin Johari (kanan) mengendalikan perkhidmatan memotong rumput dengan kadar yang berpatutan.



menempah perkhidmatan mereka bolehlah menghubungi +673 8909625 di mana FEED akan menghubungkan pelanggan kepada peserta yang tersedia.

Bagi jangka waktu yang panjang, FEED ingin membantu memperkasa masyarakat di peringkat akar umbi khususnya di kampung-kampung untuk membantu keluarga di kampung itu sendiri.

Kampung Bukit Panggal merupakan sebuah kampung yang bekerjasama dengan FEED di mana mesin rumput disediakan untuk dikelolakan oleh ketua kampung dan Ahli Majlis Perundingan Kampung dengan menawarkan kepada penduduk yang ingin mendapatkan penghasilan menggunakan mesin tersebut.

Strategi ini diharapkan membantu mengurangkan angka kemiskinan pada peringkat akar umbi. Dalam masa yang sama, mengurangkan lagi kebergantungan kepada pihak kerajaan dalam memberikan bantuan sekali gus menggerakkan masyarakat supaya aktif dalam membantu keluarga yang kurang berkemampuan, secara langsung atau tidak.

Projek FEED diasaskan bersama oleh tiga belia, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahhuddin; Dayang Nazmah binti Samad dan Dayang Nur Diyana binti Sulaiman, manakala Ketua Pegawai Operasi, Dayang Najibah binti Ridhwan mengetuai pentadbiran FEED yang di mana ibu pejabatnya di bangunan Gadong Properties Centre, Gadong.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 16 Julai. - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Al-Quran Surah Ar Rad, ayat 11, bermaksud "Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan apa yang ada pada suatu kaum sehinggalah mereka mengubah keadaan apa yang ada pada diri mereka sendiri".

Ayat tersebut jelas menghendaki seseorang yang ingin berubah kepada lebih baik untuk berusaha sedaya upaya memperbaiki keadaan dirinya dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Di Negara Brunei Darussalam, golongan yang kurang berkemampuan diberi perhatian yang sewajarnya dengan pemberian bantuan bukan sahaja dari segi kewangan, malahan dari segi peralatan perusahaan, bimbingan dan juga khidmat nasihat untuk membantu mereka keluar daripada kemiskinan hingga mampu untuk berdikari.

Penubuhan sebuah perusahaan sosial, Projek FEED Management Services atau Family Empowerment and Economic Development Initiative (FEED) sejak 2017 memfokuskan kepada

membantu golongan penerima bantuan dalam segi pemerkasaan ekonomi mereka dengan menggunakan kemahiran yang dapat menjana hasil pencarian.

FEED menawarkan modul-modul latihan dan bantuan pemantauan perniagaan kepada golongan fakir miskin dan yang tersenarai dalam menerima bantuan sehingga peserta mampu untuk menjana pendapatan tanpa bantuan agensi-agensi.

Sejak penubuhannya FEED telah membantu enam keluarga, di mana tiga daripadanya tidak lagi terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan.

Dayang Mirnawatul Syahiidah binti Abdullah menerima bantuan kewangan dan bimbingan

(mentorship) daripada Syarikat Nurture Enterprise tentang bagaimana cara dan kaedah penanaman yang baik. Kini, beliau sudah mempunyai gerai jualan di Pekan Tutong.

Awang Mohd. Afandi bin Johari pula mengendalikan perkhidmatan memotong rumput manakala isterinya Norsurayana binti Kadir mengendalikan perkhidmatan membersihkan rumah. Berkat kegigihan mereka sekarang sudah dapat menampung perbelanjaan sekeluarga.

Peserta FEED juga ada dilatih untuk mengubah bunga dan sekarang bergiat aktif dalam gubahan bunga hantaran dan yang menjual makanan secara dalam talian. Untuk menggunakan atau

## SKN bagi permohonan BKB kini diaktifkan



DAYANG Hajah Noor Shah binti Haji Abd. Wahab dari Kampung Kupang, semasa meluahkan pendapat mengenai Sistem Kebajikan Negara (SKN).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 15 Julai. - Sistem Kebajikan Negara (SKN) secara dalam talian (*online*) kini boleh digunakan bermula hari ini untuk membuat permohonan Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) bagi Rakyat dan Pendudukan Negara Brunei Darussalam.

Sistem berkenaan digunakan untuk membuat permohonan BKB yang dikendalikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) serta Agihan Wang Zakat Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) bagi Asnaf Fakir dan Miskin.

Dengan memudahkan tatacara untuk permohonan melalui SKN, sistem ini dihasrat untuk meningkatkan lagi kerjasama dan perkongsian maklumat di antara

agensi-agensi yang terlibat melalui sebuah pusat pengkalan data (*centralized database*) bagi memastikan tidak ada berlakunya ketirisan dan keciciran dalam kalangan rakyat dan penduduk yang layak dibantu.

Sehubungan itu, Pelita Brunei berkesempatan membuat pendekatan bersama dengan beberapa orang awam yang rata-rata menyambut baik atas pelancaran skim berkenaan.

Menurut Dayang Hajah Noor Shah binti Haji Abd. Wahab dari Kampung Kupang berpendapat, dengan adanya sistem tersebut, ia lebih memudahkan para penerima berurusan memandangkan dalam keadaan kita sekarang yang masih dalam langkah berjaga-jaga daripada wabak COVID-19.

"Selain itu, kelebihan melalui pelancaran SKN ini juga ialah *paperless*, di samping urusan yang mudah kerana para penerima hanya perlu membuat permohonan melalui komputer ataupun telefon pintar untuk mengemas kini maklumat masing-masing," ujar Dayang Hajah Noor Shah.

Bagi Awang Zainol bin Sulaiman dari Kampung Kapok pula, ia merupakan satu langkah permulaan yang tepat, khususnya dalam memberi bantuan kepada rakyat di negara ini yang memerlukan.

"Namun kita perlu tahu untuk memilih penerima SKN tersebut dalam mengalirkan bantuan agar

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

bantuan sampai kepada penerima yang benar-benar berhak menerimanya," jelas Awang Zainol.

Melalui SKN ini juga katanya, akan dapat juga menolong dari segi kehidupan harian penerima kerana amalan seumpama ini sudah ada pada zaman sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam, iaitu Sayidina Umar Al-Khattab untuk mengagihkan harta kepada orang yang kurang berkemampuan dan dalam kesusahan.

Beliau berharap, dengan adanya SKN ini, ia akan lebih membantu mengalirkan bantuan menjadi lebih berkesan dalam usaha untuk mengeluarkan penerima bantuan

dari jurang kemiskinan.

Dalam pada itu, SKN ini akan dapat di akses melalui laman sesawang [www.skn.gov.bn](http://www.skn.gov.bn), di mana permohonan secara *online* hanya dibukakan kepada rakyat dan penduduk di negara ini yang berhasrat untuk memohon BKB sahaja, yang dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), KKBS dan MUIB.

Manakala bantuan-bantuan lain bolehlah dihadapkan seperti biasa secara manual kepada pihak JAPEM dan MUIB, dan insyaaAllah permohonan bantuan-bantuan lain berkenaan akan dapat dihadapkan secara *online* sebaik sahaja SKN dinaiktaraf secara berperingkat-peringkat.



# Pengunjung Gerai Perayaan tetap menjalankan tanggungjawab tangani COVID-19



AWANG Junaidi bin Haji Mohd. Salleh yang ditemani oleh isteri dan anak-anaknya dari Kampung Sungai Akar.

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 16 Julai. - Tanggal 15 Julai merupakan hari yang dinanti-nantikan dan tidak dilupakan oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk di negara ini.

Bulan yang bersejarah ini adalah bagi meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-74.

Kegembiraan dan kemeriahan jelas terpancar diraut wajah para pengunjung yang datang bersama ahli keluarga masing-masing atau rakan-rakan di Gerai-gerai Perayaan di ibu

## Kucing tersepit kepala berjaya diselamatkan



KEPALA seekor kucing didapati terperangkap dan tersangkut di lubang pagar, di salah sebuah flat, di Kampung Rimba.

Siaran Akhbar dan Foto :  
Jabatan Bomba dan Penyelamat

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 16 Julai. - Seramai lima anggota dari Balai Bomba Rimba yang diketuai oleh ASO Pengiran Hassan bin Pengiran Haji Mat Jair menerima panggilan kecemasan, di salah sebuah tempat, di Kampung Rimba untuk menyelamatkan seekor kucing yang terperangkap.

Sejurus keanggotaan bomba sampai ke tempat kejadian, mereka mendapati kepala seekor kucing terperangkap dan tersangkut di lubang pagar di salah sebuah flat, di tingkat dua flat berkenaan.

Keanggotaan bomba menyelamatkan kucing tersebut dengan menggunakan kaedah teknik kebompaan *firemanship* untuk menyelamatkan kucing berkenaan dengan melalui tingkap dari ruang dapur penghuni rumah berkenaan. Operasi tersebut

mengambil masa selama 15 minit.

Pemilik kucing berkenaan disarankan untuk membawa kucing tersebut ke klinik haiwan bagi pemeriksaan lanjut kerana dikhuatiri mengalami kecederaan.

Sehubungan itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) turut menyarankan kepada orang ramai agar sentiasa mengawasi kucing dalam keadaan selamat atau disimpan dalam sangkar.

Pemilik haiwan hendaklah bertanggungjawab kepada haiwan peliharaan dan tidak membuang haiwan peliharaan di tempat yang terbiar atau merata tempat, di mana boleh membahayakan nyawa binatang tersebut.

Jika berlaku insiden kecemasan, hubungi Talian Kecemasan JBP 995 dengan memberikan maklumat tepat.



DAYANG Erna Izzah binti Haji Salleh bersama keluarga beliau dari Kampung Bolkiah 'B'.

negara, di sini.

Awang Junaidi bin Haji Mohd. Salleh yang ditemani oleh isteri dan anak-anaknya dari Kampung Sungai Akar semasa ditemu bual Pelita Brunei, berkata bahawa apa yang penting ialah para pengunjung tahu akan peranan masing-masing semasa berada di Gerai-gerai Perayaan di dalam sama-sama menangani penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini.

"Dalam kita meraikan sambutan ini, kita perlu mematuhi garis panduan perayaan seperti kerap mencuci tangan dengan bersih dan menggunakan pensanitasi tangan, sungkup muka dan sebagainya dan berharap para pengunjung juga akan menanamkan sifat sabar semasa beratur bagi mengimbas Kod

QR BruHealth untuk memasuki Gerai Perayaan," jelas Awang Junaidi.

Sementara Dayang Siti Munawarah @ Noraisah binti Hassim dari Kampung Kiulap mengingatkan para pengunjung untuk sentiasa mengamalkan penjarakan sosial kira-kira satu meter.

"Ikutilah arahan Kementerian Kesihatan dan kita sama-sama berdoa agar negara kita akan terus terhindar dari penularan wabak COVID-19," ujar Dayang Siti Munawarah.

Manakala Dayang Erna Izzah binti Haji Salleh yang berkunjung ke Gerai Perayaan itu bersama suami dan anak-anaknya pula melahirkan ucapan terima kasih dan bersyukur kerana pihak kerajaan kerana membukakan



DAYANG Siti Munawarah @ Noraisah binti Hassim dari Kampung Kiulap.

Gerai-gerai Perayaan kepada rakyat di negara ini.

"Alhamdulillah, sambutan diadakan dalam suasana sederhana memandangkan jangkitan wabak COVID-19 melanda negara ketika ini," ujarnya yang berasal dari Kampung Bolkiah 'B'.

Tambah beliau lagi, kita selaku rakyat hendaklah mengutamakan penjarakan fizikal dan mengelakkan perkumpulan.

Pada kesempatan itu, para pengunjung turut menzahirkan ucapan selamat Hari Keputeraan ke hadapan majlis Kebawah DYMM dengan iringan doa semoga baginda dan kaum kerabat baginda dikurniakan kesihatan yang baik dan kekal karar memerintah negara dalam keadaan aman dan makmur.

## Pupuk tanggungjawab menjaga kebersihan kampung

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Ihsan Unit Belia dan Sukan MPK Sengkuring 'A'

Antara objektif kempen kebersihan ini adalah bagi mendidik rasa cinta akan kebersihan selari dengan tuntutan agama di samping melahirkan suasana yang nyaman dan bersih bagi kesejahteraan penduduk kampung.



UNIT Belia dan Sukan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sengkuring 'A' dengan kerjasama MPK Sengkuring 'A' mengadakan Kempen Kebersihan yang disertai oleh para belia, penduduk kampung serta sukarelawan.

**SENGKURONG,** Jumaat, 17 Julai. - Dalam usaha mendidik masyarakat ke arah rasa cinta akan kebersihan, Unit Belia dan Sukan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sengkuring 'A' dengan kerjasama MPK Sengkuring 'A' mengadakan Kempen Kebersihan baru-baru ini.

Kempen yang disertai oleh kira-kira 25 orang terdiri daripada para belia, penduduk kampung serta sukarelawan itu dilaksanakan di kawasan Gerai Sengkuring sehingga kawasan Padang Sekolah Rendah Sengkuring.

Bagi memberkati majlis, kempen dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Kampung Sengkuring 'A', Dr. Awang Haji Abdullah Hanif bin Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman yang antara lain menyatakan bahawa kempen kebersihan yang dianjurkan adalah untuk memupuk rasa tanggungjawab menjaga kebersihan dalam kalangan warga kampung.

Sementara itu, taklimat berkenaan kempen kebersihan diberikan secara berasingan mengikut kawasan yang akan dibersihkan dan majlis berakhir dengan bacaan Doa Selamat.



## Kepuitisan pantun kian hambar di zaman moden

**D**ALAM kalangan masyarakat Brunei, pantun merupakan puisi tradisional yang masih kekal sehingga ke hari ini. Namun sejauh manakah kewujudan pantun masih melekat di hati masyarakat kita lebih-lebih lagi generasi moden sekarang ini. Apa Pendapat Biskita turut mendapatkan pandangan daripada orang ramai mengenainya.

"Sejak dari zaman purba lagi pantun telah wujud dalam kehidupan masyarakat Melayu. Pantun ialah puisi tradisional Melayu turun-temurun yang tertua di dalam budaya Melayu. Pantun berbeza berbanding dengan Syair, Gurindam, Seloka, Rubai, Ghazal dan sebagainya kerana mempunyai kedudukan tersendiri sebagai alat untuk menyatakan hajat, pembayang niat, bunga istiadat, pembuka kata, penamat bicara, pengucapan rindu dagang yang merantau. Pengaruh pantun dalam masyarakat Melayu sangat luas kerana telah dijadikan sebagai alat berkomunikasi untuk menyampaikan isi hati dan hajat seperti sanjungan, Namun kini, ia kurang mendapat perhatian atau minat daripada generasi masa kini. Oleh itu, kita atau pihak-pihak tertentu perlu mengambil beberapa inisiatif untuk menghidupkan dan mendekatkan pantun ke hati para generasi muda masa kini agar ia tidak ditelan zaman dan hilang begitu saja penggunaannya". - **Haji Mas Imandy Haji Suhaili, Burung Pingai.**

"Pada pandangan saya, pantun merupakan satu seni yang halus dan unik di mana ia sering digunakan dalam majlis-majlis tertentu yang penuh dengan adat kemelayuan. Pantun juga menjadi medium untuk menyampaikan mesej-mesej atau pesanan berbentuk keagamaan. Di samping itu juga, pantun berpotensi menjadi sindiran atau tempelak yang ditujukan kepada seseorang dengan niat untuk mendidik dan membetulkan jati diri atau sahsiah individu atau mereka yang berkenaan supaya mereka mampu memperbaiki diri dan berubah ke arah yang lebih baik. Tetapi dalam kalangan generasi muda kini, pantun tidak begitu menarik perhatian mereka bahkan mereka sendiri tidak tahu cara untuk mengolah sesuatu bait pantun tersebut, justeru, marilah kita bersama-sama mengembang dan menyuburkan pusaka lama ini agar kesusasteraan Melayu bangsa kita akan bertambah maju dan kekal umpama 'tak lekang dek panas tak lapuk dek hujan'. Pantun merupakan puisi yang begitu diminati oleh orang-orang Melayu hinggalah ke dewasa ini. Dengan mempelajari pantun Melayu, kita dapat mengenali masyarakat Melayu yang melahirkan pantun". - **Haji Mohd. Alias Haji Abdul Rauf, Kuala Belait.**

Selaku penulis Apa Pendapat Biskita, pantun sememangnya banyak kelebihan dan keistimewaannya tersendiri. Antaranya, pantun berfungsi sebagai hiburan, berguna dalam adat istiadat, sebagai nasihat, menampelak dan sebagainya. Inilah peninggalan pusaka nenek-moyang diwariskan kepada kita daripada pujangga tak bernama, khazanah yang memperkayakan perbendaharaan sastera kita. Pantun merupakan seni bangsa yang telah diperturunkan daripada generasi terdahulu kepada generasi pasca kemerdekaan ini. Pantun yang kaya dengan seni kata yang halus dan irama yang indah turut melambangkan kehebatan dan kepakaran masyarakat Melayu dalam bidang berbahasa. Justeru, kita sebagai pewaris bangsa perlu bekerjasama dalam usaha untuk terus memartabatkan dan memperkasakan pantun sebagai satu wahana dan medium komunikasi sopan antara masyarakat Melayu yang terkenal dengan budi bahasanya. Oleh itu, marilah sama-sama kita memartabatkan seni pantun kita dan menyalurkannya ke jiwa sanubari generasi muda kita masa kini agar ia tidak hilang begitu sahaja.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke :  
pelita.brunei@information.gov.bn

- i. Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Disambut Dalam Norma Baharu.
- ii. Profesion Sebagai Seorang Guru.

# Tamu Mingguan kembali beroperasi mengikut garis panduan



TAMU Mingguan Kompleks Pasarneka dan Tamu Tutong, Daerah Tutong diadakan setiap Khamis dan Ahad.

Berita dan Foto : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG,** Khamis, 16 Julai. - Tamu Mingguan Kompleks Pasarneka dan Tamu Tutong, Daerah Tutong yang diadakan setiap Khamis dan Ahad bagi peniaga-peniaga Kumpulan 'B' telah memulakan perniagaan mereka pada minggu ini.

Perkara ini disebabkan oleh pembukaan tamu berkenaan yang dilaksanakan mengikut penjadualan berjaja dan dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu Kumpulan 'A' dan 'B' serta berjaja secara bergilir-gilir

setiap minggu.

Perkara tersebut dilaksanakan dalam mengambil kira kadar keramaian peniaga sebanyak 50 peratus daripada jumlah kapasiti biasa ruang berniaga tamu berkenaan dalam satu masa mengikut penjadualan kumpulan peniaga yang akan diselenggarakan oleh pihak Jabatan Bandaran Tutong.

Dalam masa yang sama, pengunjung ke premis berkenaan adalah terlebih dahulu mengimbas Kod QR BruHealth dan sentiasa

mengamalkan langkah penjarakan sosial serta fizikal. Para pengunjung juga disarankan untuk sentiasa menjaga kebersihan semasa berada di kawasan tamu berkenaan.

Petugas-petugas dari Jabatan Bandaran Tutong dan sukarelawan dari Daerah Tutong akan sentiasa berada di tamu berkenaan dan memeriksa suhu badan para pengunjung dengan menggunakan termometer dahi, di samping menyediakan pensanitasi tangan bagi kegunaan mereka sebagai langkah berwaspada bagi membendung dan mencegah penularan jangkitan wabak COVID-19.

## Pamer kreativiti pelukis tempatan



UNIT Penerbitan dan Pemasaran, Bahagian Pendidikan, Jabatan Muzium-Muzium Brunei mengadakan Pameran 'Trio Battle' dalam usaha memperkenalkan karya-karya seni lukis di bawah unit berkenaan.

Berita dan Foto : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 16 Julai. - Unit Penerbitan dan Pemasaran, Bahagian Pendidikan, Jabatan Muzium-Muzium Brunei telah mengadakan Pameran 'Trio Battle' dalam usaha unit tersebut untuk memperkenalkan karya-karya seni lukis di bawah unit berkenaan.

Dalam masa yang sama, pameran tersebut juga bermatlamat untuk memperkenalkan kepada

orang ramai terhadap karya-karya seni lukis yang menggunakan genre yang berbeza dan pelbagai.

Pameran yang diadakan di ruang legar Muzium Teknologi Melayu (MTM) itu mempamerkan seni lukisan yang dihasilkan oleh Awang Osman bin Bakir, Awang Haji Zainudin bin Haji Ibrahim dan Awang Mohd Abdul Wafi bin Haji Mat Salleh.

Pameran 'Trio Battle' tersebut juga bertujuan untuk mendedahkan

kepada orang awam untuk melihat dengan lebih dekat hasil seni kreatif penggiat seni tempatan yang meliputi pelbagai genre lukisan, potret, landskap dan abstrak yang dipamerkan di muzium berkenaan.

Di samping itu, karya-karya seni yang dipamerkan juga dijual kepada orang ramai khususnya peminat-peminat seni lukis. Pameran tersebut dibuka untuk kunjungan orang ramai dari jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang dan akan berakhir sehingga bulan November 2020.

# Gerai Perayaan meriahkan Sambutan Hari Keputeraan



**PARA** penjaja dan pengunjung di gerai berkenaan adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama dan mematuhi segala arahan-arahan juga nasihat-nasihat yang ditetapkan oleh pihak kerajaan dari semasa ke semasa (atas dan bawah).



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 15 Julai. - Bandar Seri Begawan terus menjadi tumpuan bagi rakyat dan penduduk di negara ini untuk sama-sama meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-74.

Walaupun sambutan kali ini berbeza disebabkan penularan wabak COVID-19, namun rakyat dan penduduk tetap bersyukur dan gembira kerana berpeluang untuk memeriahkan lagi sambutan berkenaan.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, Gerai Perayaan diadakan di Kawasan Lapang Letak Kereta, Jalan Bendahara; Kawasan Dalam Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin; dan sebahagian Jalan Pretty, bermula hari ini hingga 31 Julai 2020, mulai jam 5.00 petang hingga 10.00 malam.

Sebanyak 55 petak jualan disediakan di Kawasan Dalam Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin dan sebahagian Jalan Pretty, manakala 35 petak lagi disediakan di Kawasan Lapang Letak Kereta, Jalan Bendahara.

Semasa tinjauan Pelita Brunei di beberapa Gerai-gerei Perayaan, para penjaja dan pengunjung rata-rata mengikut syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Bandaran.

Para penjaja dan pengunjung juga melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan mengimbas Kod QR BruHealth sebelum masuk dan selepas keluar dari Gerai Perayaan, memakai sungkup muka dan penjarakan sosial.



**SUASANA** Gerai Perayaan yang mula dibuka dari jam 5.00 petang hingga 10.00 malam.

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Di petak-petak jualan pula, para penjaja turut menitikberatkan soal penjagaan kebersihan.

Hal ini adalah untuk mempertingkatkan lagi langkah-langkah membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 tersebut dan berpandukan kepada nasihat Kementerian Kesihatan.

Sehubungan itu, para penjaja dan pengunjung gerai diseru untuk mematuhi garis panduan - garis panduan dan arahan-arahan yang dibuat oleh pihak kerajaan.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) turut

mengingatkan kepada para penjaja dan pengunjung gerai berkenaan yang didapati tidak mematuhi garis panduan-garis panduan dan syarat-syarat yang ditetapkan, boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.

Oleh yang demikian, para penjaja dan pengunjung di gerai berkenaan adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama dan mematuhi segala arahan-arahan juga nasihat-nasihat yang ditetapkan oleh pihak kerajaan dari semasa ke semasa.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANGAR,** Rabu, 15 Julai. - Melalui Siaran Akhbar dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri baru-baru ini yang bertarikh 13 Julai menyatakan bahawa Gerai Perayaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-74 diadakan bermula 15 Julai hingga 31 Julai 2020 ini.

Sehubungan dengan itu, hari ini bermulanya Gerai Perayaan sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM di keempat-empat daerah dan bagi Daerah Temburong, gerai berkenaan diadakan di Kawasan Padang Dewan Kemasyarakatan Daerah Temburong, di sini.

Semasa tinjauan Pelita Brunei ke gerai berkenaan yang beroperasi bermula jam 5.00 petang hingga 10.00 malam itu, para penjaja memakai sungkup muka, selain tetap melaksanakan penjarakan sosial.

Sementara itu, pihak penganjur turut meletakkan pengimbas suhu badan dan memastikan setiap pengunjung untuk diperiksa suhu badan di pintu-pintu masuk menuju ke gerai berkenaan.

Walaupun cuaca dalam

## Peniaga Gerai Perayaan tetap amalkan penjarakan sosial



**PARA** peniaga tidak melepaskan peluang untuk turut sama memeriahkan lagi Sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-74, di Kawasan Padang Dewan Kemasyarakatan Daerah Temburong (kiri), sementara gambar kanan, para pengunjung dimestikan untuk membuat pemeriksaan suhu badan dan mengimbas Kod QR sebelum memasuki kawasan gerai berkenaan.

keadaan hujan, namun ia tidak menghalang para pengunjung untuk mengunjungi gerai berkenaan, lebih-lebih lagi hari ini merupakan cuti awam sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-74.

Antara keunikan yang didapati

di Gerai Perayaan di sini ialah selain daripada penjualan makanan dan minuman, barang-barang hasil kraf tangan warga setempat juga turut dijual.

Dalam pada itu, hasil maklumat daripada pihak Jawatankuasa

Pengurusan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin bahawa waktu operasi jambatan berkenaan akan dilanjutkan dari jam 6.00 pagi hingga 11.00 malam semasa musim perayaan ini, yang akan bermula hari ini hingga 31 Julai 2020.

Dengan perlanjutan masa beroperasi jambatan ini membolehkan rakyat dan penduduk dari daerah lain untuk mengunjungi Gerai Perayaan di daerah ini dan sama-sama menyokong aktiviti perekonomian setempat.



# Gerai Perayaan KB terima lebih 30 penyertaan



SUASANA Gerai Perayaan yang beroperasi di Kawasan Letak Kereta, Bangunan Gerai Tudong Saji, Kuala Belait (atas dan bawah kanan).

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

**BELAIT**, Rabu, 15 Julai. - Gerai Perayaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-74 kini bermula hingga 31 Julai 2020.

Bagi Daerah Belait, Gerai Perayaan yang beroperasi di Kawasan Letak Kereta, Bangunan Gerai Tudong Saji, Kuala Belait bermula dari jam 5.00 petang hingga 10.00 malam.

Setiap penjaja dikenakan bayaran kem gerai sebanyak

BND110 untuk tempoh dua minggu di sepanjang musim perayaan berlangsung.

Semasa tinjauan Pelita Brunei ke Gerai Perayaan di Daerah Belait, Pegawai Melesen Jabatan Bandaran Belait dan Setia, Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Tengah semasa ditemu bual berkata, gerai perayaan tahun ini menerima seramai 38 penyertaan yang dibahagikan kepada empat kategori, iaitu 27 penjaja gerai makan dan minum, empat penjaja gerai salai, empat penjaja gerai runcit dan tiga penjaja

gerai bermeja.

Beliau turut menyatakan, semasa membuat pemantauan di Gerai Perayaan Daerah Belait, kehadiran pelanggan dianggarkan lebih daripada 500 orang dan mereka melakukan pengimbasan Kod QR BruHealth masing-masing.

Sementara itu, salah seorang penjaja, Dayang Munah binti Haji Bujang Majnis bersama dua anaknya, Dayang Siti Mujiah binti Jini dan Dayang Siti Mujilata binti Jini semasa ditemu bual, menjelaskan, antara menu terlaris yang mereka jual ialah Takoyaki, Popia Telor Masin, Popia Ayam Mentega Susu, Popia Ayam Cabonara Mushroom dan Kimari.

Manakala, bagi Dayang Siti Mujiah dari Kampung Sungai Teraban yang menjalankan perniagaan dalam talian, menerangkan mereka membuat persiapan sejak dari waktu Zuhur. "Alhamdulillah, setakat malam ini, kami mendapat sambutan yang menggalakkan," katanya lagi.

Gerai yang dikendalikan oleh Jabatan Bandaran Belait dan Setia bersama pihak Event Management itu membuka tiga laluan masuk dengan memasang pagar di sekeliling Gerai Perayaan dan memasang setiap kem dengan jarak tiga kaki di antara satu sama yang lain. Pihak Pasukan Polis Diraja Brunei turut melakukan rondaan bagi tujuan keselamatan.

Para penjaja dan pengunjung Gerai Perayaan dikehendaki untuk sentiasa mematuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Bandaran

Belait dan Setia dan Jabatan Daerah Belait juga berpandukan kepada nasihat-nasihat Kementerian Kesihatan bagi mempertingkatkan lagi langkah-langkah membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini.

Penjaja Gerai Perayaan hendaklah memastikan diri dan pekerja mereka untuk sentiasa menggunakan sungkup muka.

Penjaja Gerai Perayaan yang tidak sihat dinasihatkan untuk tidak hadir berniaga, ini bagi memastikan penjarakan sosial, termasuk pelaksanaan arahan-arahan yang dibuat oleh pihak kerajaan, termasuk mengikut penempatan petak yang diatur susun dan sentiasa memastikan kebersihan petak.

Sementara itu, pengunjung juga hendaklah mematuhi penjarakan sosial dengan mengikut garis panduan-garis panduan dan arahan-arahan yang dibuat oleh pihak kerajaan.

Manakala orang ramai yang mempunyai tanda-tanda jangkitan atau tidak sihat dinasihatkan untuk tidak mengunjungi Gerai Perayaan sehingga benar-benar sembuh dan sihat.

Untuk maklumat lanjut mengenai Gerai Perayaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-74, bolehlah menghubungi Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Setia menerusi talian +673 3340631.



## Gerai Perayaan Tutong patuhi garis panduan, arahan elak COVID-19

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG**, Rabu, 15 Julai. - Bagi memeriahkan lagi dan memberikan peluang kepada orang ramai untuk sama-sama meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-74, Gerai Perayaan

diadakan di keempat-empat daerah bermula hari ini, 15 hingga 31 Julai 2020 dari jam 5.00 petang hingga 10.00 malam di lokasi-lokasi yang ditetapkan di setiap daerah.

Bagi Daerah Tutong, Gerai Perayaan tertumpu di Kawasan Lapang berhadapan dengan Hospital Pengiran Muda Mahkota

Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Pekan Tutong, di sini.

Sebanyak 23 petak disediakan, iaitu empat petak untuk bahagian peralatan, perhiasan dan lain-lain, manakala sebanyak 19 petak pula untuk para penjaja.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk berkunjung ke Gerai Perayaan ini bagi sama-sama memeriahkan lagi acara sambutan berkenaan dengan memastikan penjarakan sosial dan mematuhi



PENGUNJUNG yang datang akan diperiksa suhu badan sebelum memasuki Gerai Perayaan.

garis panduan-garis panduan dan arahan-arahan yang disarankan oleh pihak kerajaan.

Sementara itu, bagi para pengunjung yang mempunyai tanda-tanda jangkitan atau tidak sihat adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi Gerai Perayaan sehingga sembuh.

Dalam pada itu, sebagai langkah ke arah membendung penularan COVID-19 di negara ini, serta berpandukan kepada nasihat Kementerian Kesihatan, para penjaja dan pengunjung Gerai Perayaan dikehendaki untuk mematuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Bandaran.

Para penjaja Gerai Perayaan hendaklah memastikan diri dan para pekerja mereka untuk sentiasa memakai sungkup muka dan jika merasa tidak sihat, adalah dinasihatkan untuk tidak hadir berniaga.

Selain itu, para penjaja juga dinasihatkan untuk

sentiasa mengamalkan penjarakan sosial, termasuk pelaksanaan arahan-arahan yang dibuat oleh pihak kerajaan seperti penempatan petak dan dikehendaki untuk memastikan kebersihan di petak perniagaan mereka.

Tidak seperti tahun-tahun yang lalu, pada tahun ini, acara-acara pentas adalah ditiadakan di Gerai Perayaan memandangkan negara kita masih dalam langkah berwaspada bagi membendung penularan jangkitan wabak COVID-19, walaupun sudah lebih dua bulan tidak merekodkan jangkitan wabak COVID-19 yang baharu.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) juga ingin mengingatkan kepada para penjaja dan pengunjung Gerai Perayaan yang didapati tidak mematuhi garis panduan dan syarat-syarat yang ditetapkan, mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.



SUASANA Gerai Perayaan di Kawasan Lapang berhadapan dengan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Pekan Tutong.

Berita dan Foto :  
Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 15 Julai. - Sebut sahaja buah longan, pasti kita terbayangkan kewujudannya setiap kali tibanya musim perayaan di Gerai Perayaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam setiap tahun pada bulan Julai.

Pelita Brunei semasa membuat pendekatan bersama beberapa orang penjual dan pembeli buah longan di Gerai Perayaan di kawasan lapang letak kereta di Jalan Bendahara, Bandar Seri Begawan mendapati buah longan sudah biasa dibeli semasa musim perayaan tersebut, yang menjadikannya sinonim dengan Gerai Perayaan, terutama di Daerah Brunei dan Muara.

Menurut pekerja gerai di Sinboon Enterprise, kewujudan buah longan tersebut bertepatan dengan musim tuai buah tersebut di negara pembekal, iaitu negara Thailand bermula antara bulan Jun hingga bulan Ogos, bertepatan dengan musim perayaan di negara kita pada bulan Julai ini.

Sambutan daripada para pengunjung terhadap buah kesukaan orang ramai ini juga



SETIAP kali tibanya musim perayaan, buah longan sememangnya menjadi pilihan orang ramai (atas dan kanan).

amat menggalakkan.

Sementara peniaga dari Kampung Sungai Tilog, Mohd. Sariful Rizal bin Haji Wasli pula mengongsikan bahawa beliau mengimport buah longan dari pembekal di Singapura dan apa yang membuat buah tersebut laris semasa musim perayaan mungkin kerana ia sudah biasa dijual pada musim ini,

lagipun senang dimakan dan tidak membebankan untuk membawanya.

Walau apa pun pandangan dan pendapat daripada penjual dan pembeli, buah longan memang diminati oleh penduduk negara ini dan ketiadaannya pada musim perayaan mungkin akan dirasakan oleh penggemar buah tersebut.



## Sotong Tutuk : Keunikan Gerai Perayaan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 15 Julai. - Pada lazimnya apabila disebut tentang Gerai Perayaan, masyarakat di Negara Brunei Darussalam tahu acara tersebut hanya diadakan setahun sekali, iaitu pada bulan Julai bagi meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Namun pada tahun ini, suasana memang agak berlainan kerana tiada persembahan pentas diadakan disebabkan pandemik wabak COVID-19 walaupun negara kita tidak mencatatkan sebarang jangkitan lagi, akan tetapi setiap individu di negara ini masih disarankan untuk melaksanakan tanggungjawab sosial, seperti yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan.

Dengan adanya Gerai Perayaan ini, para peniaga tidak ketinggalan dalam menyediakan juga menjual pelbagai jenis makanan dan minuman, salai-salaian, jualan barangan runcit, buah-buahan juga sebagainya.

Berbicara tentang Gerai Perayaan, pasti sebahagian besar tujuan kita ke sana untuk mencari makanan.

Justeru, Pelita Brunei, hari ini, membuat tinjauan ke Gerai Perayaan, di ibu negara dan yang paling menarik perhatian sekali ialah keunikan Sotong Tutuk yang tidak pernah pupus.

Sotong kering yang dibakar di

atas bara api dalam beberapa minit dan kemudiannya ditutuk dengan pukulan yang sederhana.

Terkenal musimnya setiap kali perayaan tiba, Sotong Tutuk sehingga hari ini tetap menjadi kesukaan masyarakat di negara ini yang tidak lapuk ditelan zaman.

Pelita Brunei sempat menemui salah seorang penjual Sotong Tutuk, iaitu Awang Mohd. Fadel bin Haji Kassim yang sudah berniaga sejak tahun 1982.

Menurut beliau, Sotong Tutuk ini mempunyai perbezaan, terutama dari segi tekstur sotong yang ditutuk juga semestinya sos yang dibuat khas kerana ada yang gemar kepada sos manis, tetapi ada juga suka sos yang sedikit pedas.

"Daripada pengalaman sebelum ini, sotong yang dijual mencecah

dari 10 hingga 15 kilogram sehari.

"Jualan dimulakan dari jam 5.00 petang hingga 10.00 malam di sepanjang waktu perayaan diadakan dan sambutan daripada pelanggan amat memberangsangkan pada malam pertama ini," jelasnya.

Awang Mohd. Fadel yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan ini berhasrat agar hasil titik peluh beliau dapat membantu keluarga untuk menyara kehidupan mereka dan dengan adanya berniaga seperti ini, keyakinan untuk membesarkan perniagaan akan dilaksanakan.

Meskipun setiap daripada peniaga-peniaga ini mempunyai keunikan masing-masing, namun itu, sudah cukup memberikan peluang kepada para pelanggan untuk menikmati Sotong Tutuk dengan nilai BND1 yang sememangnya menjadi trademark sepanjang Gerai Perayaan.



AWANG Mohd. Fadel bin Haji Kassim, salah seorang peniaga Sotong Tutuk di Gerai Perayaan.



Sebagai Majikan, Awda perlu:

1

### AJAR PEKERJA MENGENAI JANGKITAN DAN CARA PENYEBARANNYA

- Berikan taklimat kepada pekerja awda atau sediakan maklumat kesihatan mengenai jangkitan dan cara pengawalan
- Letakkan nasihat dan notis kesihatan di tempat-tempat bersesuaian di sekitar pejabat awda

2

### GALAKKAN PEKERJA AWDA UNTUK MENGAMALKAN KEBERSIHAN

- Jangan meludah di atas lantai atau tanah
- Sentiasa mencuci tangan dengan bersih menggunakan sabun dan air
- Amalkan etika batuk atau bersin
- Elakkan berkongsi barangan peribadi seperti peralatan makanan dan minuman, dll dengan orang yang dijangkiti

3

### NASIHAT PEKERJA AWDA UNTUK TIDAK DATANG BEKERJA DAN BERJUMPA DENGAN DOKTOR JIKA MERASA KURANG SIHAT

4

### LAKSANAKAN PEMERIKSAAN SUHU BADAN DAN PANTAU PEKERJA YANG MEMPUNYAI SIMPTOM

- Pekerja yang kurang sihat perlu berjumpa doktor dengan segera

5

### PEKERJA YANG DIKUARANTIN (MENJALANI PENGASINGAN DIRI)

- Pekerja yang mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan yang terjejas atau pernah berhubung dengan orang yang dijangkiti perlu di kuarantin (menjalani pengasingan diri) di rumah
- Jika ia mula menghidapi simptom, nasihatkan beliau untuk mendapatkan rawatan dengan segera
- Nasihatkan pekerja awda untuk tidak hadir bekerja
- Periksa status kesihatan pekerja awda melalui telefon semasa ketiadaan beliau
- Pastikan pekerja awda telah melengkap tempoh kuarantin (pengasingan diri) dan berasa sihat sebelum membenarkan mereka kembali bekerja

   123 [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn)



## IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

**TARIKH IKLAN : 18 JULAI 2020**

**TARIKH TUTUP : 08 OGOS 2020**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG BOLEH DILAYARI [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn). TATACARA PERMOHONAN DAN JUGA LAIN-LAIN MAKLUMAT SILA KUNJUNGI RUANGAN QUICKLINKS DAN FAQ'S DI PORTAL BERKENAAN.

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temu duga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel [query@spa.gov.bn](mailto:query@spa.gov.bn).



KEMENTERIAN PERTAHANAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN  
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MILITARY ESTABLISHMENT

No. Tawaran :  
JPPK / LTN / 05 / 2020

Bayaran Tawaran : BND50.00  
(Tidak dikembalikan)

Tajuk Tawaran :  
THREE (3) YEARS TERM  
CONTRACT FOR  
STATUTORY INSPECTION OF  
LIFTING EQUIPMENT AND  
PRESSURE VESSEL WITHIN

Kategori : SPECIALISTS IN  
STATUTORY TESTING,  
INSPECTION AND  
CERTIFICATION

Tempoh Penyiapan :  
TIGA (3) TAHUN

TARIKH TUTUP :  
SELASA, 4 OGOS 2020,  
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG



JABATAN PENTADBIRAN DAN  
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

TAWARAN MEMBEKAL  
DAN MENGHANTAR

BILANGAN TAWARAN  
MOE / LTK / 39 / 2020 / 2021  
[JPK-JULAI-2020]

KETERANGAN  
TAWARAN TERBUKA BAGI  
MEMBEKAL DAN  
MENGHANTAR TERUS  
BUKU AKTIVITI PRASEKOLAH  
BAGI KEMASUKAN TAHUN 2021  
KE SEKOLAH-SEKOLAH  
RENDAH KERAJAAN DAN  
JABATAN PERKEMBANGAN  
KURIKULUM,  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BAYARAN YURAN /  
DOKUMEN TAWARAN  
BND30.00  
[Bayaran Dokumen Tawaran tidak  
dikembalikan]

TARIKH TUTUP  
DAN WAKTU  
28 Julai 2020  
[Tidak lewat jam 2.00 Petang]



JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA  
PEMBORONG-PEMBORONG  
YANG BERDAFTAR DI NEGARA  
BRUNEI DARUSSALAM

PENYELENGGARAAN LANDSKAP  
DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN  
TAMAN DI SUNGAI BERAKAS,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
UNTUK TEMPOH SATU (1)  
TAHUN

TARIKH TUTUP PADA :  
18 OGOS 2020,  
SELASA  
SEBELUM JAM 2.00 PETANG

NO. PROJEK :  
JASTRE / BL / T020 / 2020

JASTRE / BL / T020 / 2020

KERJA-KERJA

JUMLAH YURAN TAWARAN :  
BND30.00  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)



KEMENTERIAN PERTAHANAN



TAWARAN NO. :  
MINDEF / DFA / 2020 / LB / TA / 011

PEMBELIAN BOOTS HALF  
WELLINGTON, SHOES HIGHLAND  
BLACK, BOOTS ANKLE DMS BLACK,  
GEORGE BOOTS BLACK,  
SHOES SERVICE DERBY LACE UP  
DAN SHOES SERVICE LOW HEEL  
PATTERN

BAYARAN TAWARAN :  
BND50.00  
(tidak dikembalikan)

TAWARAN NO. :  
MINDEF / DFA / 2020 / LB / TA / 035

PEMBELIAN SERTA PEMASANGAN  
TYRE (OUTER COVER, INNER TUBE  
& FLAP COVER SIZE 225 / 100 R16)  
BAGI KENDERAAN IVECO 1 TON

BAYARAN TAWARAN :  
BND10.00  
(tidak dikembalikan)

TAWARAN NO. :  
MINDEF / DFA / 2020 / LB / TA / 036

PEMBELIAN SERTA PEMASANGAN  
TYRE (OUTER COVER, INNER TUBE &  
FLAP COVER SIZE 7.50 R16) BAGI  
KENDERAAN LANDROVER FFR DAN  
LANDROVER HARDTOP PUMA FFR

BAYARAN TAWARAN :  
BND30.00  
(tidak dikembalikan)

TAWARAN NO. :  
MINDEF / DFA / 2020 / LB / TA / 039

PEMBELIAN RBAF CAP BADGE  
(METAL) DAN BUTTONS

BAYARAN TAWARAN :  
BND10.00  
(tidak dikembalikan)

TARIKH TUTUP :  
SELASA, 18 OGOS 2020,  
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG

TAWARAN NO. :  
MINDEF / DFA / 2020 / LB / TA / 024

PEMBELIAN RBAF FEMALE  
SERVICE HATS

BAYARAN TAWARAN :  
BND30.00  
(tidak dikembalikan)

TARIKH TUTUP :  
SELASA, 1 SEPTEMBER 2020,  
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG



## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**TAWARAN NO. :**  
**MINDEF / DFA / 2020 / LB / TA / 032**

**PEMBELIAN HAND SANITIZER,  
MEDICAL GLOVES AND MASK**

**BAYARAN TAWARAN :**  
**BND100.00**  
(tidak dikembalikan)

**TAWARAN NO. :**  
**MINDEF / DFA / 2020 / LB / TA / 033**

**PEMBELIAN PERSONNEL  
PROTECTIVE EQUIPMENT  
(MEDICAL)**

**BAYARAN TAWARAN :**  
**BND50.00**  
(tidak dikembalikan)

**TARIKH TUTUP :**  
**SELASA, 28 JULAI 2020,**  
**TIDAK LEWAT**  
**JAM 2.00 PETANG**



**PUSAT DA'WAH ISLAMIAH  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
UGAMA**

**DIBUKAKAN KEPADA  
SYARIKAT-SYARIKAT  
PENCETAK NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM**

**BILANGAN TAWARAN :**  
**33 / KHEU.PDI (UPP) 900-002**  
(01) / 02

**MENCETAK TAKWIM TAHUN  
MASIHI 2021**

**YURAN DOKUMEN :**  
**BND10.00**  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

**TARIKH TUTUP PENGHANTARAN  
TAWARAN :**  
**28 JULAI 2020 (2.00 PETANG)**

MAHKAMAH PEGAWAI WARIS,  
TUTONG

**DI DALAM MAHKAMAH  
PEGAWAI WARIS, TUTONG**

**SURAT KUASA PUSAKA NO.:**  
**T / LA / 29 / 2020**

## KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJAH ROZAIMAH BINTI HAJI YUSOF** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI YUSOF BIN HAJI TENGAH** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH TUTONG** pada **18 JULAI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta

pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 9 Julai 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA NO.:**  
**T / LA / 12 / 2020**

## KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJAH SALENAWATI BINTI HAJI MOHAMMAD SAJI** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH ASIAH BINTI**

**ABD. LATIF** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH TUTONG** pada **18 JULAI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 9 Julai 2020.

**(DK. NORAFIDAH  
BINTI PG. HAJI BUNGSU)**  
b/p Tim. Pegawai Waris  
Tutong  
Negara Brunei Darussalam.

MAHKAMAH TINGGI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**KES NO. BCY / CP / 578 / 2017**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM  
BERHAD**

- Pemiutang / Pempetisyen

**ABDUL MUIZZ BIN AWG. HAJI ROSLI**  
(BYIC No. 00-306611)  
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 8 Ogos 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-4) Mahkamah Besar** pada **23 Julai 2020, jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **23 Julai 2020, jam 9.30 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 10 Jun 2020

**KES NO. BCY / CP / 424 / 2016**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM  
BERHAD**

- Pemiutang / Pempetisyen

**MONA ZURAINA BINTI MOHAMAD**  
(BYIC No. 00-285782)  
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 4 Jun 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat

Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-4) Mahkamah Besar** pada **27 Julai 2020, jam 9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **27 Julai 2020, jam 9.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 16 Jun 2020

**KES NO. BCY / CP / 427 / 2019**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM  
BERHAD**

- Pemiutang / Pempetisyen

**WAZNATI BINTI AWANG NASAR**  
(BYIC No. 00-302165)  
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 30 Mei 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-4) Mahkamah Besar** pada **27 Julai 2020, jam 10.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **27 Julai 2020, jam 10.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 17 Jun 2020

**NUR ELEANA BINTI DSP HAJI  
HAIROL ARNI**

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar



**MAHKAMAH TINGGI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH  
PEGAWAI WARIS  
BANDAR SERI BEGAWAN**

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA / BSB / 125 / 2020**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **PG. HJH. AKHMAL NURUL JANNAH NAWARRAH BINTI PG. HJ. HASHIM** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **PENGIRAN ANAK HAJAH SHARIFAH BINTI PENGIRAN ANAK BESAR BAGOL** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK PEREMPUAN** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **21 Julai 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 1 Jun 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA / BSB / 126 / 2020**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MUHAMMAD SANUSI BIN IDRIS** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **ASIAH BINTI HAJI AHMAD** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **21 Julai 2020, jam 9.15 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 1 Jun 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA / BSB / 127 / 2020**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **AWANG HAJI MORSHIDI BIN AWANG HAJI MOKHTAR** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **DAYANG HAJAH AISHAH BINTI AWANG ABD. SHAFFAR** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **21 Julai 2020, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 1 Jun 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA / BSB / 128 / 2020**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HJ. AWG. ZAIDI BIN HJ. MD. DAUD** kerana minta Surat Kuasa

pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI DAUD BIN JAMBUL (ALIAS) HAJI MOHAMMAD** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **21 Julai 2020, jam 9.45 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 1 Jun 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA / BSB / 129 / 2020**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAMDY BIN SHAFFIE @ PITA** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **JUBIDI BIN SHAFFIE** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ABANG** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **21 Julai 2020, jam 10.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 1 Jun 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA / BSB / 130 / 2020**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HJH. NIPAH BINTI HAJI SUKAIMI** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI SUHARJU BIN HAJI SUKAIMI** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ADIK PEREMPUAN** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **21 Julai 2020, jam 10.15 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 1 Jun 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA / BSB / 131 / 2020**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI YAAKUB BIN HAJI TAHA** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **DAYANG HAJAH PIAH BINTI PUTEH** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **21 Julai 2020, jam 10.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat

bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 1 Jun 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA / BSB / 132 / 2020**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **SUHAIRANY BINTI MUSA** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **MUSA BIN MUSTAPHA** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK PEREMPUAN** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **21 Julai 2020, jam 10.45 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 1 Jun 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA / BSB / 133 / 2020**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAKIM NORSIAH BINTI ABDULLAH** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAKIM DOLLAH BIN HAKIM SAFAR** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ISTERI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **21 Julai 2020, jam 11.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 1 Jun 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :**

**NO. LA / BSB / 134 / 2020**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **PG. HASSBOLLAH BIN PG. HJ. JALUDIN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **MOHAMMAD HAFIZUL FIRDAUS BIN SOFIAN (ALIAS) MOHAMMAD ABD. QADIR JAILANI** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **PEMEGANG SURAT KUASA** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **21 Julai 2020, jam 11.15 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 1 Jun 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA / BSB / 135 / 2020**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **LEONG MEE KWAN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **KWONG AUI WAH** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK PEREMPUAN** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **21 Julai 2020, jam 11.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 1 Jun 2020.

**(MAHMUD ZUHDI BIN KARIM)**  
Pemangku Penolong Pegawai Waris  
b.p Penolong Pegawai Waris  
Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan  
Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**BIL. SEBUT HARGA :  
SP.ED / ADMIN / 26 / I PT.7 (38)**

**TAJUK SEBUT HARGA :  
SEBUT HARGA BAGI  
MEMBEKAL ALAT UNTUK  
UNIT PENDIDIKAN KHAS,  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
- Bahagian Pentadbiran dan  
Kewangan & ICT**

**BAYARAN DOKUMEN :  
BND5.00  
(tidak dikembalikan)**

**BIL. SEBUT HARGA :  
SP.ED / ADMIN / 26 / I PT.7 (39)**

**TAJUK SEBUT HARGA :  
SEBUT HARGA BAGI  
MEMBEKAL DAN  
MENGHANTAR PRINTER,  
TONER DAN INK  
CARTRIDGE UNTUK  
UNIT PENDIDIKAN KHAS,**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
- Bahagian Pentadbiran dan  
Kewangan & ICT**

**BAYARAN DOKUMEN :  
BND5.00  
(tidak dikembalikan)**

**TARIKH TUTUP :  
3 OGOS 2020  
(tidak lewat jam 2.00 Petang)**



# Hargai air!

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 16 Julai. - Air merupakan salah satu sumber yang penting dalam kehidupan kita seharian.

Air bukan sahaja digunakan untuk keperluan individu, seperti memasak, mencuci pakaian, menyiram tanaman dan berwuduk, tetapi ia juga penting untuk kegiatan sosioekonomi negara, termasuk aktiviti pertanian dan perindustrian.

Di negara ini, kita amat beruntung kerana hampir setiap rumah dan premis dibekalkan dengan air yang bersih dan dirawat.

Namun, masih terdapat segelintir individu yang kurang menyedari akan pentingnya menggunakan air secara berhemah bagi mengurangkan pembaziran dan mengelakkan tuntutan bil yang tinggi.

Antara langkah yang paling mudah adalah dengan memeriksa saluran-saluran air yang ada di seluruh rumah dan segera

memperbaikinya jika terdapat paip yang rosak atau saluran yang bocor.

Walaupun kerosakan itu kelihatan sangat kecil, namun lama kelamaan kesan daripada pembaziran air tersebut akan bertambah dan menyebabkan tuntutan perbelanjaan isi rumah turut meningkat.

Selain itu, memasang paip dan pancuran mandi yang beraliran rendah di dapur atau kamar mandi juga merupakan salah satu langkah dalam memastikan penjimatan air bagi jangka masa panjang.

Kepentingan mengenai bekalan air bersih ini turut diberikan penekanan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia yang menetapkan tanggal 22 Mac sebagai Sambutan Hari Air Sedunia.

Oleh itu, kita sebagai pengguna yang bijak hendaklah mengamalkan sifat berjimat cermat dan menggunakan air mengikut kadar yang diperlukan sahaja.



KITA amat beruntung kerana hampir setiap rumah dan premis dibekalkan dengan air yang bersih dan dirawat.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 17 Julai. - Aktiviti mengumpul barang-barang klasik dianggap sebagai satu hobi yang membantu memelihara barang-barang lama dengan baik bagi mengekalkan keunikannya serta sebahagian penting dalam sejarah untuk generasi muda.

Dalam hubungan tersebut, Dayang Alinayati binti Haji Perudin, salah seorang pengumpul

barang-barang klasik yang menurutnya mempunyai lebih daripada 2,000 koleksi, yang menyifatkan hobi berkenaan sebagai bermanfaat kepada diri sendiri dan juga masyarakat.

Beliau yang ditemui Pelita Brunei baru-baru ini, seterusnya menjelaskan mengenai rasa minatnya dan amat kagum dengan sejarah, warisan dan budaya Negara Brunei Darussalam, di mana dengan mengumpul



## JBP terima 7 panggilan insiden pokok tumbang

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 17 Julai. - Pada masa ini negara mengalami keadaan cuaca tidak menentu, di mana statistik Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) merekodkan sebanyak tujuh panggilan insiden pokok tumbang diterima oleh pihak JBP pada Khamis, 16 Julai 2020 lalu.

Salah satu insiden berlaku pada jam 4.42 petang, di kawasan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin menghala ke Bandar Seri Begawan, di mana seponon Pokok Getah, berukuran 15 meter panjang dan 30cm garis pusat (diameter), rebah di keseluruhan jalan raya dan mengenai dua buah kereta.

Anggota bomba bertindak menggunakan *chain saw* untuk memotong pokok berkenaan dan tidak ada kecederaan atau korban jiwa dilaporkan.

Antara tempat lain yang terlibat adalah di Kampung Sungai Akar, Jalan Kebangsaan; Kampung Tanjung Bunut; Kampung Putat; Jalan Batu Satu; dan Kampung Manggis Dua.

Dalam pada itu, JBP menyarankan agar masyarakat lebih berwaspada dan tahu akan keselamatan mengenai pokok tumbang semasa keadaan cuaca tidak menentu; dan elakkan menanam pokok terlalu dekat dengan rumah dan amalkan



ANGGOTA bomba bertindak menggunakan *chain saw* untuk memotong pokok berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto :  
Jabatan Bomba dan Penyelamat

penjarakan bagi penanaman pokok-pokok tersebut.

Selain itu, tidak dinafikan pokok merupakan elemen yang penting bagi manusia dan haiwan, akan tetapi ia boleh juga mendatangkan kemudaratan dan risiko kepada sekeliling, seperti pokok tumbang boleh merebahi rumah semasa cuaca tidak menentu.

Oleh itu, pokok-pokok yang

ditanam mestilah sentiasa dijaga dan diawasi juga dipotong (*trimming*) sebelum keadaan tidak terkawal; dan jangan meletakkan kereta awda berdekatan dengan pokok-pokok besar, dikhuatiri perkara yang tidak diingini akan berlaku.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, hubungi Talian Kecemasan JBP 995 dan berikan maklumat tepat.

## Miliki 2,000 koleksi barangan klasik, antik

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin  
Foto : Ihsan Dayang Alinayati Haji Perudin

barang-barang lama tersebut akan dapat mengekalkan sedikit sebanyak khazanah Brunei yang akan dapat disaksikan oleh generasi yang akan datang.

Minat mengumpul barang-barang tersebut bermula dengan wang kertas semasa beliau masih lagi di bangku sekolah pada tahun 1994.

"Hampir semua, mungkin 90 peratus adalah barangan berkaitan dengan Brunei, seperti wang lama digunakan di Brunei (pitis), cenderahati berkaitan hari bersejarah (Hari Keputeraan Kebawah DYMM, Istiadat Berpuspa, Hari Raya di Istana Nurul Iman dan Istiadat Perkahwinan Diraja).

"Saya juga turut mempunyai barang-barang dari luar negara, seperti wang kertas antarabangsa dan surat-surat balasan daripada ketua-ketua luar negara, seperti balasan kad raya daripada Raja-raja Melayu, balasan surat

daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II dan Keluarga Diraja Great Britain," terangnya.

Beliau seterusnya menerangkan bahawa salah satu antara barang yang amat berharga bagi beliau ialah wang kertas Brunei pada tahun 1967 dengan potret Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

"Wang kertas BND1.00 itu ialah wang kertas potret Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin III yang pertama saya dapati setelah menerima baki daripada pembelian makanan di kantin sekolah pada tahun 2000.

"Selain itu juga, Cenderahati Kenangan bersempena Hari Perpuspaan Kebawah DYMM yang kini berusia lebih setengah abad tersebut juga adalah antara barangan yang amat berharga bagi saya," jelasnya.

Koleksi-koleksi berkenaan diperoleh melalui pembelian atau pemberian sebagai tanda kenangan daripada nenek, ibu bapa, keluarga dan juga sahabat handai.

Barangan antik tersebut, jelas beliau lagi adalah tidak ternilai untuk dijual kerana setiap koleksi tersebut mempunyai nilai sentimental dan keazaman untuk mendapatkan setiap koleksi



DAYANG Alinayati binti Haji Perudin, salah seorang pengumpul barang-barang klasik.

berkenaan.

"Saya berhasrat untuk hanya menyimpan dan menjadikannya sebagai khazanah yang akan dihargai oleh anak cucu dan generasi yang akan datang.

"Nasihat saya, bagi yang baru berjinak-jinak untuk mengumpul barangan lama, mulailah dengan barang yang diminati, contohnya jika meminati setem atau sampul surat pertama, boleh memulakan dengan mengumpul setem atau sampul surat pertama, dan minat akan berkembang kepada barangan lain," ujarinya lagi.

ANTARA koleksi yang disimpan oleh Dayang Alinayati.



KETUA Bahagian Dakwah Daerah Belait, Dayang Zikrinaidah binti Haji Mat Dikir menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta pada Majlis Penutup Kursus Skim Bimbingan Lanjutan I pada sesi bergambar ramai.

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

**BELAIT**, Rabu, 15 Julai. - Seramai 18 orang mualaf (perempuan) yang menetap di Daerah Belait mengikuti Kursus Skim Bimbingan Lanjutan I yang bermula pada 1 Julai lalu. Sehubungan itu, Majlis Penutup Kursus Skim tersebut diungkayahkan oleh Pejabat Bahagian Dakwah Daerah Belait setelah menyertai kursus selama 14 hari bagi Mualaf Perempuan.

## 18 mualaf tamat Kursus Skim Bimbingan Lanjutan I



Siri Ke-102.

Majlis penutup kursus berlangsung di Dewan Serbaguna Pejabat Bahagian Dakwah, Daerah Belait, kelmarin.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Ketua Bahagian Dakwah Daerah Belait, Dayang Zikrinaidah binti Haji Mat Dikir.

Statistik keramaian yang memeluk agama Islam di Daerah Belait sepanjang tahun 2019 ialah seramai 64 orang.

Sementara, statistik orang yang memeluk agama Islam di Daerah Belait, mulai 1 Januari hingga 13 Julai 2020 ialah seramai 32 orang.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan

Doa Selamat dan penyampaian sijil kepada para peserta, disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Kursus Skim Bimbingan Lanjutan I selama 14 hari itu merupakan Projek Tahunan Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan kursus tersebut berjalan serentak di keempat-empat Daerah.



UNTUK menghasilkan satu beg mengambil masa dari tiga ke empat jam bagi beg berukuran sederhana, manakala dari enam ke tujuh jam bagi beg berukuran besar.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 15 Julai. - Seni dan kreativiti jika digabungkan boleh melahirkan satu *output* yang luar biasa, apatah lagi jika seseorang itu memang mempunyai bakat dalam menghasilkan sesuatu yang unik. Banyak benda yang boleh dihasilkan melalui daya kreativiti seseorang itu, misalnya melalui seni mengait, yang boleh menghasilkan selimut anak damit atau alas meja; dan seni gubahan, di mana penyedut minuman plastik yang boleh digubah menjadi



## Jadikan kreativiti jana ekonomi

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

gubahan bunga dan banyak lagi.

Bagi Dayang Hajah Noraini binti Haji Gani, beliau begitu berbakat dalam seni anyaman plastik, di mana beliau menganyam tali plastik menjadi beg dalam pelbagai saiz dan warna mengikut selera tempahan daripada para pelanggannya.

"Saya memang berminat dalam mencuba apa jua perkara yang saya rasa dan fikirkan boleh dilakukan. Saya memang berminat dalam seni kraf tangan dan mula mempelajarinya di Miri, Sarawak, di mana saya terus berlatih secara persendirian. Ternyata saya berjaya membuat beg hasil daripada anyaman dan mula menjualnya sejak awal tahun lalu," terangnya ketika ditemui Pelita Brunei.

Untuk menghasilkan satu beg jelasnya, ia mengambil masa dari tiga ke empat jam bagi beg berukuran sederhana, manakala dari enam ke tujuh jam bagi beg berukuran besar.

Katanya, satu beg atau lebih senang dipanggil dengan bakul memerlukan perancangan, sukatan saiz sesuai dan warna, seperti apa yang diinginkan oleh para pelanggan.

Menurutnya lagi, rekaan anyaman dianggap percubaan pertama, iaitu untuk mengubah persepsi beg atau 'bakul' seumpama itu, hanya dibawa dan digunakan ke pasar.

Tambah beliau, dia cuba keluar daripada kepompong dengan mempelbagaikan rekaan, gaya, kegunaan dan fungsi beg berkenaan juga membawanya ke tahap yang berbeza.

Misalnya, beg bimbit yang lazimnya dibawa ke pasar untuk mengisi barang basah, diberikan nafas baharu menerusi kepelbagaian motif dan pemilihan warna bersesuaian agar ia boleh dibawa melaram ke majlis rasmi dan pejabat, iaitu

untuk menyerlahkan penampilan anggun.

"Bahan yang digunakan dalam pembuatan beg ini adalah tali plastik kerana kos efektif, tahan lama dan terdapat dalam warna yang bergaya, sesuai untuk tenunan beg. Penggunaan bahan itu juga memanjangkan tempoh hayat berbanding teknik pembuatan tradisional sebelumnya yang menggunakan rotan dan mengkuang.

"Menjaganya juga tidak susah, iaitu hanya perlu mengelap bahagian yang kotor dengan tisu

dan kain lembap. Tali plastik adalah pengganti moden, di mana ia tahan lama, boleh dibasuh dan mempunyai warna yang bergaya dan menarik. Warna ini menjadikan beg ini sangat kontemporari dan menarik," tambahnya.

Kerja beliau agak ringan sedikit kerana beliau dibantu oleh seorang pembantu untuk menganyam beg-beg yang ditempah oleh para pelanggannya, di mana kebanyakannya terdiri daripada saudara mara dan kawan-kawan.



SATU beg atau lebih senang dipanggil dengan bakul memerlukan perancangan, sukatan saiz sesuai dan warna, seperti apa yang diinginkan oleh para pelanggan (kiri dan atas).

# Promosi tarikan berbelanja di negara sendiri



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 15 Julai. - Tanggal 15 Julai sudah terpacat di sanubari Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam, iaitu Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, raja yang sememangnya kita sayangi.

Meskipun Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berbeza pada tahun ini berikutan dalam usaha kita mengekang penularan wabak COVID-19, namun atas limpah kurnia dari Allah Subhanahu

Wata'ala jua kepada kita, pandemik berkenaan di negara ini adalah dalam keadaan terkawal.

Justeru, pihak-pihak berwajib memberikan sedikit kelonggaran menerusi pelan *de-escalation* kepada kita di bumi Darussalam ini.

Bersempena dengan sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM pada tahun ini, pelbagai

pihak termasuk para peniaga dan pengusaha tempatan, iaitu restoran makanan segera seperti KFC dan McDonald's yang sememangnya tidak asing lagi di negara ini mengadakan promosi istimewa kepada rakyat dan penduduk di negara ini pada hari yang sangat istimewa ini.

Dalam tinjauan Pelita Brunei ke beberapa buah tempat berkenaan

**WAIMA sekalipun kita menikmati promosi-promosi yang seakan memukau tarikan pelanggan, kita seharusnya menanamkan sifat bijak berbelanja dan jangan sampai kita boros berbelanja yang membawa kepada pembaziran yang merupakan sifat yang tidak digalakkan dalam Islam.**



**SUASANA** premis-premis di kawasan Bandar Seri Begawan semasa cuti awam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-74 (kiri). Sementara gambar atas, bersempena sambutan tersebut, restoran makanan segera, iaitu KFC membuat promosi yang menarik.

Berita dan Foto : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

mendapati bahawa para pelanggan restoran tersebut sudah mula beratur seawal jam 9.30 pagi lagi dan barisan di kaunter yang panjang daripada para pengunjung yang datang bagi menikmati promosi yang ditawarkan oleh restoran makanan segera berkenaan bersempena tarikh 15 Julai ini.

Selain itu, para peniaga yang aktif di laman media sosial juga tidak kurang hebatnya dengan mengadakan promosi dengan kadar harga menarik dan murah berbanding hari biasa seperti menjual barang-barang aksesori, makanan serta menyajikan perkhidmatan rawatan kecantikan diri.

Waima sekalipun kita menikmati promosi-promosi yang seakan memukau tarikan pelanggan, kita seharusnya menanamkan sifat

bijak berbelanja dan jangan sampai kita boros berbelanja yang membawa kepada pembaziran yang merupakan sifat yang tidak digalakkan dalam Islam.

Oleh yang demikian, janganlah kita lupa dengan tanggungjawab kita dengan menitikberatkan saranan Kementerian Kesihatan seperti mengamalkan penjarakan sosial, sentiasa menjaga kebersihan diri dan yang lainnya seperti garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan.

Namun begitu, dari segi aspek yang lain juga, dengan adanya promosi dan tawaran hebat ini, secara tidak langsung menggalakkan rakyat dan penduduk di negara untuk berbelanja di negara sendiri, sekali gus sama-sama mempertingkatkan lagi kedayatahan ekonomi negara.

## OBBD perkenalkan pakej baharu

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Sumber Laman Sesawang,  
Facebook Outward Bound Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 15 Julai. - Pusat Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) ketika ini sedang giat merancang dan menyusun beberapa program khas perkhidmatan sampingan selain program kursus yang sedia ada, khusus untuk para belia yang mempunyai minat dalam aktiviti-aktiviti *outdoor* dan mencabar serta membukakan peluang kepada orang awam untuk meraih pengalaman menyertai program-program OBBD.

Antara salah satu program yang dimaksudkan ialah OBBD Outdoor Daytrip Packages yang dibahagikan kepada tiga pakej, iaitu : Height Challenge - aktiviti yang memberikan cabaran ketinggian; Sweat and Splash - aktiviti merentas hutan di Daerah Temburong sejauh 5 hingga 7 kilometer; dan Aktiviti Air dan

Exploring Nature - aktiviti menuju Belalong menggunakan Temuai menyelusuri Sungai Ulu Temburong dan menikmati keindahan alam hutan di daerah berkenaan (Canopy Walk), diikuti dengan aktiviti air.

Program sampingan yang baru diperkenalkan ini lebih memfokuskan kepada penyertaan para belia yang berumur 15 tahun dan ke atas dan hanya diadakan selama sehari.

Antara aktiviti-aktiviti yang turut dimuatkan dalam program ini ialah seperti Flying Fox, Wall Climbing, merentas hutan, Canopy Walk dan berakit atau berkayak.

Program ini lebih berbentuk riadah dan santai berbanding program kursus, di samping menerapkan aspek - aspek pembelajaran seperti kesedaran terhadap alam semula jadi, kerjasama berkumpulan, kepimpinan, meningkatkan

keyakinan terhadap kebolehan diri sendiri, ketahanan fizikal dan mental, menjalin hubungan setia kawan dan sebagainya.

Dengan adanya program seumpama ini akan dapat membantu para belia negara untuk bergiat secara lebih aktif dalam kegiatan *outdoor* dan menuju ke arah kehidupan serta aktiviti yang sihat demi mencapai Wawasan Negara 2035.

Sehubungan itu, bagi para belia yang berhasrat untuk mengikuti dan menyertai program sampingan ini, bolehlah menghubungi Pejabat OBBD di alamat Outward Bound Brunei Darussalam, No. 82, Blok B16, Banglo Jalan Kebangsaan Lama, Simpang 336-52 atau menghubungi Talian Pejabat OBBD +673 2382970/1 atau melalui e-mel latihan.obbd@gmail.com atau melayari Facebook dan Instagram OBBD, iaitu *OutwardBoundBruneiDarussalam*. Di samping itu, orang ramai juga boleh melayari Laman Sesawang OBBD <https://outwardboundbrunei.wixsite.com/obbd/> bagi mengetahui sebarang maklumat mengenai OBBD.

**OBBD OUTDOOR DAYTRIP PACKAGES**

**\$25 PER PAX**  
MIN. 8 PAX

**HEIGHT CHALLENGE!**

Light Breakfast  
Flying Fox  
Wall Climbing

**\$48 PER PAX**  
MIN. 8 PAX

**SWEAT & SPLASH!**

Light Breakfast  
Jungle Trekking  
Lunch  
Raft/Kayak

**\$48 PER PAX**  
MIN. 8 PAX

**EXPLORING NATURE!**

Light Breakfast  
Canopy Walk via Temuai  
Lunch  
Raft/Kayak

**INCLUSIVE Insurance**

**\*TERMS AND CONDITIONS APPLY**

2382970/1

<http://outwardboundbrunei.wixsite.com/obbd/>

FB/IG: OutwardBoundBruneiDarussalam

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Jabatan Penerangan

**K**enali  
**N**egara  
**K**itani

# IKERAB bergerak aktif ke arah kecemerlangan kampung

**K**AMPUNG Bunut ialah sebuah kampung dalam Mukim Kilanas di Daerah Brunei dan Muara. Ia juga merupakan salah satu kawasan dalam ibu negara Bandar Seri Begawan.

Pada masa ini, Kampung Bunut di bawah pentadbiran Pemangku Ketua Kampung Tasek Meradun / Kampung Bunut, iaitu Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Haji Matarsad yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung (MPK) Tasek Meradun / Kampung Bunut.

## Prasarana

Antara prasarana dan kemudahan yang terdapat di kampung ini ialah bekalan elektrik, air, Masjid Kampung Bunut, Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut, Klinik Kesihatan Jubli Emas Kampung Bunut dan Pejabat Pos Bunut. Kemajuan kampung ini menyebabkan beberapa buah kedai, pasar raya, restoran juga banyak didirikan. Begitu juga dengan stesen minyak untuk kemudahan orang ramai.

## Aktiviti Kampung

Penduduk yang tinggal di kampung ini juga sering mengadakan aktiviti-aktiviti melalui MPK, seperti aktiviti keagamaan yang biasanya dilakukan di masjid kampung berkenaan. Begitu juga apabila tiba bulan Ramadan, satu kawasan terbuka berdekatan dengan Masjid Kampung Bunut akan dijadikan Gerai Ramadan yang menjual bermacam-macam juadah untuk terbuka.

Selain itu, beberapa aktiviti yang sering dikendalikan oleh MPK banyak diadakan di masjid Kampung Bunut.

## IKERAB

Pelbagai program berbentuk perekonomian kampung bagi meningkatkan sara diri penduduk kampung, bidang keagamaan dan kemasyarakatan juga memperkasa belia kampung berkenaan dilaksanakan menjadikannya sebuah kampung yang seiring dengan kampung-kampung lain bergerak maju ke hadapan.

Selain MPK yang menggalas tugas dan tanggungjawab dalam memeduli hal ehwal penduduk kampung, ia juga mempunyai persatuan belianya sendiri, iaitu Ikatan Persatuan Belia Bunut (IKERAB).

Menurut Pengerusi Tetap IKERAB, Pengiran Wahab bin Pengiran Haji Ibrahim, IKERAB yang ditubuhkan sejak tahun 1967 juga giat menganjurkan pelbagai aktiviti bersama-sama MPK, Ahli Majlis Takmir Masjid dan Muslimah Masjid dalam sama-sama mendukung dan memajukan lagi kampung berkenaan.

Antara kegiatan tahunan yang dianjurkan oleh IKERAB, termasuk Pertandingan Azan dan Iqamat Senegara, Penyampaian Derma Anak-anak Yatim, menganjurkan ibadah korban juga pertandingan sukan.

Menceritakan mengenai visi dan misi persatuan tersebut, Pengiran Wahab berkata, semasa permulaan IKERAB (generasi pertama), fokusnya pada ketika itu adalah untuk menyatupadukan penduduk kampung dan belia-belia kampung manakala generasi kedua pada masa ini pula menumpukan kepada meningkatkan segi perekonomian.

Setiap tahun pada bulan Ramadan, MPK kampung tersebut dengan kerjasama IKERAB turut mengadakan Gerai Ramadan, yang disertai oleh para belia kampung untuk berniaga.

Di samping itu, dalam usaha mendidik golongan belia akan kepentingan menjaga kebersihan sungai juga kehijauan hutan bakau serta mengekalkan kehidupan burung dan binatang, termasuk pembiakan ikan dan udang agar tidak pupus, IKERAB melaksanakan inisiatif melepaskan benih-benih udang dan Ikan Selungsong, di kawasan sungai persekitaran Makam di Luba pada tahun 2015 lalu.

Inisiatif tersebut adalah juga sebagai usaha memangkin dan mengatur hala tuju para belia untuk lebih proaktif, di samping memiliki jati diri yang baik juga menjadi amalan warisan budaya melalui bergotong-royong, hormat-menghormati, tidak *camah* mata untuk menghulurkan bantuan.

Untuk meningkatkan lagi perekonomian dan membantu segi pelancongan, IKERAB jelas Pengiran Wahab juga mempunyai hasrat untuk membuat sangkar ikan terapung dengan kemudahan chalet, di mana orang ramai boleh bermalam sambil memancing ikan.

"Ini adalah salah satu perancangan dan visi persatuan namun perbelanjaan untuk merealisasikan hasrat ini bukanlah jumlah yang kecil. Jika ia tercapai suatu hari nanti, maka ia juga boleh memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak

belia kitani," ujar beliau.

Dalam pada itu, persatuan ini melalui inisiatif Bendaharinya, Awang Haji Kamaluddin bin Haji Abd. Ghani turut membuat 'Group WhatsApp - Kubur Ku Ceria', di mana jika terjadinya acara duka, para belia kampung berkenaan akan terus dimaklumkan melalui WhatsApp dan mereka akan hadir bagi sama-sama membantu menguruskan jenazah.

Menurut Awang Haji Kamaluddin, para belia dari kecil hinggalah dewasa menyertai Kursus Fardu Kifayah yang dianjurkan di masjid kampung berkenaan dan dari sana mereka telah dididik mengenai asas pengurusan jenazah dan sebagainya.

Oleh itu, jika ada orang yang kembali ke rahmatullah di kampung berkenaan, maka mereka tidak perlu mencari orang luar lagi kerana para belia berkenaan sudah boleh menguruskan jenazah.

Sementara itu, Awang Haji Adanan bin Haji Mohd. Salleh yang juga selaku mantan Pengerusi IKERAB berharap melalui IKERAB, mereka akan dapat mendidik belia-belia di kampung tersebut supaya akan dapat memajukan lagi kampung dan mengadakan aktiviti-aktiviti yang berfaedah demi menyahut seruan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di mana belia adalah aset negara dan bukan beban kepada negara.

# Kampung Bengkurong, Sinarubai, Burong Lepas pesat membangun



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Azmah Haji Ahad

**B**ENGKURONG, Sinarubai dan Burong Lepas adalah antara kampung-kampung di bawah tadahan Mukim Kilanas dan ditadbir oleh seorang Ketua Kampung, Awang Haji Talib bin Haji Bakar pada masa ini.

Ketiga-tiga buah kampung berkenaan juga tidak ketinggalan mempunyai prasarana dan infrastruktur yang dinaik taraf demi kepentingan bersama, selain daripada persekitaran geografinya dengan keindahan pokok bakau yang masih kekal hijau dan terpelihara. Bukan itu sahaja, terdapatnya hidupan binatang liar juga dapat disaksikan, iaitu spesies Monyet Belanda atau Bangkatan (Proboscis Monkey), di tebing Sungai Damuan, di kawasan Kampung Bengkurong dan berpotensi menjadi daya tarikan pelancong luar negara yang bertandang ke negara ini.

Menurut perangkaan statistik jumlah penduduk yang diberikan pada tahun 2016, Kampung Bengkurong, berjumlah seramai 3,583 orang juga Kampung Sinarubai dan Kampung Burong Lepas, masing-masing seramai 2,319 dan 395 orang.

## Aktiviti Majlis Perundingan Kampung (MPK)

Ahli-ahli MPK terdiri daripada kalangan para penduduk Kampung Bengkurong, Sinarubai dan Burong Lepas. Pelbagai aktiviti dan projek kampung dirancang serta dilaksanakan dengan kerjasama beberapa agensi yang berkepentingan, seperti penubuhan Pengawasan Kejiranan bersama Pasukan Polis Diraja Brunei, yang antara lain bertujuan untuk menanamkan kefahaman dan memupuk kesedaran kalangan orang ramai tentang kepentingan ke arah sama-sama bertanggungjawab menjaga keamanan dan kestabilan negara.

Selain itu, MPK juga giat bekerjasama dengan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Bengkurong bagi mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan, seperti Majlis Korban,

Tahlil Arwah Sekampung, Pertandingan Azan dan membaca surah-surah lazim.

Kemudahan seperti Dewan Kemasyarakatan Mukim Kilanas yang terletak di Kampung Bengkurong turut dimanfaatkan oleh MPK dan para penduduk kampung juga sekitarnya bagi mengadakan apa jua aktiviti kemasyarakatan, kegiatan sukan ataupun kenduri perkahwinan.

## Kongsi Pengalaman Ternak Kelulut

Beberapa orang Ahli MPK di kampung-kampung berkenaan juga tidak ketinggalan mengusahakan ternakan Madu Kelulut yang sudah tidak asing dengan keenakan rasa manis dan khasiatnya dalam penjagaan kesihatan juga permintaan madu berkenaan yang semakin berkembang dan ramai dalam kalangan para penggemarnya, seperti jenis Madu Itama dan Tuma.

Pendekatan bersama beberapa pengusaha Madu Kelulut, Awang Jahari bin Haji Tamit ketika ditemu bual menceritakan bahawa beliau mula berjinak-berjinak dalam bidang ini sekadar hobi sahaja sejak empat tahun lalu dan menternak di kawasan berdekatan kediamannya di Kampung Burong Lepas.

Setelah mendapat manfaat kesihatan daripada mengamalkan Madu Kelulut untuk diri sendiri dan keluarga, beliau mula memperkenalkan Madu Kelulutnya kepada rakan, kenalan dan penduduk kampung di sekitarnya dan menerima permintaan secara tempahan. Sehingga kini beliau sudah mempunyai 60 log sarang Kelulut.

Sementara itu, Awang Abd. Rahman bin Haji Mustapa turut mengongsikan kisah yang sama apabila memulai ternakan Kelulut sejak dua tahun lepas sebagai mengisi masa lapang di halaman kediamannya di Kampung Bengkurong. Di samping mendapat manfaat khasiat Madu Kelulut dari sudut penjagaan kesihatan, beliau juga dapat menambah

pendapatan daripada hasil jualan dan sehingga kini beliau sudah mempunyai 50 log sarang Kelulut. Selain Madu Kelulut, beliau juga aktif mengusahakan produk bawang dan halia kisar.

Manakala bagi Awang Haji Ismail pula, mengambil inisiatif sendiri menternak Kelulut sejak lima tahun lepas di halaman kediamannya, di Kampung Burong Lepas dan hingga kini sudah mempunyai 38 log sarang kelulut. Beliau juga pernah mengikuti kursus asas menternak Kelulut pada tahun 2016 di negara jiran bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mengenai ternakan Kelulut.

Apa yang uniknya ialah tumbuhan yang ditanam di sekitar sarang Kelulut berkenaan bukan sahaja bunga-bunga yang biasa menjadi makanan kegemaran lebah Kelulut, tetapi juga termasuk pokok herba yang sudah terkenal dengan khasiatnya, seperti Pokok Durian Belanda, Mahkota Dewa dan Mengkudu bagi menghasilkan kelainan rasa madu dan khasiatnya. Madu berkenaan juga akan dituai setiap sebulan sekali bagi setiap log mengikut musim dengan menggunakan mesin penyedut Hampagas. Kaedah menuai juga lazimnya akan dibuat di sebelah pagi dan penghasilan Madu Kelulut dikatakan lebih banyak ketika musim kemarau berbanding pada musim hujan.

## Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam

Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Bengkurong merupakan sebuah badan amal bukan kerajaan dan tidak berasaskan keuntungan menyediakan pembelajaran khas yang bermutu, latihan,

pemeduliaan dan perkhidmatan pemulihan anggota kepada insan-insan istimewa di negara ini. Dalam usaha untuk mendekatkan diri kepada masyarakat, pusat ini giat mengukuhkan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan keagamaan. Dari segi infrastruktur, pusat ini banyak melalui perubahan yang menjadikan pusat tersebut relevan dengan kehendak semasa dalam memberi perkhidmatan yang berkesan kepada orang-orang yang berkeperluan khas.

## Agensi-Agensi Kerajaan / Lain-Lain Infrastruktur

Selain daripada premis-premis perniagaan, terdapat beberapa agensi-agensi kerajaan di kampung berkenaan, seperti Bahagian Mekanikal JKR, Pusat Kalibrasi Ukur Bengkel Jabatan Ukur, Unified National Networks (UNN), flat-flat kerajaan, tapak perindustrian ringan dan sebagainya.

Dari segi pendidikan pula, pihak kerajaan menyediakan dengan menubuhkan Sekolah Rendah Bengkurong, Kluster II dan Sekolah Ugama Pengiran Muda 'Abdul Malik Bengkurong bagi para penduduk kampung di sekitarnya dan Masjid Kampung Bengkurong juga disediakan bagi aktiviti keagamaan dan peribadatan umat Islam.

Penduduk di Kampung Bengkurong, Sinarubai dan Burong Lepas sentiasa mengamalkan sikap bekerjasama dan bergotong royong dalam membuat aktiviti-aktiviti kampung. Sikap seperti ini menjadikan keharmonian yang berterusan ke arah kesejahteraan dan keamanan kampung.



# Korea Selatan tawar bantuan tambahan US\$12 juta bantu 32 negara bendung COVID-19



SEOUL, 16 Julai. - Korea Selatan bercadang menawarkan bantuan kemanusiaan tambahan bernilai US\$12 juta, bertujuan membantu 32 negara memerangi COVID-19, sebagai usaha global memerangi wabak itu, kata kementerian luar pada Khamis.

Program baharu itu sebagai

tambahan kepada bantuan awal Seoul sebanyak \$41 juta untuk 97 negara, lapor agensi berita Yonhap.

Di bawah program berkenaan, Seoul akan menyediakan pelitup muka, kit ujian COVID-19 dan peralatan antivirus lain di negara-negara tersebut.

"Berdasarkan penilaian komprehensif kami mengenai trend COVID-19 dan sejauh mana ia menjejaskan setiap negara, kerajaan merancang untuk terlibat secara aktif dalam usaha masyarakat antarabangsa menghadapi krisis COVID-19," kata kementerian itu dalam

kenyataan media.

Penerima program terbaharu termasuk Brazil, Iraq, Afghanistan dan negara-negara lain yang sosioekonominya terjejas teruk

akibat bencana kesihatan global itu. Program itu menjadikan jumlah keseluruhan penerima bantuan COVID-19 Korea kepada 108. - ©BERNAMA

## Kes COVID-19 di Amerika Latin melepasi 3.5 juta

BOGOTA, 16 Julai. - Kes COVID-19 di Amerika Latin terus melonjak, setakat ini sudah melebihi 3.5 juta dan 150,000 kematian dicatatkan, lapor agensi berita Anadolu.

Rantau itu melaporkan hampir 65,000 kes harian dan sejuta kes jangkitan dalam masa lebih dua minggu.

Brazil melaporkan hampir dua juta jangkitan, Mexico 311,000 diikuti Peru dan Chile.

Keempat-empat negara itu tersenarai di antara 10 negara paling teruk terjejas di dunia.

Presiden Jair Bolsonaro diuji positif sekali lagi, lapor media pada Rabu.

Beliau pertama kali mengumumkan dijangkiti virus itu pada 7 Julai. Beliau dilaporkan mengambil hydroxychloroquine, ubat yang belum terbukti berkesan melawan virus maut itu.

Bolsonaro memberitahu wartawan dalam masa beberapa hari lagi beliau akan menjalani saringan sekali lagi.

Brazil mencatatkan 1,233 lagi kematian dan 39,924 kes

baharu, menurut pegawai kesihatan.

Di Mexico, anggota keluarga kesatuan kakitangan awam Mexico City meninggal dunia akibat COVID-19 selepas mendapat jangkitan dalam kalangan saudara.

"Ada yang mendapat akses kepada saringan COVID-19 dan ada yang tidak," kata Datuk Bandar Claudia Sheinbaum pada sidang media.

Kes di Mexico melepasi angka 311,000 dengan 36,000 kematian. - ©BERNAMA

## AS : Akaun Twitter beberapa tokoh terkemuka digodam

WASHINGTON, 16 Julai. - Akaun Twitter beberapa individu dan tokoh terkenal termasuk pemuzik Kanye West, pakar teknologi Elon Musk dan ahli politik Joe Biden telah digodam, lapor agensi berita Anadolu.

Turut digodam akaun bekas

Presiden Barack Obama, pemilik Amazon Jeff Bezos, ahli perniagaan Warren Buffet dan bekas Datuk Bandar New York City Michael Bloomberg.

Pihak Twitter pada Rabu berkata laman web microblogging 'menyedari mengenai insiden itu

yang menjejaskan akaun di Twitter'.

"Kami sedang menyiasat dan mengambil langkah untuk mengatasi masalah itu. Kami akan memberikan maklumat terkini secepat mungkin," katanya. - ©BERNAMA

## Serbia, Kosovo sambung kembali dialog, selepas 20 bulan tertangguh

BELGRADE, 17 Julai - Perbincangan antara Serbia dan Kosovo disambung semula pada Khamis setelah 20 bulan ditangguhkan, lapor Agensi Berita Anadolu.

Presiden Serbia Aleksandar Vucic, Perdana Menteri Kosovo Avdullah Hoti dan Wakil Khas Dialog Belgrade-Pristina Miroslav Lajcak menghadiri pertemuan selama sejam itu yang dianjurkan di Brussels oleh Ketua Dasar Luar EU, Josep Borrell.

Vucic berkata tiada pilihan penyelesaian yang luar biasa ditawarkan kepada mana-mana pihak tetapi perbincangan akan diteruskan.

Beliau berkata perbincangan tidak mudah tetapi kemajuan dibuat mengenai orang hilang, orang hilang tempat tinggal dan ekonomi.

Serbia bersedia bekerjasama mencari lebih 1,600 orang hilang, satu masalah yang belum dapat diselesaikan sejak perang di Kosovo dari 1998 hingga 1999, katanya.

"Tidak mengapa, tetapi mereka harus membuka arkib Tentera Pembebasan Kosovo (UCK)

supaya kita dapat melihat di mana orang Serbia dan orang bukan Albania terbunuh," kata Vucic.

Hoti berkata satu-satunya jalan keluar untuk memulihkan hubungan adalah saling mengiktiraf Serbia dan Kosovo, dan pertemuan itu tertumpu kepada orang hilang dan kerjasama ekonomi.

"Saya yakin kita berpeluang membuat kemajuan kerana kita mendapat sokongan dari negara-negara utama EU dan orang tengah, Lajcak," menurut Hoti, yang berpendapat paling penting ialah adanya kemahuan politik untuk mengakhiri proses itu pada masa akan datang.

Sebelum pertemuan itu, Borrell menekankan matlamatnya adalah untuk memulai kembali usaha serius dan intensif, membolehkan hubungan kedua-dua kembali seperti biasa dan EU menyokong usaha mencapai kesepakatan komprehensif serta berorientasikan hasil.

"Isu yang tidak dapat diselesaikan itu mengganggu perkembangan hubungan kedua-dua pihak. Kami sedar ini bukan proses mudah. Tidak pernah

mudah," kata Borrell.

Dialog antara Serbia dan Kosovo bermula pada 2011 setelah Kosovo mengisytiharkan kemerdekaan dari Serbia pada 2008.

Disebabkan Belgrade tegas mengatakan ia sebahagian dari Serbia, EU memulakan rundingan.

Bagaimanapun, berikutan krisis politik antara kedua-dua pemerintah, perbincangan sering tertangguh.

Kosovo mengenakan duti 100 peratus ke atas produk yang diimport dari Serbia, Bosnia dan Herzegovina sehingga Serbia mengakui kemerdekaannya.

Walaupun EU dan AS mendesak Kosovo menarik balik keputusan percukaian secepat mungkin, Kosovo terus mengabaikan permintaan tersebut.

Awal bulan ini, Kosovo mengumumkan larangan pegawai Serbia memasuki negara itu.

Kemerdekaan Kosovo diakui lebih 100 negara, termasuk AS, Britain, Perancis, Jerman dan Turki. Negara yang belum mengiktiraf kemerdekaannya termasuk Serbia, Rusia dan China. - ©BERNAMA

## Lagi kes COVID-19 babitkan kluster kapal Rusia dilaporkan di Busan

BUSAN, 16 Julai. - Tiga kru kapal Rusia yang berlabuh di bandar pelabuhan tenggara Busan, Korea Selatan disahkan positif COVID-19.

Kapal itu memasuki Pelabuhan Gamcheon di Busan pada bulan lalu, menurut pihak berkuasa kesihatan bandar raya itu pada Khamis.

Lebih banyak kes mungkin akan dilaporkan memandangkan kapal itu membawa 29 kru. Hasil ujian ke atas kru lain, dijangka diumumkan tidak lama lagi, lapor agensi berita Yonhap.

Awal minggu ini, seorang kru satu lagi kapal Rusia di bawah bendera Tuvalu, berlabuh di Pelabuhan Gamcheon juga diuji positif COVID-19. Sementara 43 anak kapal yang lain didapati negatif, namun, saringan kali kedua akan dilakukan selepas mereka menjalani kuarantin selama dua minggu sehingga 28 Julai.

Kes terbaharu membabitkan kluster kapal Rusia pada bulan lalu, menyebabkan pihak berkuasa kesihatan di Busan mengambil langkah berjaga-jaga, 19 kes berkaitan kluster itu dilaporkan.

Sejak itu, Korea Selatan menjalankan pemeriksaan terhadap kapal asing yang tiba dari negara berisiko tinggi. - ©BERNAMA

## 7 maut dalam nahas udara di Turki

VAN (Turki), 16 Julai. - Tujuh anggota keselamatan maut dalam nahas udara di wilayah Van, timur Turki, lapor agensi berita Anadolu memetik Menteri Dalam Negeri pada Khamis.

Nahas berlaku apabila pesawat yang membawa mereka terhempas di kawasan pergunungan.

"Kami kehilangan tujuh anggota, dua daripada mereka adalah juruterbang," kata menteri Suleyman Soyulu.

Pesawat itu terhempas pada ketinggian 2,200 meter di Gunung Artos, tambah Soyulu.

Pesawat malang itu berlepas dari Lapangan Terbang Van Ferit Melen pada 6.35 petang waktu tempatan (1535GMT).

Soyulu berkata pesawat model 2015 itu sedang menjalankan kerja-kerja pengawasan dan meninjau wilayah Van dan Hakkari.

Kali terakhir juruterbang menghubungi menara kawalan ketika berada di sekitar daerah Baskale pada 10.32 malam (1932GMT) sebelum terputus hubungan kira-kira pukul 10.45 malam (1945GMT). - ©BERNAMA

## PM Tunisia letak jawatan, enam menteri dipecat

TUNIS, 16 Julai. - Kerajaan Tunisia pada Rabu mengumumkan keenam-enam menteri dari Parti Islam Ennahda (Renaissance) dipecat, lapor agensi berita Xinhua.

Keputusan itu diumumkan beberapa jam selepas Perdana Menteri Elyes Fakhfakh menyerahkan surat peletakan jawatannya kepada Presiden Kais Saied.

Fakhfakh akan memegang jawatan itu sehingga kerajaan baharu dibentuk, menurut kenyataan kerajaan.

Beberapa hari lalu, Ennahda, parti yang mempunyai majoriti di parlimen, membuat keputusan untuk tidak lagi menyokong kerajaan pimpinan Fakhfakh.

Dengan memiliki 54 kerusi parlimen, parti itu baru-baru ini menyuarakan hasrat untuk meminta Fakhfakh berundur, kerana 'konflik kepentingan dan penyalahgunaan kuasa'. - ©BERNAMA



# AS batal peraturan baharu babitkan pelajar antarabangsa

WASHINGTON, 15 Julai - Amerika Syarikat (AS) membatalkan peraturan baharu yang tidak membenarkan pelajar antarabangsa tinggal di negara itu, jika kursus diadakan secara dalam talian untuk semester akan datang.

Perintah berkenaan dikeluarkan hakim persekutuan Allison Burroughs pada Selasa susulan tuntutan difailkan minggu lalu oleh Universiti Harvard dan Institut Teknologi Massachusetts (MIT) terhadap peraturan baharu kerajaan persekutuan itu, lapor agensi berita Xinhua.

Peraturan itu diumumkan

Penguatkuasaan Imigresen dan Kastam (ICE) pada 6 Julai tetapi masih belum dilaksanakan, mencetuskan kemarahan institusi pendidikan tinggi negara itu.

Di bawah peraturan baharu itu memaksa pelajar antarabangsa memilih sama ada menghadiri sekurang-kurangnya satu kelas - berpindah ke pusat pendidikan lain jika universiti mereka hanya menawarkan kursus secara dalam talian disebabkan COVID-19 - dan perlu meninggalkan AS kerana visa pelajar mereka akan dibatalkan.

Berikutan perintah mahkamah itu, ICE akan membenarkan

semula pelajar antarabangsa tinggal di AS dan mengikuti semua kelas mereka secara dalam talian

semasa wabak.

Burroughs berkata perintah mahkamah itu juga berkuat kuasa

kepada semua institusi pendidikan tinggi di seluruh negara. - ©BERNAMA

## Abbas sedia teruskan rundingan, jika Israel hentikan rancangan aneksasi

RAMALLAH, 15 Julai - Presiden Mahmoud Abbas pada Selasa berkata rakyat Palestin bersedia meneruskan rundingan damai yang tertangguh, jika Israel menghentikan rancangannya untuk aneksasi atau merampas sebahagian wilayah Tebing Barat, lapor agensi berita Xinhua.

Beliau berkata demikian dalam perbualan telefon dengan Perdana Menteri Britain Boris Johnson pada Selasa malam, memetik agensi berita Palestin

Wafa.

Pemimpin Palestin itu memberitahu Johnson, Kuartet Antarabangsa dan negara-negara lain harus menaja sebarang rundingan damai dengan Israel serta perlu bersandarkan kepada resolusi antarabangsa.

Abbas turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada Johnson yang menyokong usaha damai dan menolak rancangan Israel itu.

Dua bulan lalu Abbas

membatalkan semua perjanjian dan persefahaman yang disepakati dengan Israel dan Amerika Syarikat (AS), termasuk perjanjian keselamatan, sebagai membantah rancangan Israel.

Rundingan damai antara Israel dan Palestin terhenti sejak 2014 selepas AS menjadi penaja selama sembilan bulan tanpa mencapai sebarang kemajuan, disebabkan perbezaan Israel-Palestin mengenai isu berkaitan keselamatan dan sempadan. - ©BERNAMA

## Korea Selatan perkenal sistem amaran di kawasan pantai

SEJONG, 15 Julai - Korea Selatan akan mengguna pakai sistem amaran di 50 pantai utama di negara itu, bertujuan melarang pengunjung tambahan berada di kawasan yang terlalu ramai, dalam usaha untuk membendung penularan wabak COVID-19.

Di bawah sistem itu, pihak berkuasa akan mengeluarkan amaran "merah" apabila bilangan pengunjung di pantai melebihi jumlah ditetapkan untuk memastikan penjarakan sosial dapat dipatuhi, menurut Kementerian Laut dan Perikanan pada Rabu.

Perkhidmatan menyewa peralatan pantai juga ditangguhkan, lapor agensi berita Yonhap.

Kerajaan juga memberi pilihan kepada pihak pengurusan pantai mengeluarkan amaran "kuning" untuk memberitahu pengunjung supaya memilih lokasi lain yang berdekatan.

Bermula 25 Julai, pelancong dilarang makan atau minum di pantai pada waktu malam. Mereka yang melanggar peraturan itu boleh didenda sehingga 3 juta won (US\$2,497) di bawah undang-undang kawalan penyakit.

Berikutan sekatan perjalanan antarabangsa, penduduk Korea Selatan menghabiskan cuti musim panas di dalam negara, menyaksikan kira-kira 200 pantai di seluruh negara dibuka kepada pengunjung. - ©BERNAMA

## Langgar privasi pengguna, Korea Selatan denda TikTok

SEOUL, 15 Julai - Suruhanjaya Komunikasi Korea (KCC) mendenda platform perkongsian video TikTok Pte Ltd. sebanyak 186 juta won (US\$155,000) kerana menyalahgunakan data pengguna, di tengah-tengah peningkatan kebimbangan global terhadap privasi perkhidmatan media sosial.

KCC pada Rabu berkata aplikasi media sosial popular dalam kalangan remaja itu didapati melanggar undang-undang telekomunikasi tempatan apabila mengumpul data kanak-kanak di bawah usia 14 tahun tanpa persetujuan ibu bapa, dan tidak memaklumkan pengguna mengenai pemindahan data peribadi ke luar negara, lapor agensi berita Yonhap.

TikTok secara tidak sah mengumpulkan 6,000 data pengguna selain memindahkan data pengguna tempatan ke pelayannya di Amerika Syarikat (AS) dan Singapura.

KCC telah menjalankan siasatan terhadap TikTok sejak Oktober tahun lalu, selepas AS mendenda syarikat itu sebanyak US\$5.7 juta pada Februari tahun sama kerana mengumpulkan data kanak-kanak secara haram.

Tindakan itu memberikan tamparan terbaharu kepada platform media sosial global milik China itu.

Menurut WiseApp, pada Disember tahun lalu aplikasi itu mempunyai 3.4 juta pengguna di Korea Selatan. Platform itu mempunyai ramai pengikut dalam kalangan remaja sejak dilancarkan pada 2017 di negara ini, turut digunakan banyak kumpulan dan artis K-pop.

TikTok dimuat turun lebih 2 bilion kali di seluruh dunia pada suku pertama tahun ini, menurut Sensor Tower. - ©BERNAMA

## Korban akibat hujan lebat di Jepun meningkat kepada 76, 13 masih hilang

TOKYO, 15 Julai - Angka korban dalam kejadian tanah runtuh dan banjir yang melanda Jepun sejak awal Julai bertambah kepada 76 orang, misi mencari dan menyelamatkan 13 yang hilang masih diteruskan, lapor agensi berita Sputnik, memetik NHK pada Rabu.

Seorang mangsa ditemukan dalam keadaan kritikal oleh anggota penyelamat.

Lebih 15,000 rumah rosak susulan hujan lebat di 21 wilayah di Jepun, kebanyakan yang terjejas di pulau Kyushu.

Hujan lebat dijangka berterusan sehingga minggu ini, memetik pegawai meteorologi. - ©BERNAMA

## Renjer maut, rakan cedera dalam insiden letupan bom di Pattani

PATTANI, 15 Julai - Seorang renjer maut manakala seorang lagi cedera parah dalam satu letupan bom di Daerah Mae Lan, Pattani di Selatan Thailand.

Kejadian berlaku kira-kira 7.45 pagi (waktu tempatan) semalam, apabila sebutir bom buatan sendiri tiba-tiba meletup ketika enam anggota renjer sedang

menjalankan rondaan berhampiran sebuah sekolah di Kampung Lapho.

Ketua Polis Mae Lan, Kolonel amlong Suwalak berkata bom buatan sendiri seberat 15 kilogram itu diletakkan di tepi jalan dan diaktifkan dengan menggunakan walkie-talkie.

"Letupan itu menyebabkan dua

daripada enam renjer cedera dan seorang daripadanya meninggal dunia di hospital Mae Lan," katanya.

Beliau berkata mangsa yang cedera berada dalam keadaan stabil dan sedang dirawat di Hospital Pattani.

Pihak berkuasa sedang menjejaki dalang serangan itu, katanya. - ©BERNAMA

## Thailand panggil Duta Mesir, tentera gagal patuhi kuarantin

BANGKOK, 15 Julai - Thailand memanggil Duta Mesir, Laila Ahmed Bahaaeldin, selepas anggota tentera negara itu dilaporkan gagal mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19.

Dalam satu kenyataan, Kementerian Luar Thailand berkata Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Asia Selatan, Timur Tengah dan Afrika, Dusit Manapan bertemu Laila Ahmed di kementerian itu semalam.

Dusit memaklumkan mengenai keputusan Pusat Pentadbiran Situasi COVID-19 (CCSA) yang menolak permohonan empat penerbangan tentera Mesir pada 17 dan 25 Julai.

Ia berikutan kebimbangan Thailand terhadap kejadian seorang tentera Mesir

meninggalkan hotel, tempat beliau sepatutnya menjalani kuarantin sendiri dan kemudian diuji positif COVID-19.

"Pada masa ini pihak Thailand belum memutuskan bila permintaan Kedutaan Mesir itu boleh dipertimbangkan.

"Beliau (Dusit) juga meminta Kedutaan (Mesir) untuk memastikan semua pegawai di misi itu mematuhi peraturan dan langkah-langkah pencegahan ditetapkan kerajaan untuk mengelak perkara sama berulang," katanya.

Beliau berkata duta Mesir meminta maaf atas kejadian itu dan mengulangi komitmennya untuk memastikan kejadian sama tidak berulang.

Pada Isnin, CCSA berkata seorang tentera Mesir berusia 45

tahun diuji positif COVID-19 ketika transit di lapangan terbang Rayong U-Tapao dari 8 hingga 11 Julai.

Penerbangan dengan 31 anak kapal itu tiba di Rayong pada 8 Julai dan berangkat ke Chengdu, China keesokan hari dan kembali semula pada hari sama.

Media tempatan melaporkan kumpulan itu keluar dari hotel untuk ke dua pusat beli-belah pada 10 Julai, menyebabkan ratusan penduduk terpaksa menjalani kuarantin di rumah.

Semalam, Perdana Menteri Jeneral Prayuth Chan o-cha, merangkap ketua CCSA, menyifatkan kejadian itu tidak sepatutnya berlaku dan memohon maaf kepada rakyat Thailand. - ©BERNAMA

# Trump tandatangani perintah lucut status khas Hong Kong



WASHINGTON, 15 Julai. - Presiden Donald Trump pada Selasa menandatangani perintah eksekutif untuk melucutkan status khas Hong Kong di bawah undang-undang Amerika Syarikat (AS), ketika pertikaian antara Washington dan Beijing kian memuncak, lapor agensi berita Anadolu.

"Hong Kong sekarang akan dilayan sama seperti China - tiada hak istimewa, tiada layanan khas dari sudut ekonomi, dan tiada eksport teknologi sensitif," kata Trump kepada wartawan pada

sidang media.

Trump turut menandatangani Undang-Undang Autonomi Hong Kong, yang sebelumnya telah diluluskan Kongres, antara lain memberi mandat kepada kerajaan untuk mengenakan sekatan ke atas bank yang menjalankan perniagaan dengan mana-mana individu yang ditetapkan di bawah akta itu.

Langkah itu diambil berikutan keputusan China menguatkuasakan undang-undang keselamatan Hong Kong yang mencetuskan kontroversi.

Jawatankuasa Tetap Kongres Rakyat Kebangsaan (NPC) dengan rasminya meluluskan undang-undang itu pada Jun lalu, yang kemudian ditandatangani Presiden China Xi Jinping.

Aktivis bimbang undang-undang itu akan digunakan Beijing untuk menafikan perbezaan pendapat di wilayah berkenaan.

Pada 3 Julai, seorang lelaki berusia 23 tahun di Hong Kong dituduh melakukan aktiviti keganasan dan menyokong pemisahan, menjadi individu

pertama didakwa di bawah undang-undang keselamatan baharu itu.

Hong Kong adalah wilayah separa autonomi yang menjadi sebahagian China sejak 1997, ketika United Kingdom menyerahkan bekas jajahan itu kepada Beijing.

Sejak tahun lalu, Hong Kong dibelenggu protes besar-besaran kerana membantah rang undang-undang ekstradisi.

Golongan yang menentang rang

undang-undang itu mendakwa ia akan menyebabkan Hong Kong 'mati' kerana mana-mana aktivis hak asasi manusia atau anggota badan bukan kerajaan yang aktiviti mereka tidak disukai Beijing berdepan risiko akan diekstradisi atau dianiaya.

Sementara itu, pihak berkuasa Hong Kong turut melarang sekolah menyanyikan lagu-lagu yang mempunyai unsur protes.

- ©BERNAMA

## India rancang laksana *air bubble*

NEW DELHI, 17 Julai. - India sedang membuat perancangan melaksanakan *air bubble* dengan banyak negara untuk menghidupkan kembali perjalanan antarabangsa di beberapa buah laluan, ketika negara itu terus memindahkan warganya dari seluruh dunia di tengah-tengah pergolakan COVID-19.

Dalam inisiatif untuk memperluas penerbangan antarabangsa, *air bubble* dengan Amerika Syarikat, Emiriah Arab Bersatu, Perancis dan Jerman sedang dibuat dan beberapa lagi negara lain, Menteri Penerbangan Awam Hardeep Singh Puri berkata dalam catatan media sosial.

Di bawah perancangan itu membolehkan syarikat dari negara-negara ini mengendalikan penerbangan dari dan ke India bersama dengan syarikat penerbangan India. "Saya pasti ini akan bermanfaat bagi warganegara kita yang mengalami tekanan dan kesukaran di luar negara atau mereka yang ingin keluar," kata Puri.

India telah memindahkan 687,000 warganya dari negara lain sehingga 16 Julai di bawah misi 'Vande Bharat', dilancarkan pada Mei untuk membantu mereka dalam kesukaran akibat penularan jangkitan wabak COVID-19. Warga yang kembali termasuk lebih 100,000 melintasi sempadan

darat Nepal, Bhutan dan Bangladesh, dan 3,789 dipindahkan dengan kapal tentera laut India dari Maldives, Sri Lanka serta Iran.

Sebilangan besar penerbangan pemindahan, dikendalikan berdasarkan pembayaran, dilakukan syarikat penerbangan nasional Air India, tetapi syarikat penerbangan tempatan dan juga syarikat penerbangan asing turut serta dalam pemindahan tersebut. Dari Malaysia, 4,679 orang rakyat India pulang dengan penerbangan seperti itu antara 9 Mei dan 11 Julai, kata Suruhanjaya Tinggi India di Kuala Lumpur baru-baru ini. - ©BERNAMA

## Kes COVID-19 di India kini melebihi sejuta, 25,000 orang maut

NEW DELHI, 17 Julai. - Jumlah kes COVID-19 di India melepasi sejuta pada Jumaat manakala angka korban melebihi 25,000 orang, lapor agensi berita Xinhua memetik data Kementerian Kesihatan persekutuan. Kementerian berkenaan berkata virus itu meragut 687 lagi nyawa dan 34,956 kes baharu dilaporkan dalam tempoh 24 jam lalu. Jumlah pesakit yang meninggal dunia mencecah 25,602 orang dan jumlah kes jangkitan sebanyak 1,003,832. Ia lonjakan tertinggi

jumlah kes baharu untuk tempoh sehari setakat ini.

Menurut pegawai Kementerian, sehingga kini 635,757 orang pesakit didiscaj dan jumlah kes aktif sebanyak 342,473. Negara ini sudah memasuki fasa "Unlock 2.0", namun sekatan sepenuhnya masih dikenakan di zon pembendungan. Penerbangan antarabangsa komersial keluar dan masuk, di India masih ditangguhkan sehingga 31 Julai. Minggu lalu, kerajaan Uttar Pradesh,

negara paling ramai penduduk, memutuskan untuk mengenakan sekatan pergerakan hujung minggu, bermula Jumaat malam hingga Isnin pagi.

Negara jiran Bihar, juga padat dengan penduduk, mengenakan sekatan pergerakan dari 16 hingga 31 Julai. Memandangkan peningkatan jumlah kes baharu setiap hari, beberapa buah negeri lain mempertimbangkan untuk menguatkuasakan semula sekatan pergerakan. - ©BERNAMA

## Trump umum Bill Stepien sebagai pengurus baharu kempen

WASHINGTON, 16 Julai. - Presiden Donald Trump mengumumkan Bill Stepien sebagai pengurus baharu kempen dan bukannya Brad Pascale, kira-kira tiga bulan setengah sebelum pilihan raya presiden berlangsung, lapor agensi berita Sputnik. "Saya dengan senang hati mengumumkan Bill Stepien dilantik sebagai Pengurus Kempen Trump. Brad Pascale, yang telah lama bersama saya dan memimpin strategi digital dan data kami yang luar biasa, akan tetap memegang peranan itu, selain menjadi penasihat kanan," tulis Trump di

laman Facebook pada lewat hari Rabu.

Presiden Amerika Syarikat (AS) itu percaya pasukannya akan berjaya sekali lagi melakar kemenangan sama seperti kempen pilihan raya pada 2016. "Kedua-duanya terlibat sepenuhnya dalam kemenangan bersejarah kami pada 2016, dan saya berharap dapat memperoleh kemenangan yang besar untuk kali kedua. Ia semestinya jauh lebih mudah kerana berdasarkan tinjauan jumlah kami meningkat dengan pantas, ekonomi semakin baik, vaksin

dan terapi tidak lama lagi akan ditemui, dan rakyat Amerika mahukan jalan dan komuniti yang selamat!," tambah Trump.

Menurut laporan media Politico, Stepien - yang rapat dengan menantu Trump dan Penasihat Kanan Presiden Jared Kushner menyertai kempen presiden pada 2016. Pada 2017, beliau menjadi pengarah politik Rumah Putih, manakala baru-baru ini memegang jawatan Timbalan Pengurus Kempen. Pilihan raya presiden AS dijadualkan pada 3 November. - ©BERNAMA

## Isu sekatan udara, ICJ sokong Qatar

THE HAGUE, 15 Julai. - Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada Selasa menyokong Qatar mengenai sekatan udara yang dikenakan ke atas Doha oleh Bahrain, Mesir, Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu (UAE), lapor agensi berita Anadolu.

ICJ dalam satu kenyataan menolak rayuan empat negara Arab itu terhadap bidang kuasa Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) atas pertikaian sekatan udara.

Mahkamah itu juga memutuskan ICAO mempunyai 'kuasa' dan kes itu 'boleh diterima', yang mendapati sekatan laluan udara terhadap Qatar melanggar Konvensyen Penerbangan Awam Antarabangsa (Konvensyen Chicago), tambahnya.

Pada 5 Jun 2017, Arab Saudi, UAE, Bahrain dan Mesir memutuskan hubungan diplomatik dengan Qatar dan mengenakan sekatan darat, laut dan udara.

Empat negara itu menuduh Doha 'menyokong keganasan', satu tuduhan yang dinafikan sekeras-kerasnya oleh Qatar, dan menyifatkan sekatan yang diketuai Arab Saudi itu mencabuli undang-undang antarabangsa.

Selama tiga tahun, Kuwait yang bertindak sebagai orang tengah berusaha menyelesaikan pertikaian itu, namun, setakat ini gagal membuahkan hasil. - ©BERNAMA

## COVID-19 : Afrika Selatan catat 216 kematian, tertinggi dalam masa sehari

CAPE TOWN, 17 Julai. - Virus COVID-19 di Afrika Selatan meragut 216 lagi nyawa, tertinggi dilaporkan dalam tempoh 24 jam lalu, menjadikan angka korban keseluruhan seramai 4,669, lapor agensi berita Xinhua, memetik Kementerian Kesihatan negara itu. Sementara itu, keseluruhan jangkitan sebanyak 324,221 pertambahan sebanyak 13,172 lagi kes, kata Menteri Kesihatan Zweli Mkhize. Gauteng, wilayah terkecil tetapi padat dengan penduduk, paling teruk terjejas berbanding kesemua sembilan buah wilayah.

Wilayah itu mencatatkan 5,181 kes baharu meningkatkan jumlah jangkitan menjadi 117,895. Mkhize berkata jumlah kes sembuh di seluruh negara mencecah 165,591. Sehingga kini, Afrika Selatan sudah menjalankan 2,324,923 ujian saringan COVID-19, terbaru sebanyak 46,796 ujian, tambah beliau. Afrika Selatan, negara paling teruk diancam jangkitan wabak COVID-19 di benua Afrika, mengatasi Britain dan Sepanyol dalam tempoh 48 jam lalu. Di seluruh dunia negara ini berada di kedudukan kelapan dalam jumlah jangkitan dan kelima untuk kes aktif. Bagaimanapun, kadar kematian antara terendah di seluruh dunia. - ©BERNAMA

## Gempa bermagnitud 7.3 gegar Kokoda, Papua New Guinea

HONG KONG, 17 Julai - Gempa bumi berkekuatan 7.3 pada skala Richter menggegarkan Kokoda, Papua New Guinea pada 02:50:24 GMT, Jumaat, lapor agensi berita Xinhua, memetik Kajian Geologi Amerika Syarikat. Pusat gempa, dengan kedalaman 85 kilometer, pada 7.8 darjah lintang dan 147.7 darjah timur. - ©BERNAMA



## 4 terima Sijil Masyarakat Berjasa



Siaran Akhbar dan Foto :  
Jabatan Bomba dan Penyelamat

ePaper Pelita Brunei

JABATAN Bomba dan Penyelamat (JBP) melalui Cawangan Operasi 'G' mengadakan Majlis Penyerahan Sijil Masyarakat Berjasa kepada empat orang individu yang berjaya memadamkan insiden kebakaran sebuah unit kedai di Kompleks Utama Bumiputera, Pekan Bangar pada sesi bergambar ramai.

**TEMBURONG**, Khamis, 16 Julai. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) melalui Cawangan Operasi 'G' mengadakan Majlis Penyerahan Sijil Masyarakat Berjasa kepada empat orang individu yang berjaya memadamkan insiden kebakaran

sebuah unit kedai di Kompleks Utama Bumiputera, Pekan Bangar pada 11 Julai lalu.

Majlis tersebut berlangsung di Balai Bomba Bangar dan disampaikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong,

Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim kepada 16978, SJN Mohammad Hildy bin Wahaja, Joraidi @ Puasa bin Labar, Pengiran Maswirasyahmi bin Pengiran Momin dan Roslan bin Duah.

Juga hadir bagi menyaksikan penyampaian sijil tersebut ialah Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi 'G' Awang Haji Afiq bin Haji Julah dan wakil dari Markas Khidmat Bomba dan Keselamatan, Tentera Darat Diraja Brunei, 14096 SSJN Hamdani bin Ibrahim.

Sehubungan itu, JBP menyarankan kepada orang ramai untuk sentiasa memastikan premis kedai dilengkapi dengan peralatan keselamatan iaitu alat pemadam api ringan jenis debu kering 4kg

dan selimut api (*fire blanket*).

Selain itu, pemilik premis juga memastikan untuk menutup (*switch off*) mana-mana suis peralatan elektrik selepas digunakan atau sebelum meninggalkan premis perniagaan.

Dalam kesempatan ini, pihak JBP juga ada menyediakan program-program keselamatan seperti Taklimat Life Saver 995 dan Kursus Fire Marshal bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan serta mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan alat pemadam api.

Jika berlaku sebarang kejadian kecemasan, hendaklah berhubung terus ke talian kecemasan 995 dengan memberikan maklumat yang tepat.

## Tawaran pakej pelancongan berasaskan komuniti akan diperkenalkan

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**TUTONG**, Khamis, 16 Julai. - Destinasi pelancongan di Daerah Tutong tidak kurang hebatnya sebagaimana daerah-daerah yang lain malah daerah ini turut memperkenalkan pakej-pakej menarik untuk pelancong dan juga penduduk tempatan di negara ini di mana pantainya yang indah dan produk kraf tangan bermacam-macam jenis.

Untuk memasarkan potensi daerah ini, Badan Kemajuan dan Kreatif (BKK) Daerah Tutong berperanan dalam menawarkan Pakej - pakej Pelancongan Berasaskan Komuniti (Community-Based Tourism - CBT) melalui Pusat Informasi Pelancongan dan Galeri Destinasi Tutong.

Maklumat mengenai pakej-pakej pelancongan dan jualan cenderahati hasil kraf tangan serta produk-produk Satu Kampung Satu Produk (1K1P) boleh didapati di bangunan BKK yang terletak di Pekan Tutong.

Ketua Pegawai Eksekutif BKK, Awang Muhammad Amir bin Haji Umarali, semasa ditemui Pelita Brunei baru-baru ini mengongsikan tentang penerbitan satu risalah, Pakej-Pakej Lawatan CBT Daerah Tutong di mana akan dilancarkan tidak lama lagi.

Pakej-pakej tersebut memfokuskan kepada aktiviti yang melibatkan komuniti dan penduduk kampung dengan harga dan durasi lawatan yang berpatutan.



PUSAT Informasi Pelancongan dan Galeri Destinasi Tutong memudahkan orang ramai memperoleh maklumat pakej-pakej pelancongan, berasaskan komuniti yang terdapat di Daerah Tutong.

Untuk permulaan, menurut Awang Muhammad Amir, empat buah kampung disenaraikan dalam risalah tersebut iaitu Kampung Kiudang; Kampung Tanjung Maya; Kampung Sengkarai dan Kampung Lamunin.

Setiap kampung menawarkan produk berbeza dan mempunyai tarikan sendiri yang pastinya membolehkan pelancong merasai keramahan penduduk kampung, mencuba aktiviti secara langsung dan menyaksikan persembahan kebudayaan daripada puak-puak etnik Tutong.

"City Tour merupakan yang paling laris kerana ia hanya berdurasi tiga jam, namun ia meliputi semua yang ada di daerah ini, seperti lawatan ke rumah budaya, galeri destinasi, dan lawatan ke salah sebuah pengusaha produk 1K1P yang

dipilih," tambahnya.

Buat masa ini tempahan hanya boleh dilakukan melalui e-mel di [tutongdestination@yahoo.com](mailto:tutongdestination@yahoo.com) atau menghubungi nombor +673 8679017, +673 8654208 dan +673 8865925.

"Namun sistem secara dalam talian juga akan diperkenalkan bagi memudahkan proses tempahan di masa akan datang," ujarnya. Pusat Informasi Pelancongan dan Galeri Destinasi Tutong dibuka setiap hari pada waktu bekerja dan tutup pada Jumaat dan Ahad, melainkan jika ada tempahan yang diadakan pada hari tersebut.

Negara Brunei Darussalam dikenali sebagai 'The Kingdom of Unexpected Treasures' ini tidak dinafikan mempunyai pelbagai tarikan untuk pelancong mengalami sendiri aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan di

negara ini.

Gelaran tersebut tentunya diberikan secara kolektif untuk keempat-empat daerah yang

menawarkan tempat-tempat menarik di setiap daerah, tinggal saja kita memilih aktiviti yang kita mahukan.

## Tahukah Awda

**UNIVERSITI** Brunei Darussalam (UBD) meneruskan lagi kecemerlangan perkembangan mereka dalam Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings dengan melonjak naik 44 tangga ke-254 di seluruh dunia.

Pertama kali memasuki QS World University Rankings QS World University Rankings di kedudukan 349 pada tahun 2017, kemudian 323 pada tahun 2018, di kedudukan yang ke-298 pada tahun lepas sehingga sekarang berada pada kedudukan ke-254 di dunia.

UBD terus menunjukkan prestasi yang sangat baik khususnya seperti dalam Fakulti Antarabangsa yang berada di kedudukan ke-46 di dunia, Nisbah Fakulti-Pelajar di kedudukan yang ke-65 dan pelajar antarabangsa di kedudukan ke-218.

SUMBER : Pelita Brunei, Sabtu, 13 Jun 2020.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

'KIKIS SIFAT TAMAK, WUJUDKAN SIFAT MURAH HATI KERANA MEMBELANJAKAN HARTA KE JALAN ALLAH'

دتریبتنک اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نځارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam